

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid V**

**Bil. 16**

**Selasa**

**4 Mei 1999**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1998 dan 1999) 1999.

(Ruangan )

**USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1)1999

**Jawatankuasa:**

- Maksud P.7 (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:** (Sambungan)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1998 dan 1999) 1999.

(Ruangan)

**Jawatankuasa:**

Jadual Pertama

Maksud B.16 (Ruangan)

Maksud B.20 (Ruangan)

Maksud B.29, B.30 dan B.32 (Ruangan )

**USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.3)1998.

**Jawatankuasa:**

Maksud P.20 (Ruangan)

Maksud P.28 (Ruangan)

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1)1999.

**Jawatankuasa:**

Maksud P.14 (Ruangan)

Maksud P.25 (Ruangan)

Maksud P.28 dan P.53 (Ruangan)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)



- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan  
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Selasa, 4 Mei 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihaknya ke atas pelajar-pelajar TESL di bawah biasiswa kementeriannya yang tidak dapat meneruskan pelajaran ke luar negara akibat kegawatan ekonomi pada 1997. Adakah kementerian telah memaklumkan berkenaan perkara ini kepada ibu bapa pelajar ataupun pelajar sendiri berkenaan rancangannya bagi membolehkan pelajar ini meneruskan pengajian sama ada di dalam mahupun luar negara.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di Pertua, format asal program kembar praperkhidmatan B. Ed. TESL adalah 2+2 iaitu dua tahun di dalam negara dan dua tahun di luar negara. Walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, Kementerian Pendidikan akan memastikan pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut tidak terjejas. Langkah-langkah berikut telah diambil oleh kementerian agar program tersebut berjalan lancar:

- (i) Bagiambilan 1995, seramai 85 orang pelajar akan mengikuti program ini berdasarkan format 3+1 iaitu tiga tahun di dalam negara dan satu tahun di luar negara; dan
- (ii) Bagiambilan 1996 dan 1997, pihak Kementerian Pendidikan masih dalam proses perundingan dengan pihak konsortium institusi-institusi pendidikan di United Kingdom. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan akan memastikan bahawa pelajar-pelajar terlibat dapat



meneruskan pengajian sehingga tamat. Mereka akan dimaklumkan sebaik sahaja keputusan muktamad diperolehi.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagaimana pencapaian bahasa Inggeris bagi tahun 1998 di peringkat SPM, PMR dan juga UPSR yang lalu, dan berasaskan kepada soalan No. 23 pada hari ini di mana enam maktab perguruan akan ditutup, manakala tahap pencapaian bahasa Inggeris khususnya masih lagi belum memuaskan. Jadi, saya hendak bertanya adakah pihak kementerian bercadang hendak menggunakan salah satu daripada maktab perguruan yang hendak ditutup ini sebagai satu maktab khusus untuk mengeluarkan guru-guru bahasa Inggeris yang masih kekurangan sekarang?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Inggeris boleh dikatakan sederhana jika dibandingkan dengan mata-mata pelajaran yang lain yang telah memperlihatkan pencapaian yang lebih tinggi. Kementerian amat prihatin atas perkara ini. Antara langkah yang kita telah ambil ialah supaya guru-guru yang berwibawa dalam bahasa Inggeris akan disambung kontrak sekiranya mereka sampai kepada umur wajib pensyen. Kedua, ialah untuk mengkaji supaya setiap orang guru yang mempunyai opsiyen bahasa Inggeris benar-benar mengajar opsiyen bahasa Inggeris, kerana didapati bahawa ada sebahagian yang ditempatkan mengikut keperluan peribadi yang menyebabkan mereka tidak mengajar opsiyen dalam bahasa Inggeris dan mereka ini akan dipindahkan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan khidmat mereka.

Kementerian sedang melihat bagaimana usaha ini boleh ditingkatkan lagi melalui latihan dengan lebih ramai lagi guru-guru pengkhususan dalam bidang bahasa Inggeris. Yang menjadi masalahnya bukan menyediakan program tetapi calon yang berkualiti, itu yang menjadi rintangan yang besar.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menjimatkan kos, kementerian ada membawa masuk guru-guru bahasa Inggeris dari luar negeri bahasa Inggeris mengajar di institusi-institusi pendidikan di negara ini,

bagaimana kedudukan program ini sama ada ia memberi kesan baik dalam menyediakan tenaga pengajar bahasa Inggeris atau melengkapkan pelajar dengan penguasaan bahasa yang tinggi?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah lama menamatkan program ini kerana kita didapati bahawa ada sedikit masalah terutama sekali dari segi pembiayaan sebab guru-guru ini mendapat ganjaran yang jauh lebih tinggi daripada guru-guru kita. Dengan penurunan nilai mata wang kita maka kosnya adalah terlalu tinggi. Keduanya, dari segi penyesuaian guru-guru ini dengan keadaan dan budaya setempat. Namun demikian, kita sedang merisik dengan kerajaan-kerajaan luar negeri sama ada mereka berminat untuk membantu kita dalam program ini dalam bentuk pembahagian kos (cost sharing). Kalau ada program sedemikian yang dibiayai separuh ataupun sebahagian daripada kerajaan asing kita boleh menimbangkan pengambilan guru-guru dari negara asing untuk mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita.

2. **Tuan Fu Ah Kow [Mentakab]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) peratusan kejayaan projek Tanaman Semula Berkelompok (TSB) dan Mini Estet yang diuruskan oleh anak syarikat RISDA; dan
- (b) adakah benar segala permohonan bantuan tanaman-tanaman semula baru tidak akan dilulus kecuali tuan punya tanah bersetuju menyerahkan pengurusannya kepada RISDA Plantation Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat RISDA. Jika benar, apakah rasionalnya dan caj yang akan dikenakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan,

- (a) Projek tanaman semula berkelompok dan mini estet yang diuruskan oleh anak syarikat RISDA berjaya 100%.

- (b) Adalah tidak benar bahawa permohonan tanaman semula tidak akan diluluskan kecuali pemilik tanah bersetuju menyerahkan pengurusannya kepada RISDA Smallholders Plantation Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat RISDA.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, satu masalah yang dihadapi oleh peserta-peserta TSB ini adalah bantuan ses yang diberikan kepada peserta-peserta ini semasa tanaman semula diadakan. Adakah kerajaan ingin meneruskan bantuan ses ini ataupun apakah ada strategi-strategi lain untuk membantu pekebun-pekebun menyara hidup semasa tanam semula berkelompok?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ingin memberhentikan pemberian bantuan ses kepada pekebun-pekebun kecil yang ingin menanam semula. Ini akan diteruskan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila seorang pekebun kecil mengemukakan permohonan beliau di RISDA biasanya harus tunggu satu masa yang cukup panjang dengan alasan mengatakan bahawa peruntukan yang disediakan memang tidak cukup. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah peruntukan yang disediakan oleh pihak kementerian pada tahun 1998 dan 1999 dan berapa peratus daripada semua permohonan ini dapat dilaksanakan, mungkin tidak sampai 50% ataupun 60%. Jadi, saya hendak tahu peruntukan dan peratusnya. Tadi, mengikut jadual rancangan seorang pemohon apabila mengemukakan satu permohonan biasanya berapa lama atau berapa tahun mereka harus tunggu untuk mendapat bantuan tanam semula?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan bahagian pertama saya tidak mempunyai angka-angka yang tepat berkaitan dengan berapa kita ada peruntukan untuk tanaman semula. Tetapi 14 orang pekebun kecil mengemukakan permohonan ini tidak mengambil masa yang panjang jika mereka memberi butir-butir yang dikehendaki oleh pihak yang tertentu untuk mengkaji. Pada masa sekarang seorang pekebun kecil yang ingin menanam semula getah mereka akan diberi RM2,500. Bagi

lain-lain tanaman kita beri RM1,800. RM2,500 itu kita tidak beri sekali gus. Kita beri dalam enam peringkat mengikut kerja yang dibuat oleh mereka. Kalau kita beri RM2,500 sekali gus mereka tidak akan buat tanaman semula, mereka akan berbelanja kepada lain-lain perkara. Oleh sebab itu, kerajaan berhati-hati terhadap pekebun kecil untuk memelihara mereka. Mereka akan menghantar pegawai untuk siasat kemudian akan diberi mengikut enam ansuran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3 dengan sedikit pembetulan. Dalam baris keempat perkataan 'seolah-olah' itu saya minta dipotong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

3. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa ceramah-ceramah politik yang lebih bersifat rapat-rapat umum anjuran PAS di seluruh negara akhir-akhir ini telah menimbulkan ketegangan di kalangan orang-orang Melayu di luar bandar dan boleh menjejaskan keselamatan negara. Apakah tindakan kementerian mengenai perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedar bahawa terdapat merata-rata ceramah-ceramah politik anjuran PAS lebih merupakan rapat-rapat umum yang mana masih diharamkan di negara ini. Kerajaan juga sedar bahawa rapat-rapat umum yang dibuat di atas nama ceramah sememangnya telah menimbulkan ketegangan di kalangan orang-orang Melayu di luar bandar dan ini boleh menjejaskan keselamatan negara.

Kementerian Dalam Negeri tidak melarang mana-mana parti politik termasuk PAS untuk mengadakan ceramah-ceramah politik. Walau bagaimanapun setiap parti yang ingin membuat demikian adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam permit yang dikeluarkan. Pihak polis sentiasa memantau ceramah-ceramah ini

bagi memastikan tidak berlakunya perkara-perkara yang boleh menggugat keselamatan negara.

Di samping itu intipati ucapan yang berupa hasutan bagi memecahbelahkan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini juga sentiasa diberi perhatian oleh pihak berkuasa. Namun demikian, inginalah dinyatakan bahawa usaha-usaha kerajaan khususnya pihak polis dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam mengawal perhimpunan-perhimpunan politik oleh PAS ini kian lama menjadi rumit dan sukar. Ini adalah kerana pihak PAS sering tidak mengendahkan syarat-syarat yang telah dikenakan oleh polis dalam permit-permit yang berkaitan. Misalnya, permit diminta untuk diadakan ceramah dalam bangunan tertutup tetapi apa yang terjadi adalah ianya lebih merupakan rapat umum dengan diadakan pembesar-pembesar suara dari bangunan yang asal. Pihak polis dalam banyak keadaan tidak boleh mengambil tindakan tegas serta terpaksa mengharungi berbagai penghinaan dan terpaksa juga banyak bersabar semata-mata untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Dalam keadaan sedemikian, yang sedang menjadi-jadi sekarang ini, pihak kerajaan dan polis sedang memikir dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya bagaimana sistem dan cara berkempen di negara kita yang telah berjalan begitu lama dan dengan selamatnya dapat diteruskan. Kerajaan benar-benar berazam dan sedang berusaha supaya kejadian rusuhan serta bunuh-membunuh yang sedang berlaku di sebuah negara jiran sekarang ini tidak akan berlaku di negara kita.

Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada semua parti politik khususnya parti PAS agar lebih menghormati dan bertanggungjawab dalam menggunakan kebebasan yang diberi oleh kerajaan dan undang-undang dalam mereka menjalankan urusan kempen dan berpolitik mereka.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu syarat yang saya difahamkan bahawa penceramah itu mesti berada dalam rumah. Jadi, selalu ceramah-ceramah PAS ini penceramahnya ada dalam rumah tetapi mikenya 'berelong-relong' orang Kedah kata, di luar. Jadi,

perhimpunannya berpuluh ribu. Kalau Yang Berhormat dari Kubang Kerian berucap saya ingat berpuluh ribu orang hadir, jammed habis semua jalan, tetapi dia yang berucap itu duduk dalam rumah. Adakah kementerian sedar tentang hal ini? Adakah pindaan berhubung dengan perkara ini, misalnya berceramah mesti tidak boleh pakai mike, macam orang UMNO berceramah di dalam rumah sahaja, itu pun kita menang pilihan raya, kita berceramah untuk orang yang mengundi. Ceramah PAS ini dia berceramah, orang yang tidak mengundi PAS pun ada. Seluruh negeri Kedah dia panggil. Jadi, adakah kementerian bercadang meminda syarat-syarat ini supaya sesuai dengan semua parti?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang benda ini sering berlaku mereka pun dok senyum sahaja tengok, makna dia setuju. Kadangkala dalam keadaan macam itu pihak polis tidak hendak terlalu menyekat kebebasan untuk mereka berkempen. Kerajaan memang begitu berbesar hati. Tetapi malangnya bila polis pergi menasihati mereka, mereka hendak 'godam' polis pula, dia hendak pukul polis, ugut polis. Jadi, kadang-kadang polis terpaksa berundur supaya kejadian-kejadian yang tidak diingini tidak berlaku. Jadi, eloklah dinasihatkan orang-orang PAS ini, kebanyakan pemimpin dia ada di sini supaya janganlah samseng sangat. Lebih baiklah kita berpolitik secara yang sihat. Kalau tidak jadi macam – orang UMNO pun boleh lawan balik juga. Kalau lawan balik, jadi macam di Pulau Jawa sekarang ini, rusuhan, membakar dan sebagainya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sama ada pihak kementerian sedar atau tidak, kalau kita perhatikan trend sekarang di mana parti-parti pembangkang menimbulkan isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan dan ini dilakukan secara berterusan selama sebelum menjelang pilihan raya. Saya dapati trend ini sama dengan apa yang berlaku menjelang peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969. Jadi, sama ada kementerian sedar tentang perkara ini dan apakah cara yang lebih efektif untuk mengelakkan peristiwa ini berulang lagi?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar dan itulah yang saya telah menyatakan pihak kerajaan dan juga polis sedang berfikir dan mengkaji dengan secara mendalam bagaimana kempen cara sihat dapat kita teruskan seperti yang telah berlaku pada tahun-tahun yang berlalu. Memang sedikit-sebanyak ketegangan sudah mula berlaku di kawasan luar bandar. Misalnya pilihan raya begitu lama lagi tetapi puak PAS ini telah memasang benderanya di merata-rata termasuk di tempat-tempat awam. Ini memanglah bertentangan dengan undang-undang yang ada. Kalau parti yang lain hendak pasang sepuluh kali ganda lagi pun boleh tetapi ini akan timbulkan ketegangan dalam negara kita sedangkan pilihan raya begitu jauh. Bendera-bendera di tempat-tempat awam dan sebagainya boleh dipasang tetapi hanya apabila pilihan raya telah pun diisytiharkan. Ini lambat lagi. Bendera dia pun sudah carik, koyak, malu dan mengotorkan suasana.

4. **Tuan Haji Nik Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program dan aktiviti yang berkesan yang telah diambil bagi mengatasi keruntuhan moral dan kehancuran masa depan majoriti golongan belia di negara ini yang terang dan nyata terlibat dengan pelbagai anasir negatif dan malapetaka dunia-akhirat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil sepenuh usaha untuk membangunkan negara dan masyarakat ke arah mencapai takrif negara maju. Falsafah pembangunan negara adalah sangat jelas di mana takrif negara maju ini tidak terbatas kepada kemajuan ekonomi bahkan mencakupi semua bidang peradaban termasuklah kemajuan sosial dan budaya masyarakat. Sedemikian falsafah pembangunan ini merentas semua usaha rancangan dan program pembangunan kerajaan termasuk program pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Mengenai gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja, kementerian sentiasa berusaha untuk menghindarkan generasi muda dari terjebak dengan kegiatan-kegiatan negatif dengan mengadakan aktiviti masa lapang yang berfaedah dan aktiviti

pembangunan diri seperti pembangunan sahsiah, kemahiran, keusahawanan dan lain-lain lagi.

Usaha kementerian lebih merupakan kepada membendung golongan majoriti anak-anak muda yang tidak bermasalah atau perilaku positif dari terpengaruh dan terjebak di dalam aktiviti negatif di samping menghubungi golongan minoriti anak-anak muda yang telah bermasalah atau berpotensi bermasalah untuk terhindar dari kegiatan tidak sihat melalui aktiviti positif.

Pendekatan ini diambil berasaskan satu kajian yang dibuat di mana hanya 4% sahaja anak-anak muda negara ini bermasalah berbanding 90% lagi berperilaku baik dan memuaskan. Kementerian Belia dan Sukan berpandangan, tanggungjawab membangunkan anak-anak muda terutama membina akhlak adalah tanggungjawab masyarakat keseluruhannya termasuk ibu bapa, pemimpin-pemimpin, kerajaan dan semua pihak yang cintakan masyarakat dan negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya apabila sesuatu badan ditubuh, orang yang berakhlak, orang yang baik, orang yang perilaku sempurna mengikut. Umpamanya, kalau kita tubuh pergerakan macam St. John Ambulance, Boys Scout dan sebagainya, tetapi sejarah sedemikian yang awal sekali ialah budak pengakap pada 1907 ditubuhkan oleh kerana dilihat anak-anak orang Inggeris pada masa itu adalah yang frail and fragile, kata Robert Baden-Powell. Jadi diwujudkan badan macam belia, Rakan Muda yang kita wujudkan pada masa sekarang untuk mengatasi masalah moral ini. Jadi persoalannya, bagaimanakah kerajaan dan kementerian memfokuskan tindakan supaya yang 4% itu tidak tercicir terus. Umpamanya kita tubuhkan Rakan Muda di pusat serenti, tubuhkan Rakan Muda di jel, tubuhkan Rakan Muda di tempat-tempat yang mana budak lepak dan sebagainya. Dijemput orang ini bagi inisiatif, insentif dan sebagainya supaya orang ini terlibat. Jangan ambil daripada budak-budak sekolah yang baik. Jadi, persoalan saya, apakah rancangan supaya yang 4%, ini yang sudah tercicir ini terlibat dengan program-program pembangunan bukan diambil orang yang sudah sempurna akhlaknya.



**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan yang begitu bernas daripada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya pihak kementerian sentiasa mengambil langkah seperti mana yang telah dianjurkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya setuju bahawa pihak-pihak yang membantu Kementerian Belia dan Sukan menjalankan program-program Rakan Muda mesti mengambil inisiatif ini. Kadangkala kita dapati bahawa persatuan-persatuan belia yang membantu kerajaan menjalankan program Rakan Muda, mereka mungkin mengambil jalan kerja senang, mereka hanya menumpu kepada ahli-ahli persatuan, walhal kalau kita ikut tujuan Rakan Muda ini adalah seperti mana Ahli Yang Berhormat berkata tadi.

Jadi, saya memang bersetuju dan Insya-Allah, kita akan menasihati persatuan-persatuan yang menjalankan program ataupun memasyarakatkan program Rakan Muda ini supaya memberi tumpuan yang lebih kepada 4% yang saya katakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan asal daripada Setiausaha Parlimen, saya ingin tahu setakat manakah keberkesanan program-program yang telah dijalankan oleh kementerian dan berapa peratuskah daripada 4% remaja yang bermasalah itu yang ikut serta dalam program-program yang dianjurkan oleh kementerian.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa program-program kita memang berkesan malah kita tidak menang tangan untuk membantu persatuan-persatuan belia dan semua pihak yang mahukan participate di dalam program Rakan Muda ini. Jadi untuk perangkaan 4% itu Ahli Yang Berhormat, kementerian dalam planning untuk mengadakan satu lagi program untuk kita turun ke padang supaya kita dapat maklumat terperinci sama ada perangkaan 4% ini sudah meningkat ataupun sudah kurang. Insya-Allah, kementerian sentiasa prihatin dan kita mahu bahawa perangkaan 4% ini dapat diturunkan secepat mungkin.

*[Soalan No.5 - Y.B. Dato' Haji Salamon bin Selamat [Shah Alam] tidak hadir]*

6. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan enam (6) Maktab Perguruan akan ditutup pada pertengahan tahun 1999, apakah rasional penutupan maktab-maktab perguruan ini dan tidakkah kementerian mempunyai rancangan untuk menggunakan maktab-maktab ini bagi melatih guru-guru peringkat prasekolah yang memerlukan kepakaran khusus dalam bidang berkenaan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, empat buah maktab perguruan akan ditutup pada pertengahan tahun 1999. Empat buah maktab tersebut adalah Maktab Perguruan Teruntum, Kuantan; Maktab Perguruan Mohd. Khalid, Johor Baharu; Maktab Perguruan Kinta, Ipoh; dan Maktab Perguruan Sains Bintulu. Dua buah lagi telah ditutup pada penghujung tahun 1998. Penutupan maktab-maktab perguruan berkenaan adalah berdasarkan perancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan untuk menyediakan latihan perguruan yang berkualiti untuk bakal guru dan juga guru-guru dalam perkhidmatan. Kelengkapan latihan yang terkini serta infrastruktur yang mencukupi setaraf dengan kemudahan yang terdapat di IPT lain adalah perlu untuk menjamin kualiti latihan dan seterusnya kualiti guru yang dikeluarkan.

Maktab-maktab perguruan yang akan ditutup didapati tidak mempunyai kelengkapan pembelajaran yang mencukupi. Pada masa yang sama juga, keluasan tanah yang terhad tidak memungkinan projek-projek naik taraf prasarana pembelajaran dilaksanakan.

Kementerian Pendidikan tidak ada cadangan untuk menjadikan mana-mana maktab perguruan berkenaan sebagai pusat latihan khusus bagi melatih guru-guru prapersekolahan. Pada ketika ini terdapat 1075 guru pelatih sedang mengikuti latihan perguruan dalam bidang pengajian prasekolah di maktab-maktab perguruan Malaysia.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah mismatch dalam bekalan guru terlatih, di mana kita dapati bilangan guru untuk satu-satu mata pelajaran adalah berlebihan dan pada masa yang sama untuk mata

pelajaran lain adalah berkurangan. Adakah Kementerian Pendidikan bercadang mengadakan skim gaji yang berasingan khas untuk guru-guru sebagai satu langkah untuk menarik lebih ramai menceburi dalam bidang perguruan khususnya kaum lelaki. Sekian.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu skim yang berbeza-beza mengikut mata pelajaran pengkhususan tertentu akan menimbulkan banyak masalah. Untuk mengatasi masalah ini kita telah mengambil beberapa langkah termasuk penyambungan kontrak bagi guru-guru yang sudah pencen-exercise redeployment dengan izin, yang sedang kita lakukan dan pengambilan guru-guru akan kita dasarkan kepada keperluan dari segi mata pelajaran yang kritikal.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu atau sedar kebelakangan ini kerap kali truancy iaitu ponteng di antara guru-guru yang tidak ingin pergi ke sekolah untuk mengajar murid-murid tetapi mengambil gaji setiap bulan dan tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil. Baru-baru ini satu sekolah di Kampar telah dikesan, bahawa guru itu telah tidak pergi ke sekolah sehingga enam bulan dan didapati bahawa tidak ada apa-apa tindakan yang diambil sehingga perkara itu disiarkan di surat khabar dan perkara itu bukan satu isolated incident. Saya difahamkan banyak sekolah diantaranya sekolah Tamil dan adakah Yang Berhormat sedar dan apakah tindakan yang akan diambil, memandangkan ramai di antara guru-guru ini adalah yang memegang jawatan tinggi dalam UMNO.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Ahli Yang Berhormat Teluk Intan membuat satu kenyataan yang melulu dan tidak berasas. Kita telah mengeluarkan arahan bahawa semua guru mesti patuh kepada prinsip perkhidmatan termasuk melaporkan diri mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kalau sekiranya ada mana-mana guru yang meninggalkan tempat kerja dengan tidak ada alasan yang munasabah, tindakan tatatertib telah dan akan terus diambil.

7. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah laporan tentang penggunaan kad pengenalan palsu yang telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain kesalahan yang telah berlaku semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah 1999 yang baru berlalu.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah 1999, sebanyak 20 laporan tentang penggunaan kad pengenalan palsu atau kad pengenalan selain dari kepunyaannya telah dilaporkan. Lain-lain kesalahan yang juga dilaporkan semasa pilihan raya tersebut adalah kesalahan kecil seperti menyebut perkataan menghasut, gangguan, mencetak bahan bacaan tanpa permit, menakutkan secara jenayah, kegiatan membakar yang mengganggu, mencuri, membuat kenyataan palsu, kelakuan khianat, menyamar dan sebagainya.

Namun demikian, saya inginlah mengucapkan setinggi tahniah kerana pada keseluruhannya semua kempen oleh semua parti politik di Negeri Sabah telah pun dijalankan dengan cara baik dan pada keseluruhannya tidak ada perkara-perkara tidak baik yang besar berlaku.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Pengeluaran dan juga penggunaan kad pengenalan palsu kini sudah jadi commonplace di Sabah bukan sahaja untuk tujuan pergi mengundi tetapi juga lain-lain tujuan seperti mencarum di dalam KWSP, menjadi ahli SOCSO, membuka akaun-akaun di dalam bank mahupun membeli harta benda oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin. Soalan saya ialah apakah jaminan kerajaan supaya Jabatan Pendaftaran Negara bertindak secara serius dan profesional untuk membenteras gejala penggunaan kad pengenalan palsu ini dan sama ada Jabatan Pendaftaran Negara telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk bekerjasama dengan jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membuat pengesahan ataupun verification terhadap kad pengenalan mereka sama ada yang menjadi pekerja ataupun pelanggan kepada jabatan dan agensi berkenaan termasuk juga SPR.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga sedar bahawa kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai langkah untuk mengenalpasti kad-kad pengenalan palsu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Malah kerajaan telah pun menahan beberapa orang kuat parti UMNO sendiri dan juga pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran bertahun-tahun

lamanya untuk menjalankan siasatan rapi dan untuk membongkar bagaimana sendiket itu beroperasi dan sebagainya. Dan semua kad pengenalan yang telah dikeluarkan adalah berdasarkan dokumen-dokumen yang telah pun diserahkan. Jadi, ini adalah satu urusan yang tidak boleh hanya dibiarkan kepada pegawai-pegawai sahaja.

Kalau orang ramai di Sabah mempunyai bukti-bukti tertentu tentang penyelewengan dan sebagainya maka haraplah dikemukakan kepada Jabatan yang berkaitan. insya-Allah tindakan serta-merta akan diambil. Kalau tindakan tidak diambil bolehlah dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri atau kepada saya sendiri, Insya-Allah, kita jamin. Kita perlu kerjasama semua pihak untuk menangani masalah ini.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai kesungguhan kerajaan setakat ini berapa orang yang masih ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi mereka yang membuat kad pengenalan palsu dan setakat ini masih adakah sendiket-sendiket membuat kad pengenalan palsu ini yang masih dalam siasatan di Sabah.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak angka spesifik pada soalan yang spesifik itu. Tetapi setahu saya hampir ke semua orang yang ditahan lebih kurang dua, tiga tahun dahulu sudah pun dibebaskan namun demikian mereka ini telah pun ditahan di bawah restricted resident. Bermakna ditahan di sesuatu tempat dan kegiatan mereka dipantau sepanjang masa oleh pihak polis. Alhamdulillah, nampaknya pada ketika ini tidak terdapat bahawa ada sendiket-sendiket yang cuba lagi untuk menjalankan kegiatan seperti yang berlaku pada masa dahulu.

**8. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pertanian menyatakan seperti berikut:-

- (a) hasil tanaman padi di Malaysia tiap-tiap tahun; dan
- (b) berapakah jumlah padi yang diimport tiap-tiap tahun dan harganya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil tanaman padi di Malaysia untuk beberapa tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Hasil</b> (juta/tan metrik)	<b>Purata Hasil Semusin</b> (tan metrik sehektar)
1994	2.139	3.061
1995	2.127	3.162
1996	2.285	3.251
1997	2.222	3.068

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negara kita tidak mengimport padi tetapi mengimport beras sebanyak 350-650 ribu tan metrik bernilai di antara RM260 juta hingga RM680 setahun bagi tempoh 1994 hingga 1997 seperti berikut:

<b>Tahun Import/ Metrik Tan</b>	<b>RM Juta</b>
1994	343,481
	260.6
1995	437,248
	342.98
1996	561,983
	492.733
1997	644,155
	682.8

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan. Dahulu pihak kementerian telah membuat kajian tetapi adakah mereka masih meneruskan kajian tersebut kerana kadang-kadang buah kelapa, kulitnya kita boleh buat sabut, isinya pula boleh buat santan, jadi pokok padi ini iaitu sekamnya, adakah pihak kementerian membuat kajian yang mendalam supaya dengan hasil ini kita akan dapat pertingkatkan lagi pendapatan kepada petani-petani. Begitu juga batang pokok padi ini. Adakah pihak kementerian akan terus membuat kajian untuk memastikan bahawa sekam pokok padi boleh dipergunakan untuk sesuatu yang

mendatangkan pendapatan kepada petani-petani. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat dari Yan yang telah begitu prihatin terhadap masalah pemasaran petani. Itulah kita harapkan dapat kita usahakan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah membuat kajian misalnya sekam padi, kita telah gunakan saringan untuk jadikan tenaga yang boleh membikin hidroelektrik. Dia bakarkan sekam itu jadi tenaga haba yang boleh membikinkan electricity dan seterusnya menjana. Perkara ini telah dibuat dan satu lagi ialah menggunakan sekam juga untuk buat haba yang akan mengeringkan padi. Itulah yang kita buat.

Jadi, berkenaan dengan perkara ini kita akan teruskan usaha-usaha ini ke arah supaya tidak mencemarkan kawasan. Berkenaan dengan jerami pula memang kita telah mengadakan satu program yang boleh membuat jerami untuk makanan ternakan misalnya kuda dan lembu. Insya-Allah, kita akan usahakan.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan yang diberikan tadi, pencapaian sebanyak 3.61 tan bagi satu hektar padi yang dicapai sekarang ini dan dulu pernah Timbalan Menteri memberikan matlamat bahawa 1 hektar kementerian mengharapkan akan dapat 7 tan bagi satu hektar. Bermakna kita masih kekurangan lebih daripada separuh daripada matlamat yang ditetapkan oleh kementerian. Apa yang saya ingin dapat penjelasan ialah apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk menambahkan lagi hasil padi sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Soalan saya yang kedua ialah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah setakat itu.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Satu, sambungan bukan soalan, sambungan, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Bukan soalan tetapi sambungan, iaitu Kementerian menggalakkan petani menanam padi wangi tetapi di Perlis padi wangi ini diharamkan daripada ditanam kerana boleh membawa penyakit. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan perkara itu. Silap.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah mengatakan purata hasil padi ialah saya agak kurang. Ini purata yang kita katakan ini ialah purata hasil padi bagi kawasan yang baik mutunya dan hasilnya dan juga yang tidak baik misalnya kawasan-kawasan mungkin katakana di sini yang ceruk-ceruk yang tidak dapat hasil yang baik.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, misalnya di Sekinchan, kita telah mendapat lebih 7 tan. Di kawasan MADA sendiri pun ada yang dapat 6 tan, ada yang dapat 5 tan, Yang Berhormat pun tahu. Jadi itulah kita sedang usahakan sekarang ini untuk secara purata peringkat nasional ditingkatkan dengan lain perkataan kalau kita tingkatkan katalah 5 tan cukuplah setiap 1 hektar. Kalau 1 hektar 1 tan maka dengan ini kita dapat mengurangkan perbelanjaan kita untuk mengimport.

Berkenaan padi wangi yang diharamkan ataupun tidak digalakkan disebabkan padi wangi ini diimport ataupun dibawa daripada negara luar yang telah dipastikan mengandungi satu penyakit ataupun karah padi. Kalaulah kita tanam, saya takut, Yang Berhormat, kawasan Arau sendiri tidak akan dapat tanam dengan baik disebabkan penyakit karah ini, itulah kita berwaspada, kita tidak mahu libatkan orang ramai dan lain-lain. Terima kasih.

*[Soalan No. 9 – Y.B. Dato' Dr. Kamal bin Salleh ( Wangsa Maju) tidak hadir].*

*[Soalan No. 10 – Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir].*

11. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Kementerian telah membenarkan penubuhan beberapa akademi pemandu untuk membantu latihan dan pengajaran kepada bakal pemandu untuk menjadi lebih cekap, tertatur dan sistematik, mengapakah gabungan sekolah-sekolah pemandu telah diberi keutamaan dan kepercayaan untuk menubuhkan akademi seluruh negara.



**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, penubuhan akademi ataupun institut memandu adalah melibatkan pembinaan sebuah kompleks pejabat yang lengkap serta mempunyai litar ujian bagi pengajaran menunggang motosikal, membawa kereta dan lori. Sebagai sebuah institut memandu, ianya perlu mempunyai sebuah bilik kuliah yang lengkap untuk mengendalikan kursus Kurikulum Baru Sekolah Memandu ataupun KBSM, Ujian Undang-undang secara bertulis, dan selain daripada itu juga institut memandu juga menyediakan bilik komputer bagi pengendalian pembelajaran ujian statik dengan menggunakan komputer di samping lain-lain kemudahan untuk keselesaan kepada calon-calon memandu seperti kantin, dewan bagi menunggu ujian, praktikal dan juga bilik sembahyang.

Tuan Yang di-Pertua, di institut memandu juga, kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengajaran tidak melebihi lima tahun sementara pengajaran di litar ujian boleh dijalankan pada waktu malam kerana ianya mempunyai kemudahan lampu di seluruh litar. Melalui kelengkapan tempat pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan ditambah pula tenaga pengajar di institut yang merupakan pengajar yang ditauliah oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, maka pengajaran dan latihan yang diberikan oleh institut-institut memandu adalah lebih tersusun dan teratur di mana ianya dapat melahirkan bakal pemandu yang lebih cekap dan competent.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sememangnya menjadi hasrat kerajaan menggalakkan sekolah-sekolah memandu untuk menubuhkan institut memandu melalui cara penggabungan di antara mereka. Daripada jumlah 90 buah institut memandu yang telah pun diluluskan di seluruh negara pada ketika ini, 65 buah daripadanya adalah merupakan institut memandu yang ditubuhkan hasil daripada gabungan pengusaha sekolah-sekolah memandu sendiri. Sementara 25 buah sekolah memandu yang lainnya adalah merupakan gabungan pengusaha sekolah-sekolah memandu dengan ahli-ahli perniagaan dan melalui penggabungan ini adalah diharapkan bukan sahaja sekolah-sekolah memandu yang terlibat akan mendapat faedah yang lebih baik terutama dari segi pendapatan, maka ianya akan juga membantu mereka

meningkatkan perkhidmatan pembelajaran memandu kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat di Malaysia 70% daripada yang mati tiap-tiap tahun ialah penunggang motosikal dan 70% daripada yang mati, penunggang motosikal ini ialah orang yang berumur 30 tahun ke bawah. Jadi, penumpuan sekolah memandu ialah pemandu kereta. Yang bermasalah di jalan raya ialah pemandu motosikal dan pemandu lori yang besar-besar tetapi penekanan ditumpu kepada yang lain, yang bermasalah di tempat lain. Maknanya fokus daripada segi syllabus, sistem dan sebagainya yang di tubuhkan oleh kita ini adalah berlainan daripada untuk mengatasi masalah yang wujud di negara kita.

Jadi, macam mana syllabus ataupun arahan dan panduan kepada akademi ini boleh mendatangkan satu pencetusan pemandu yang lebih baik daripada yang dulu, yang mana kebanyakan 60% daripadanya ialah daripada pelatih, orang yang melatih dahulu juga kerana percantuman daripada sekolah-sekolah memandu yang wujud pada masa saya dahulu. Perubahan mesti dibuat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan. Sebenarnya bukan 70% yang mati di jalan raya adalah penunggang motosikal ataupun pembonceng motosikal, sebenarnya 60%, hampir 60%.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Mungkin data yang saya terima tahun 1997 itu salah, Tuan Yang di-Pertua sebab saya terima daripada kementerian juga.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tidak apalah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Sebenarnya memang betul apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu begitu banyak kemalangan jalan raya berlaku di mana akibatnya ramai orang telah mati dan Kementerian Pengangkutan telah pun berusaha di dalam lima tahun kebelakangan ini untuk mencari satu jalan yang cukup tepat melalui pihak JPJ supaya kita sekarang berhasrat untuk melahirkan pemandu-pemandu

kenderaan berat, pemandu-pemandu kereta dan juga penunggang motosikal yang lebih berhemat.

Tumpuan ini telah pun diadakan iaitu di dalam sukatan yang baru di mana sekarang segala bakal pemandu kereta ataupun penunggang motosikal harus menghadiri satu kursus di bawah Kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM), di mana beberapa tumpuan yang penting diberikan kepada mereka. Tambahan pula bakal pemandu kenderaan berat sekarang harus juga attend satu kursus di mana mereka diberikan tumpuan penting iaitu macam defensive driving, dan lain-lain dan jika ada kecemasan macam mana mereka dapat bantu. Ini adalah sukatan baru di mana bakal-bakal pemandu, tidak kira sama ada kenderaan apa pun, harus juga pergi kursus supaya mereka apabila lulus ujian yang dijalankan oleh pihak JPJ maka kita dapat melahirkan pemandu yang lebih berhemat. Kami percaya dengan segala usaha yang sedia ada yang kita telah pun jalankan dan melalui institut-institut memandu di mana kursus-kursus dijalankan dengan lebih teratur dan lebih tersusun, tidak lama lagi, kami mempunyai keyakinan iaitu kemalangan jalan raya di negara kita akan terus turun. Sekian.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan institut memandu telah meningkatkan kemudahan-kemudahan seperti sedia ada di pejabat JPJ, adakah Yang Berhormat bercadang supaya computer on-line boleh disalurkan kepada institut-institut memandu supaya boleh memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan seperti apa yang ada di pejabat pos.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini JPJ tidak bercadang mengadakan satu sistem on-line dengan institut-institut memandu di mana orang ramai yang ingin membayar lesen boleh dibuat di institut-institut memandu, tetapi mungkin ini ialah salah satu cadangan yang baik dan kita akan beri perhatian dan lihat sama ada pada satu hari kelak kita dapat mengadakan sistem pembayaran lesen seumpama itu.

12. **Tuan Chiew Chin Sing [Bintulu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh mana kesan maksiat seperti perzinaan yang dilakukan oleh pendatang di Sarawak terutama di kawasan luar bandar berlainan tempat sehingga melahirkan anak haram. Apakah langkah pencegahan maksiat seperti memperkosa wanita.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi kementerian menyatakan sejauh mana kesan maksiat seperti perzinaan yang dilakukan oleh pendatang di Sarawak terutama di kawasan luar bandar oleh kerana kementerian tidak menyimpan rekod kes-kes perzinaan yang dilakukan oleh pendatang.

Walau bagaimanapun, dari aspek pencegahan maksiat, Jabatan Kebajikan Masyarakat turut terlibat dalam serbuan-serbuan yang dilakukan oleh pihak polis bersama-sama dengan pihak berkuasa kerajaan tempatan ke tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang maksiat bukan sahaja di Sarawak malah di seluruh negara.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kedudukan taraf kewarganegaraan anak-anak luar nikah dan penerimaan mereka dalam masyarakat dan mengapakah undang-undang tradisi kaum tidak berkesan untuk mencegah salah laku ini? Sekian.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bintulu itu memang tiap-tiap etnik di Malaysia ini mempunyai tradisi, adat resam dan adat-adat yang tidak sama di antara satu sama lain. Memang mengikut keadaan yang ada selama ini perkara ini memang tetap disimpan, tetap dihormati oleh semua pihak. Sungguhpun begitu, ada segelintir di mana-mana tempat berlaku seperti apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, tetapi perkara ini tidak adalah seperti yang disebutkan menjalankan ataupun melakukan maksiat.

13. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah bentuk pengubahsuaian dan pembaikan yang dilakukan ke atas Stadium Nasional di Bukit Jalil selepas berlangsungnya Sukan Komanwel pada tahun lepas dan berapakah kos yang terlibat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, sewaktu berlangsungnya Sukan

Komanwel ke-16 baru-baru ini, penggunaan Stadium Nasional amat ketara sekali. Ianya disebabkan oleh venue ini menjadi tuan rumah bukan hanya untuk acara perasmian dan penutup tetapi olahraga juga. Penggunaan-penggunaan ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan banyak berlaku kerosakan yang telah pun dikenal pasti.

Sebaik sahaja tempoh hak eksklusif kepada Sukom Ninety Eight Berhad berakhir pada 4 Oktober 1998, pihak Perbadanan Stadium Merdeka, kontraktor dan penganjur telah menjalankan pemeriksaan terhadap kemudahan di Stadium Nasional dan didapati banyak berlaku kerosakan. Kos yang terlibat telah dituntut daripada Sukom Ninety Eight Berhad bagi diselaraskan dengan perjanjian penggunaan venue antara Perbadanan Stadium Merdeka dari pihak berkenaan. Sukacita dimaklumkan bahawa tempoh liabiliti oleh kontraktor utama iaitu UEM masih berkuatkuasa. Ini bermakna bahawa sebahagian dari kos penyelenggaraan atau pembaikan ditanggung oleh pihak UEM dan tidak oleh kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan tadi, baru sahaja stadium itu dibina dan digunakan dengan baik, tetapi tiba-tiba ada kerosakan yang teruk. Apakah masalahnya, dengan cepat berapa bulan sahaja ia rosak dan kalau inilah yang berlaku bermakna tiap-tiap tahun kita mesti ubahsuaikan stadium yang terbaru, yang terkini, yang canggih, sekian canggih, sekian rosak. *[Ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sebab saya minta berapa kali dah, keuntungan melalui stadium ini semasa Sukom. Apakah akaun sekarang, sebab satu tahun telah Sukom berlalu, bila boleh umumkan keuntungan atau kerugian Sukom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah, sila.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal pihak Ahli Yang Berhormat ini selalu membesar-besarkan perkara yang kecil. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerosakan yang dikatakan itu adalah kerosakan kepada track, kerosakan kepada senitaman, pemasangan semula TMB TMTouch, kerosakan kerusi, membuka enam unit papan tanda. Stadium itu masih dalam keadaan yang baik sekali. Kalau tidak percaya, saya boleh ajak Ahli Yang Berhormat pergi sendiri tengok keadaan kompleks stadium sukan negara itu. Terima kasih.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum berlangsungnya Sukan Komanwel banyak pihak yang telah berjanji untuk

menjadi penaja dan sebagainya. Jadi, soalan saya ialah sejauh mana pihak-pihak ini telah menunaikan komitmen mereka? Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan original. Walau bagaimanapun, saya tidak ada angka terperinci tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada di antara penaja-penaja yang telah berjanji tetapi oleh kerana keadaan seperti mana dikatakan gawat, ramai di antara mereka tidak dapat menunaikan janji mereka itu. Pihak Sukom Ninety Eight Bhd. dan juga kementerian sebagai mediator sedang mengambil tindakan supaya mereka menunaikan janji-janji mereka.

14. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah lebihan kebaikan meminum air mineral yang dibotolkan berbanding dengan meminum air paip; dan
- (b) bagaimanakah pengguna dilindungi dan dibekalkan air mineral botol yang terbaik dengan harga yang paling rendah.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan;

- (a) Tiada kelebihan dan kebaikan yang ketara meminum air mineral yang dibotolkan berbanding dengan meminum air paip.
- (b) Semua punca air mineral dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Peraturan 360A Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan perlu mematuhi standard mengikut Jadual 26. Berhubung dengan harga, ianya di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan, bagaimanapun harganya adalah berpatutan dan sentiasa dimantau ataupun dikawal oleh kementerian supaya harganya tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan syarikat-syarikat yang menjual air mineral ini mengatakan ada sesuatu yang luar biasa kalau kita minum air mineral. Adakah ia telah disokong atau telah dibuktikan kerana kerap kali kita baca di list pada botol-botol tersebut, macam boleh jadi 'superman'. [Ketawa] Jadi, adakah benar semua ini kerana kerap kali kita tengok syarikat-syarikat yang mengeluarkan air ini dari Ipoh yang membuat kasut dan sebagainya. Apa kena-mengena dengan air

mineral? Dan adakah air mineral ini betul-betul air mineral, apakah yang disifatkan air mineral itu, jenisnya yang dikatakan boleh diterima.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya pun sudah minum air mineral ini tetapi tidak adalah bertambah kuat, kalau Yang Berhormat dari Teluk Intan minum bertambah kuat, itu mungkin bukan air mineral, itu mungkin air gamatkah atau tongkat alikah dan sebagainya. Jika ada Yang Berhormat dapati penjualan air mineral telah menyalahgunakan iklan mereka, bolehlah diadukan kepada Jabatan Kesihatan, kita akan semak, sama ada ianya melanggar akta ataupun tidak. Air mineral memang dibenarkan dijual kerana ia boleh membantu orang ramai selain daripada minuman bikarbonat yang biasa didapati dalam pasaran. Jika tidak, mereka kena minum air paip dan adalah sukar kalau kita dalam perjalanan dan hendak berhenti mengambil air paip tetapi kalau ada air mineral, kita boleh simpan dalam kereta dan boleh minum sebarang masa dan ketika.

Itu sebabnya orang ramai sekarang ini minat minum air mineral kerana air mineral ini telah pun dibungkus ataupun dibotolkan dengan baik dan boleh dibawa ke mana-mana sahaja, sedangkan air paip mungkin terdedah kepada keadaan yang kadangkadangkang ada pembetulan paip. Jadi, jika ketika itu hendak mengambil air, ini mungkin boleh membawa perkara yang tidak baik jika kita minum tanpa dimasak. Walau bagaimanapun, air paip di Malaysia memang selamat untuk diminum tanpa dimasak.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah air mineral ini bebas dari bakteria dan lain-lain kuman?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Air mineral memang bebas kerana ianya telah pun dilesenkan di bawah Peraturan 360A, Peraturan Makanan 1985. Proses pelesenan termasuk perakuan daripada Jabatan Penyiasatan Kajibumi untuk hal teknikal air dari bumi, Jabatan Kimia untuk analisis air dari segi kimia dan microbiology, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia untuk analisis kandungan radioaktif, Jabatan Kesihatan Negeri untuk keadaan kebersihan alam sekeliling, Kementerian Kesihatan untuk aspek perundangan. Jadi, semua air mineral yang kita lesenkan semua tidak ada bakteria, semuanya selamat untuk diminum.

15. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan kampung yang telah dikenal pasti dan jumlah penduduk yang akan mendapat faedah dari bekalan elektrik luar bandar; dan

- (b) berapakah peruntukan yang terlibat dan apakah masalah yang dihadapi terutamanya bila dilaksanakan dengan cara konsep payung.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Bilangan kampung yang telah dikenal pasti untuk diberi bekalan elektrik pada tahun 1999 di seluruh negara ialah 255 kampung melibatkan 11,301 keluarga. Bagi negeri Sabah pula, 34 kampung melibatkan 2,433 buah keluarga.
- (b) Peruntukan tahun 1999 bagi projek yang terlibat di seluruh negara ialah RM79.8 juta sementara bagi negeri Sabah pula ialah sebanyak RM21.209 juta telah diperuntukkan. Sehingga kini tidak ada masalah yang dihadapi di bawah pelaksanaan konsep payung di negeri-negeri Semenanjung dan Sarawak. Sementara itu bagi negeri Sabah, pelaksanaan menggunakan konsep ini baru dimulakan pada akhir tahun 1998. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah memperuntukkan satu peruntukan RM1.39 juta untuk memberi bekalan kepada kawasan Parlimen Sipitang akan memberi faedah kepada 84 keluarga di Kampung Mendulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk soalan Jawapan Lisan selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 5, 9, 10, 16 hingga 35 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998 DAN 1999) 1999**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 3) 1998**

**DAN**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 1) 1999**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1998 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1999 dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis” *[Hari Pertama]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Jadual Pertama dan Jadual Kedua –**

**11.04 pagi**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM9,659,750,916 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Kedua) 1998 bagi maksud-maksud Bekalan B.16, B.20, B.29, B.30, B.32, B.40 dan B.51 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang



berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM60,000,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Pertama) 1999 bagi maksud Bekalan B.49 untuk kementerian berkenaan dijadikan Jadual.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM499,998,300 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 3) 1998 bagi maksud-maksud Pembangunan P.20, P.28, P.37, P.44, P.47 dan P.51 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM5,231,843,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) 1999 bagi maksud-maksud Pembangunan P.7, P.14, P.25, P.28, P.47, P.49, P.51 dan P.53 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1998 dan 1999 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1998 dan 1999, kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1999 dan 3A Tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Ketiga) 1998 dan Tambahan (Pertama) 1999 dan Kertas Perintah 4A Tahun 1999 dan 5A Tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Ketiga) 1998 dan Tambahan (Pertama) 1999.

Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1999] -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat dari Bagan.

**11.10 pagi.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, kini kami sedang menimbangkan satu jumlah iaitu RM800 juta untuk meneruskan pelaksanaan projek Pusat Pentadbiran Putrajaya yang kini sedang dalam pembinaan. Saya mendapat tahu bahawa sebilangan pejabat kerajaan akan berpindah ke Pusat Putrajaya menjelang akhir tahun ini dan tempoh hari semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja, saya telah menyeru kepada kerajaan supaya apabila Parlimen bersidang dan kami dapati ramai pegawai pejabat kerajaan datang ke Parlimen untuk mencatat apa-apa pendapat atau cadangan daripada Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Memandangkan Putrajaya adalah satu pekan atau satu pusat yang jauh dari Kuala Lumpur dan pada masa itu bangunan tersebut adalah serba canggih dan mungkin sesiapa yang akan pergi ke Putrajaya, mereka akan sesat jalan. Ini tidak lain dari Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sebab itu saya menyeru kepada kerajaan apabila Parlimen bersidang, maka pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan kerajaan boleh menubuhkan kaunter khidmat di dalam bangunan Parlimen ini, supaya Ahli-ahli Parlimen dari seluruh negara, apabila mereka ada kes-kes atau perkara-perkara yang perlu diselesaikan untuk rakyat, maka mereka boleh merujuk kes-kes ini kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hari itu di dalam Bangunan Parlimen ini, supaya boleh menjimatkan masa dan boleh berkhidmat dengan cemerlang dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya semua pegawai kerajaan yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, semuanya berdedikasi, semua bertanggungjawab, berkaliber, berpengalaman dan mereka boleh memberi khidmat yang cemerlang kepada Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian sahaja.

### **11.13 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, ekoran daripada hujah ucapan Yang Berhormat dari Bagan, saya minta Yang Berhormat menerangkan keadaan pembangunan di Pusat Pentadbiran Putrajaya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang pertama, setakat ini berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk Putrajaya dan bilakah kementerian-kementerian akan berpindah ke Putrajaya, bermula dengan Jabatan Perdana Menteri. Ini memang kita perlu tahu kerana dengan adanya Pusat Pentadbiran ini hampir semua kementerian akan berpindah ke situ dan sebagai bandar raya berkembar dengan Kuala Lumpur, sedikit sebanyak saya berharap dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dunia dan juga rakyat Malaysia hendak mengetahui setakat mana keberkesanan untuk membangunkan Putrajaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua, projek Y2K dan tambahan sebanyak RM370 juta telah pun diperuntukkan untuk menangani masalah Y2K. Di sini, saya hendak bertanya setakat manakah syarikat-syarikat terutama 626 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, sudah pun Y2K compliance sebab kalau

kita menurut coordinator untuk Y2Knya memang disebutkan bahawa pada bulan Januari 1999, semua syarikat ini Y2K compliance tetapi sekarang sudah bulan Mei 1999. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana syarikat-syarikat ini berjaya untuk menjadikan Y2K compliance.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kementerianya sudah menerangkan beberapa kali mengenai masalah pepijat alaf ini, tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2000, ada tujuh bulan lagi, setakat mana negara Malaysia dari semua bidang, bukan sahaja dengan syarikat-syarikat, badan perdagangan dan di semua sektor, setakat mana masalah yang akan timbul kerana Y2K ini. Bagi saya, walaupun ini masalah serius tetapi kita mesti menangani dengan lebih cekap lagi, tetapi mungkin akan timbul juga masalah kerana kita pun tidak tahu bagaimana Y2K itu akan menyebabkan masalah di negara, cuma kita buat jangkakan sahaja.

Itulah masalah, sebab itu ada setengah-setengah native tidak percaya masalah ini begitu serius, ada yang mengatakan masalah ini timbul kerana ada syarikat-syarikat yang hendak mengaut keuntungan dan sengaja menjadikan masalah Y2K ini masalah yang serius. Walau bagaimanapun, kita tidak tahu, saya percaya juga kementerian pun tidak tahu setakat mana masalah ini akan menjadi masalah yang serius, bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya syarikat-syarikat, dengan izin, many financial firms maintain automatic linkages with correspondent and customer domestically and internationally. Sebab itu berkaitan bukan sahaja dengan pasaran tempatan bahkan juga dengan pasaran antarabangsa. Walaupun di Malaysia semua itu Y2K compliance asalkan ada orang di negara lain tidak ada Y2K compliance, kita pun mati juga, misalnya kalau di negara-negara di mana kita ada hubungan, tidak ada Y2K compliance, kita pun mati juga kalau masalah Y2K begitu serius. Apakah langkah-langkah contingency yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menghadapi kemungkinan timbulnya masalah seumpama yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai contingency plan untuk mengatasi krisis Y2K, apakah peruntukan yang dibuat oleh kerajaan untuk tujuan ini dan Jawatankuasa Y2K

Nasional dengan coordinatornya Aishah Ahmad sudah pun buat cadangan kepada pihak kerajaan untuk memantau Y2K compliance dan setakat manakah jawatankuasa ini berjaya untuk berbuat demikian dan apakah jenis contingency plan yang telah pun diwujudkan oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah ini.

Tuan Pengerusi, ada satu masalah lagi iaitu bukan sahaja RM370 juta dibelanjakan bahkan juga baru-baru ini pada bulan Januari kerajaan pun sudah membentuk tambahan lebih RM70 juta untuk masalah ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah peruntukan tambahan ini digunakan RM70 juta untuk masalah Y2K ini.

Tuan Pengerusi, di masa ini memang banyak syarikat sudah berusaha untuk menjadi Y2K compliance dan dengan bantuan kerajaan berharap semua ini dapat selesai. Walau bagaimanapun setahu saya walaupun ada tujuh bulan lagi ada sesetengah orang yang tidak begitu cekap untuk mengatasi masalah ini, dengan itu saya berharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kinabalu.

**11.22 pagi.**

**Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa khususnya dalam peruntukan yang telah diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin bangkitkan khusus mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya Tuan Pengerusi. Saya ingin menyeru kepada SPR supaya dapat mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani masalah tentang daftar pemilih yang terdapat di negeri Sabah dan juga dalam pelaksanaan beberapa dasar berhubung dengan pilihan raya. Yang pertama Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:**Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Untuk menjimatkan masa, SPR tidak ada dalam peruntukan tambahan...

**Tuan Henrynus Amin:** Tetapi dia di dalam Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Bukan, kita sekarang ini dalam Jawatankuasa Tuan Pengerusi, kita bukan dalam dasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala P.7 untuk makluman Yang Berhormat ada dua butiran sahaja iaitu Pusat Terminal Putrajaya dan Projek Y2K itu sahaja yang ada.

**Tuan Henrynus Amin:** Jadi tidak boleh bangkitkan tentang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua butiran sahaja.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan bangkitkan di dalam pertemuan akan datang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila jawab. Ada lagi. Batang Lupar.

### **11.23 pagi**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Banyak politik sangat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini cerita yang khusus Pusat Penempatan Putrajaya dan projek Y2K. Jadi Butiran 08700 itu Pusat pentadbiran Putrajaya. Jadi saya ada dua soalan sahaja untuk memendekkan masa, iaitu persoalan saya berapa banyakkah pejabat kerajaan akan dipindah ke Putrajaya, adakah perancangan untuk membinakan Bangunan Parlimen di Putrajaya sebab supaya kita berdekatan dengan Pejabat Perdana Menteri, kerana Ahli Parlimen yang ada kereta boleh pergi ke tempat yang jauh tetapi kita kebanyak terutama sekali yang PPRT mungkin tidak berkemampuan walau ada kereta sendiri hendak pergi ke tempat yang jauh begitu.

Soalan yang kedua di bawah Butiran 10800 - Projek Y2K. Projek Y2K ini memang banyak orang sebut, kalau kita melihat atau membaca artikel ataupun literature berhubung dengan Y2K ini, tidak siapa pun boleh mengatakan mereka itu

mahir dan tahu apa masalah Y2K. Orang kata dunia kiamat pun ada kalau masalah ini tidak dibendung kapal terbang berlanggar sama sendiri, trafik light berhenti berfungsi dan akan berlanggar kereta, trafik jam di sana sini dan sebagainya, bank tidak boleh keluar, EPF tidak tahu rekod dan sebagainya, semua ini boleh berlaku mengikut kata-kata mereka.

Jadi soalnya yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua, ialah saya pernah soalkan dahulu hampir setahun lepas yang mana Malaysia pada masa itu telah sampai ke peringkat 56% dan pertumbuhan daripada segi Y2K compliance ialah hanya 3% – 4% dalam masa dua - tiga bulan tetapi persoalannya hari ini masih berlari dan bulan ini masih berajalan dan 1 Januari akan tiba dan tidak dapat diberhentikan. Jadi persoalannya sejauh mana kalau dilihat daripada segi peratusannya Kerajaan Malaysia, bukan syarikat tetapi sekurang-kurangnya soalan strategik, jabatan yang strategik, agensi-agensi dan syarikat-syarikat ada hubungan dengan kerajaan yang strategik telah mencapai Y2K compliance daripada peringkat ini. Kerana walaupun ada orang mengatakan iaitu Y2K ini memang digembar-gemburkan dengan sebesar-besarnya kerana banyak syarikat software umpamanya, kompeni di luar negara memang hendak meraihkan keuntungan dengan ‘menangguk di air yang keruh’ ini, mereka cuba membuat keadaan itu lebih genting daripada apa yang sebenarnya mungkin akan berlaku. Bahkan PC di rumah, desk top dan sebagainya pun kena kata Y2K compliance juga bahkan ada orang kata peguam pun kena gunakan Y2K compliance juga walaupun gunakan itu sebagai word processor sahaja.

Sebenarnya tidak perlu kalau kita tidak gunakan date kemungkinan ini tidak perlu langsung.

Jadi persoalannya syarikat-syarikat yang strategik, jabatan-jabatan kerajaan yang strategik sejauh manakah kita sudah capai peringkat Y2K compliance ini supaya utamanya, orang kata jangan beli tiket MAS sebab kalau MAS belum buat Y2K compliance, MAB belum Y2K compliance dan orang yang jaga satelit kita pun belum Y2K compliance umpamanya, jadi berkemungkinan ini akan mendatangkan satu malapetaka kepada soal pengangkutan kita terutama sekali pengangkutan udara.

Begitu juga trafik light juga sama ada semua benda-benda yang kerajaan uruskan ini sudah Y2K compliance dan dapatkah kita mencapainya target 100% dan apakah peratusan yang kita boleh capai pada Disember 1999 ini supaya mengelakkan daripada Y2K compliance. Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang.

**11.28 pagi.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Pengerusi sedikit sahaja, berhubung dengan Putrajaya dan sehubungan dengan itu ialah kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjelaskan banyak kali dalam Dewan ini tentang kos sebenar, tetapi masih lagi disalah guna dan diputarbelitkan oleh pihak pembangkang dengan menggambarkan bahawa kediaman ini adalah satu kediaman mewah yang menelan peruntukan sampai RM400 juta. Saya pernah mendengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini bahawa peruntukan sebenar ialah RM17 juta kalau tidak silap saya pada masa itu. Jadi bagi mengelakkan kekeliruan ini terus berlaku saya mohon supaya Setiausaha Parlimen bagi pihak kerajaan memperjelaskan kedudukan sebenar dari segi peruntukkan sebenar, bahagian-bahagian yang terdapat dan jumlah penglibatan bahan-bahan tempatan dan sebagainya supaya isu ini tidak terus dibangkitkan oleh pihak-pihak pembangkang yang sengaja untuk 'menangguk di air keruh' dengan menggambarkan kita membazir dalam suasana gawat sekarang ini, tetapi projek ini diteruskan, supaya perkara ini tidak dikelirukan sedemikian rupa.

Yang keduanya berhubung dengan dengan Putrajaya itu sendiri, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan ini tentang rancangan kerajaan - sorry Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak sedar Yang Berhormat sudah naik pangkat. Perancangan kerajaan untuk memindahkan semua pejabat kerajaan, dalam rancangan kerajaan bilakah keseluruhan pejabat kerajaan akan dipindahkan ke Putrajaya dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu peringkat pertama ini bila dijangka mendudukinya dan adakah jabatan-

jabatan berkenaan telah bersedia untuk berpindah dan peringkat akhirnya kesemua jabatan-jabatan kerajaan berpindah ke Putrajaya.

Saya juga ingin tahu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa adakah pejabat Parlimen ini, Bangunan Parlimen ini sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan ke Putrajaya atau hendak mengekalkan Bangunan Parlimen ini di sini, di Kuala Lumpur tempat yang sedia ada sekarang atau dijangka masa yang akan datang akan berpindah, dan keseluruhannya dalam perancangan penempatan semula di Putrajaya ini, mengikut rancangan kerajaan bagaimana persediaan kerajaan untuk menghadapi ataupun mengisi bangunan-bangunan kerajaan terutamanya jabatan-jabatan, kementerian-kementerian yang sudah pun mempunyai bangunan di Kuala Lumpur? Adakah kerajaan mempunyai perancangan bagaimana hendak mengisi bangunan-bangunan ini, yang menyewa di Kuala Lumpur itu barang kali tidak menimbulkan masalah. Tetapi bagi jabatan-jabatan kerajaan yang sudah mempunyai bangunan sendiri di Bandar Raya ini dan apabila mereka berpindah ke Putrajaya ini bagaimana persiapan kerajaan supaya bangunan-bangunan yang ada di Kuala Lumpur ini yang dipunyai oleh jabatan dan kementerian berkenaan tidak akan disia-siakan, satu penggunaan yang baik setelah semua proses ataupun pemindahan ini berjalan ataupun berada di Putrajaya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bandau.

**11.31 pagi.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di bawah Maksud P.7 khusus Butiran 10800 iaitu Projek Y2K. Pihak kita ingin meminta penjelasan setakat ini sejauh manakah perkembangan dan persiapan dibuat oleh kerajaan dari segi menyelesaikan masalah pepijat alaf ini khusus bagi beberapa badan kerajaan yang begitu asas sekali seperti Jabatan Pendaftaran Negara di mana maklumat-maklumat asas tentang kad pengenalan kita tercatat dan tersimpan, misalnya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, adakah badan-badan seperti ini dikawali oleh pihak kerajaan dari segi perjalanan persiapan menyelesaikan masalah pepijat alaf.



Pada masa yang sama pula adakah pihak kerajaan menggunakan peruntukkan seperti ini untuk mengawasi perkembangan dan tindakan di pihak swasta khusus dari segi bank-bank dan seterusnya kerana banyak kita dengar pihak umum mengatakan apabila pada hujung tahun ini jaga-jaga mahu ambil duit dari bank mana tahu begitu queue panjang kerana takut akaun-akaun kita ini tidak terjamin. Jadi masalah seperti ini saya percaya pihak kerajaan haruslah menangani supaya keyakinan kepada sistem komputer negara dan di peringkat swasta ini dalam keadaan terkawal dan tidak menimbulkan keraguan di pihak pelabur-pelabur bahkan rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, seterusnya dalam butiran yang sama ini kita ingin mengetahui penggunaan jumlah wang RM370 juta ini apakah jabatan-jabatan dan apa pun tajuk-tajuk penyelidikan yang diberi tumpuan untuk jumlah yang begitu banyak sekali khususnya antara sekarang sampai hujung tahun ini kita sudah ada lapan bulan dalam perjalanan menyelesaikan masalah pepijat alaf ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi satu agensi yang sangat penting juga yang pihak kerajaan harus ambil perhatian dari segi penyimpanan maklumat yang tetap dan betul selain daripada Jabatan Pendaftaran dan KWSP ialah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Saya rasa ada kaitan di sini kerana pada saat ini SPR juga menyimpan maklumat-maklumat yang amat penting sekali, daftar pemilih rakyat kita yang menentukan proses demokrasi dan kalau sistem komputer di SPR ini tidak dalam terkawal dan tidak dalam keadaan menyakinkan para rakyat Malaysia kita maka bagaimana pula dengan soal memastikan proses demokrasi kita ini dalam proses yang betul dan terjamin. Pada masa-masa yang lampau kita telah menimbulkan masalah komputer di peringkat SPR di mana duplicate nama-nama pengundi, pihak kami telah menyentuh dalam beberapa kali ini. Untuk daftar pemilih yang terkini bagi negeri Sabah pun 5,000 lebih dua nama bertindih. Dari segi triplicate hampir 3,000, ada pula lagi seterusnya masalah hilang nama, masalah nama pengundi dipindahkan dan semua ini dikatakan kemungkinan masalah teknikal di peringkat komputer. Jadi dalam soal kita menyelesaikan masalah Y2K maka masalah-masalah pokok seperti ini

ada kaitan dengan penggunaan komputer tidak dapat diurus dengan, izin how are we going to deal with even security of the system dalam tahun 2000 nanti.

Tuan Pengerusi jadi saya rasa ini sangat penting seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kinabalu tadi perhatian harus diberi pihak oleh Jabatan Perdana Menteri kepada sistem komputer di peringkat SPR sambil kerajaan menumpukan dan memberikan kewangan untuk menyelesaikan masalah pepijat alaf, jangan lupa pula masalah cleansing the system, dengan izin supaya satu sistem yang mampu memberi keyakinan kepada rakyat negara Malaysia khusus daripada penyimpanan data-data asas yang berkaitan dengan hak rakyat negara kita di Malaysia ini. Kalau soal-soal kecil pun cleansing duplicate, rama yang tidak terjamin hilang dengan izin, how are you going to spent time to even still the problems of Y2K....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, perkara itu perkara dasar Yang Berhormat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perkara dasar Yang Berhormat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya Tuan Pengerusi, ini projek Y2K ada kaitan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Y2K itu bukan keseluruhan komputer kita boleh cerita Yang Berhormat, kita ini dalam Jawatankuasa.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tetapi saya minta kerajaan adakah ini digunakan untuk soal masalah komputer dan Y2K di pejabat SPR juga, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**11.37 pagi**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, mengenai Maksud P.7. Pusat Pentadbiran Putrajaya, adakah ia merangkumi apa-apa mengenai bangunan mahkamah, adakah ia akan disediakan di Putrajaya, kalau tidak kenapa tidak dan adakah dalam proses ini State of the Art Facilities akan diadakan di Putrajaya kerana saya difahamkan walaupun kerajaan kerap kali mengatakan State of

the Art Facilities tetapi kita State of the Art Facilities sebelum merdeka lagi diimplementasikan di antaranya adalah sistem air condition di mana kita ketahui di banyak bangunan kerajaan kerap kali centralised aircond yang digunakan. Banyak wasted energy dengan izin, telah terjadi kerana walaupun di beberapa tempat di situ ada hanya 10 pekerja tetapi air-cond untuk seluruh bangunan dipasang. Bukankah lebih baik kita adakan air-condition yang split aircond untuk setiap pejabat atau untuk setiap tempat di mana diperlukan seperti diswasta kalau kita kita tengok, kenapa ia tidak digunakan atau diimplementasikan di bangunan kerajaan, adakah ia akan diimplementasikan di Putrajaya pada masa yang akan datang.

Dalam proses ini berapa banyakkah sistem kerajaan akan menjadi paperless government. Memandangkan kita akan pergi ke satu tempat yang sangat moden dikatakan di rantau ini, ada juga di dunia ini mungkin, adakah sistem paperless government ini akan diimplimentasikan dan sejauh manakah dan berapakah kementerian dalam proses ini akan menjadi dalam prose paperless government. Dan saya telah membangkitkan perkara ini lebih kurang dua tahun dulu dan kerajaan kata sebelum tahun 2000 semua pentadbiran kerajaan kemungkinan besar akan menjadi dalam proses paperless government dan adakah ia sedemikian dan apakah kementerian-kementerian yang telah mencapai situasi tersebut dan apakah sebab banyak pentadbiran dalam kerajaan yang tidak mencapai perkara ini dan satu di antaranya adalah jabatan kehakiman di mana kita ketahui proses menfailkan saman, mengeluarkan saman masih seperti yang kita telah gunakan sejak 42 tahun walaupun di negara Singapura baru-baru ini di mana kita boleh menghantar saman, kalau hendak fail saman kita boleh hantar melalui e-mail dan perkara ini boleh diproses. Apakah sebab ia belum lagi mendapat ke tahap itu.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin tahu adakah kerajaan dalam proses pembaharuan di Putrajaya akan menggunakan solar energy? Kalau tidak, kenapa tidak kerana saya difahamkan tidak ada satu sistem solar energy yang nasional yang akan digunakan di pentadbiran Putrajaya ini. Apakah ini satu sistem yang dikatakan besar dan termoden di dunia tetapi solar energy kita malu takut sampai

setakat itu. Apakah sebabnya dan adakah contingency plan mengenai perkara ini. Apakah kalau ada breakdown dan sebagainya, apakah tindakan yang telah diambil dan berapakah bayaran yang telah dibuat kepada Tenaga Nasional untuk mendapat saluran electricity system, dengan izin, yang baik.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Y2K, adakah betul dikatakan bahawa sebenarnya kita tidak perlu banyak wang tersebut seperti yang dipohon kerana semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan 'ada banyak duit orang tidak guna'. Dia cakap banyak peruntukan telah diberi tetapi tidak dihabiskan bermakna kita pohon wang ini, no planning, no strategy. Kalau kerajaan tidak ingin menggunakan wang tersebut tolong beri kepada kita. Kita boleh urus niaga, kita lebih fasih dalam perkara ini. Kita hendak beri sedikit advise kepada kerajaan. Berapakah peruntukan yang telah dipohon tahun dahulu yang belum digunakan, berapa peratus dan apakah sebab ini berlaku? Setiap kali kita datang ke Parlimen, kita pohon lebih peruntukan, lebih peruntukan kita tidak bantah, kita tolong juga tetapi tidak digunakan. Apakah alasannya? Adakah sesiapa yang ingin sabotaj atau tidak tahu menggunakan wang kerajaan, wang rakyat. Dalam proses Y2K ini berapakah komputer-komputer yang telah di 'update' kan. Saya difahamkan di Amerika lebih kurang 90% komputer telah pun ada satu strategi, yang pada masa sekarang telah pun ada sistem yang telah mengatasi masalah ini. Di negara ini berapa peratus kita sampai setakat itu dan apakah gerenti kerajaan bahawa pada penghujung tahun ini semua sistem kita akan comply dengan sistem tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat.

**11.43 pagi**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi – Pusat Pentadbiran Putrajaya.

Soalan daripada saya, Tuan Pengerusi, dalam suasana ekonomi yang gawat sekarang apakah perlu perpindahan itu segera dilakukan ke pusat pentadbiran Putrajaya. Saya kira kalau tidak pindah pun tidak mati, tidak perlu, kita dalam keadaan gawat, keadaan yang prihatin dan daif ini kita hendak bermegah-megah untuk cepat

berpindah ke pusat pentadbiran yang baru. Bagi pandangan saya, kalau kita tidak pindah pun pentadbiran kita tidak akan terjejas dan orang tidak akan menyatakan apa-apa kepada kita, bahkan dunia juga tidak akan menyatakan apa-apa kepada kita kalau kita tidak berpindah. Sebab orang tahu kita dalam keadaan prihatin, dalam keadaan berkabung sekarang ini, dalam keadaan seperti apa yang telah saya gambarkan tadi. Itulah saya mahu minta penjelasan yang secara ikhlas daripada Timbalan Menteri apa perlunya kita berpindah sekarang ini untuk ke Putrajaya.

Kedua, soalan saya, dia ada beberapa fasa untuk pembangunan Putrajaya, untuk fasa I ini kemungkinan beberapa bulan yang akan datang selesai dibangunkan untuk fasa-fasa yang selanjutnya. Apakah perlu diteruskan pembangunan ini dalam suasana ekonomi yang seperti ini. Saya rasa hal-hal seperti ini perlulah difikirkan oleh pihak kerajaan. Saya tidak tahulah bagaimana pihak pimpinan negara kita memikirkan seolah-olah beliau ini sudah 'maru' orang kata. Kalau dalam istilah orang Islam itu orang katakan 'maru' ini ertinya saya kira pihak Tuan Pengerusi fahamlah apa erti 'maru' dalam bahasa Kelantan barangkali. Kalau dalam Kamus Dewan Bahasa saya belum tengok apa erti 'maru' ini, barangkali kerana itulah kerana hendak pindah sangat kerana 'maru' sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyebut bahawa Putrajaya dibuat dan rumah kediaman Perdana Menteri dibuat bukan untuk beliau tinggal di sana, ia untuk mewariskan kepada Perdana Menteri yang bakal menggantinya.

Itu katanya, dan saya rasa di atas alasan inilah, cukup tepat sekali kalau kita hentikan pembangunan Putrajaya buat sementara waktu dan juga hentikan buat sementara perpindahan daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya. Sebab apa, bila kita berpindah sudah pasti memakan kos yang begitu besar dan begitu tinggi. Saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri berapakah kos yang dianggarkan oleh pihak kementerian perpindahan daripada Kuala Lumpur ini ke Putrajaya.

Saya kira duit ini bukan duit kerajaan, duit rakyat, alangkah baiknya wang sebanyak ini digunakan untuk kepentingan-kepentingan, untuk buat jalan raya di luar bandar ataupun pembangunan rumah harga murah untuk rakyat termiskin atau

menyelesaikan masalah setingan dan sebagainya. Saya rasa ini amat perlu. Banyak lagi sekolah di Sabah, Sarawak yang masih bocor, saya pergi ke satu sekolah, Tuan Pengerusi di Sabah, bocor. Kebetulan hujan, apabila hujan saya lari ke sekolah, tahu-tahu sekolah bocor, masuk di sekolah bukan ikut pintu tetapi ikut dinding.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tetapi itu tiada di dalam Butiran Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini hendak menggambarkan, adalah baiknya wang sejumlah itu digunakan untuk menolong orang-orang yang miskin. Secara trend kerajaan sekarang, saya nampak dia bukan nampak sangat di bawah ini, dia berjalan melihat ke atas. Apabila dia berjalan melihat ke atas dia tidak akan nampak di bawah. Kalau orang tanya dia, apakah kamu lihat? Lihat, nampak tetapi ke atas bukan di bawah. Ini persoalannya.

Tuan Pengerusi itulah pandangan saya, dan saya tidak mahu bertanya pada hari ini berapakah kos rumah kediaman Perdana Menteri tetapi yang ingin saya tanya apakah nama yang akan diberi kepada rumah kediaman Perdana Menteri sebab Seri Perdana itu sudah ada dan ingin mengetahui rumah yang ada sekarang untuk siapa dan berapakah rumah milik Perdana Menteri sekarang ini, yang saya tahu banyak rumahnya, di Pulau Langkawi ada, di Pangkor ada, di sana ada, di sini rumahnya, di luar negeri, di luar negara ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, jangan lari daripada Putrajaya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Banyak rumah Perdana Menteri, banyak istana Perdana Menteri.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tiada kena mengena.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tumpat.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Selain daripada Putrajaya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Duduklah Tumpat, Jelebu hendak bercakap ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, jangan lari dari Putrajaya, kita dalam Jawatankuasa.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Selain daripada Putrajaya, saya ingin mengetahui berapakah jumlah rumah Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu tidak relevan, kita bincang pasal Putrajaya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukuplah Tumpat, nak kecek pulak ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dan terakhir, apakah central train yang akan dibuat untuk menghubungkan daripada Kuala Lumpur ke KLIA, apakah melewati Putrajaya ataupun tidak? Kalau tidak saya mencadangkan kalau boleh di masa akan datang bukan sekarang ini, di samping membuat laluan yang menghubungkan di antara Kuala Lumpur dan KLIA juga harus melewati ke pusat pentadbiran Putrajaya bagi memudahkan kalau ahli-ahli Parlimen duduk di sana pun, mudah untuk datang ke Parlimen dan juga untuk pergi ke KLIA di masa-masa yang akan datang.

Soalan saya yang terakhir Tuan Pengerusi, apakah kerajaan tidak bercadang untuk membuat satu kediaman Ahli-ahli Parlimen di Putrajaya. Kalau kita pergi ke luar negeri Tuan Pengerusi misalnya, saya pernah melawati beberapa buah negara saya tidak mahu sebut negara-negara itu, adalah beberapa buah negara di dunia ini di mana Ahli-ahli Parlimen dibuat tempat kawasan penginapan yang khusus yang begitu sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya hendak minta penjelasan sahaja, Tuan Pengerusi. Saya boleh jawab sekarang, tetapi bila saya jawab nanti Yang Berhormat sudah tiada. Ini penjelasan, ahli kita ramai sebagai saksi ini, tadi dia baru sebut dia kata, apakah rasional kita belanja banyak dalam keadaan ekonomi macam ini tetapi bila kena pada diri sendiri, bolehkah kita buat rumah untuk Ahli Parlimen, tidakkah ini membayangkan double standard, mementingkan diri dan sebagainya.

Saya hendak tanya ini very simple, jadi kalau hendak jawab sekarang saya boleh tetapi saya hendak tanya bukankah perkara ini double standard untuk dia.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini akan datang, ini wawasan sahaja, kita juga ada wawasan. Tuan Pengerusi ini wawasan kita lebih baik daripada wawasan yang ada sekarang. Wawasan kita setelah ekonomi pulih tetapi wawasan yang ada sekarang ini setelah ekonomi menjunam, projek mewah mahu diteruskan. Ini satu nonsense Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

**11.51 pagi**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, duduk merapu sangat mulngato' orang banyak sangat ini, dengan izin.

Tuan Pengerusi saya suka mengambil bahagian untuk membahaskan peruntukan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri. Pertamanya kita ucapkan tahniah kepada kerajaan di atas satu perancangan yang cukup teliti untuk menempatkan kedudukan jabatan yang menjadi nadi penggerak kepada pentadbiran negara kita yang makmur ini. Kita merasakan perancangan ini cukup baik dan tepat pada masanya di mana pusat pentadbiran Putrajaya ini akan menjadi lambang kepada kemajuan dan kemakmuran negara dari segi pentadbiran dan kedudukan negara itu sendiri.

Barangkali pembangkang memang tidak puas hati kerana sentiasa kecemburuannya cukup mendadak kerana melihatkan kelebihan yang ada pada kerajaan. Ini amalan yang biasa dibuat oleh pembangkang dan cuba mempengaruhi masyarakat dengan berita-berita lama seolah-olah kerajaan ini tidak jimat dan sebagainya. Ini saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah penglibatan pemindahan Jabatan Perdana Menteri ini akan melibatkan keseluruhan jabatan dan agensi di bawah jabatan pembangunan itu sendiri dan ingin saya tahu berapakah jumlahnya keseluruhan kakitangan yang terlibat mengikut kumpulan dan sebagai persiapan adakah mereka ini akan diberikan kemudahan tempat tinggal



kuarters dan sebagainya, kalau tidak apakah mereka ini diberikan peluang untuk mendapatkan pembelian perumahan di bawah skim perumahan yang disediakan oleh syarikat-syarikat ataupun pihak kerajaan itu sendiri kerana Tuan Pengerusi apabila ribuan kakitangan yang pelbagai kumpulan akan berpindah mengikut jabatan mereka tentunya akan menimbulkan masalah tempat tinggal sama ada mereka sebagai peon, office boy, kerani, pegawai ataupun pegawai tinggi, mungkin menghadapi masalah kepada mereka yang telah menetap di kawasan Petaling Jaya, Lembah Klang dan sebagainya untuk mereka berpindah dan memerlukan kos yang agak tinggi.

Selain daripada itu kemungkinan mereka yang menggunakan perkhidmatan tol, adakah kerajaan memberikan konsesi kepada mereka ini sebagai insentif kepada kakitangan yang terpaksa berpindah dan berkhidmat di kawasan yang baru kerana kalau tidak diambil kira akan hal ini, saya bimbang makan gaji, habis bulan habis gaji, makan dulu baru gaji. Jadi, sampai hujung bulan tidak ada lagi bekalannya dan saya bimbang dengan keadaan ini permasalahan kakitangan akan timbul di mana mereka tidak mendapat keselesaan yang boleh mereka nikmati sebagaimana mereka duduk di kawasan di sebelah Lembah Klang ataupun Petaling Jaya dan berkhidmat di pejabat yang lama. Banyak agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri terpaksa berpindah keseluruhannya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi mengenai dengan Y2K ini saya ingin mendapat penjelasan, mungkin kepada Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti berapakah jumlah jabatan-jabatan yang terlibat dengan permasalahan Y2K ini dan memerlukan perbelanjaan yang bersesuaian dengan penilaian mereka yang mungkin masyarakat dan rakyat tidak tahu apakah jabatan-jabatan yang terlibat dengan permasalahan Y2K. ini Diberitakan bahawa komputer-komputer yang terbaru modelnya tidak terlibat tetapi bagi jabatan-jabatan yang telah memulakan sistem on-line sejak tahun 1990 dan 1991 adalah mereka yang terlibat. Jadi saya ingin mendapat penjelasan dan keseluruhannya, berapakah jabatan-jabatan yang terlibat secara umum.

Di samping itu Tuan Pengerusi, memandangkan kepada pentadbiran Jabatan Perdana Menteri ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan menteri-menteri yang berkenaan akan berpindah ke Putrajaya, apakah ada kemudahan-kemudahan perkhidmatan awam, pengangkutan awam yang akan disediakan kepada rakyat yang bertujuan mungkin untuk menyelesaikan urusan mereka dengan jabatan-jabatan berkenaan ataupun mungkin mempunyai perancangan dan program untuk membuat lawatan dan juga rombongan. Kalau biasanya orang kampung ini Tuan Pengerusi, kalau tempat yang baru-baru ini terutamanya di kawasan-kawasan persekitaran kemungkinan akan dijadikan tempat untuk lawatan pelancong-pelancong dan sebagainya.

Saya ingin tahu adakah kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi mereka untuk menginap selain daripada hotel-hotel yang mahal, adakah kemudahan-kemudahan hotel sederhana dan budget hotel misalnya disediakan di kawasan berkenaan supaya Putrajaya ini akan menjadi bukan hanya tempat sebagai nadi penggerak pentadbiran negara kita, tetapi akan menjadikan lambang kemegahan dan juga kemajuan dan kepintaran pengurusan negara kita dan pentadbiran negara. Jadi dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**11.58 pagi**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Saya sebut yang pertama mengenai pusat pentadbiran Putrajaya yang kita tahu bahawa pusat pentadbiran Putrajaya sepatutnya mula beroperasi pada tahun lalu dan kompleks kediaman dan Pejabat Perdana Menteri patut dipindah ke Putrajaya pada bulan September tahun lalu dan kita mahu tahu sekarang apa jadual mengenai perpindahan kompleks kediaman dan Pejabat Perdana Menteri sama ada ia akan bermula pada bulan ini yang dilaporkan atau adakah ia delay lagi dan jadual-jadual untuk pemindahan semua kementerian-kementerian dan pusat kerajaan ke Putrajaya sama ada masih dalam empat fasa dan kita mahu mendapat tahu mengenai butiran-butiran program atau jadual pemindahan ini.

Saya sangat terperanjat bahawa apabila kerajaan datang ke Dewan ini untuk memohon satu peruntukan yang begitu besar, angka yang begitu besar RM800 juta, kita tidak ada butiran-butiran, apakah breakdown mengenai perbelanjaan RM800 juta ini, nampaknya di negara kita, kita sudah sampai ke satu tahap yang mana RM800 juta dilihat sebagai satu angka yang kecil, mungkinlah sudah dalam mata orang-orang tertentu beratus juta Ringgit, satu angka yang kecil sehingga kronisme, katalah ada kronisme RM230 juta dalam bentuk tunai, kalau ada RM230 juta dalam bentuk tunai – non cash bukan berbilion-bilion Ringgit, nampaknya itu bukan lagi dilihat sebagai satu angka yang kecil. Itulah satu tragedi Malaysia di mana nampaknya tidak ada perasaan akauntabiliti dan integriti mengenai tanggungjawab angka-angka ini. Kita mahu tahu RM800 juta ini kita mahu detail, bukan satu blank check, apalah RM800 juta yang dipohon sekarang, apa breakdown yang detail.

Kedua, kita tahu bahawa Putrajaya menjadi satu isu yang sangat kontroversi khasnya mengenai kos kediaman Perdana Menteri. Ada banyak kenyataan yang bercanggah, kerajaan membuat satu penerangan yang tidak sama dengan satu kenyataan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri yang tentu patut tahu oleh kerana masa itu beliau Menteri Kewangan dan bertanggungjawab atas semua perbelanjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Selain daripada kita ada sebab untuk percaya bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan bercakap tidak benar, tetapi apa yang kita lihat dalam latar belakang bahawa tuduhan beliau, kena pukul sehingga mata lebam, bukan self inflicted, ada orang yang buat itu, ada penjenayah sama ada ketua lanun atau sesiapa, itu benar, masa itu ada orang kata syak wasangka, inilah semua tuduhan-tuduhan yang liar, dia pukul sendiri, jatuh sendiri, tetapi sekarang inilah satu contoh bahawa sampai sekarang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat bekas

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah benar. Tidak ada satu contoh yang dibuat, yang ditunjuk oleh pihak kerajaan bahawa Timbalan Perdana Menteri apabila kata apa yang berlaku masa beliau dalam kerajaan tidak benar dan sebab itu kita mahu tahu sebenarnya kos-kos kediaman Perdana Menteri dalam Putrajaya sama ada RM230 juta atau lain-lain. Kita tidak boleh menerima sahaja kenyataan yang menafikan angka itu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita mahu satu siasatan yang bebas mengenai belanja dan semua aspek Putrajaya.

Sebagai Parlimen, kita bertanggungjawab untuk mengawal selia semua perbelanjaan khasnya mengenai Putrajaya yang kalau saya tidak silap akan membelanjakan RM24 bilion, satu angka yang besar dan kita mahu memastikan bahawa di semua peringkat perbelanjaan ini tidak ada penyelewengan, tidak ada penyalahgunaan kuasa, tidak ada korupsi, tidak ada kronisme dan itu mustahak khasnya apabila pendedahan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada kronisme, sungguhpun Pemuda dan Wanita UMNO ada kata mahu dedahkan nama kronisme ini, siapa yang terlibat nampaknya mereka mahu mendedahkan nama kronisme yang menentang kerajaan tetapi mahu melindungi kronisme-kronisme, semua kroni yang sangat taat setia kepada kerajaan dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini hipokrasi, ini double standard, kita mahu kronisme semua didedahkan, dihapuskan sama ada daripada kerajaan atau pembangkang, itulah pendirian kita, adakah kita rela khasnya mengenai .....

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okay.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, kita dalam Committee Stage, jadi saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap dasar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya beri contoh.

**Seorang Ahli:** Dia meradang, mengamuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu, kita perlulah mengadakan satu jawatankuasa Parlimen supaya untuk menyeliakan belanja pembinaan Putrajaya RM24 bilion

supaya tidak ada kronisme, kita tidak mahu lagi lima tahun kemudian ada orang kata, oh, ada seorang, sekarang sama ada Timbalan Perdana Menteri, sama ada Menteri Kewangan oleh kerana dia sudah pecah daripada mereka yang berkuasa bahawa mereka bertanggungjawab atas kronisme dalam Putrajaya sehingga ada cash deposit beratus-ratus juta Ringgit. Kita tidak mahu, sebab itu kita perlulah adakan satu nasional bukan sahaja kerajaan dalam semua jabatan nampaknya ada menubuhkan jawatankuasa keutuhan atau integrity system tetapi integrity system itu perlulah dilihat sebagai satu sistem yang terbuka, yang transparent, apa yang kita perlu ialah satu national integrity system di mana Parlimen bertanggungjawab supaya mengawalselia khasnya semacam Putrajaya – RM800 juta sekarang dimohon, kita mahu menentukan setiap sen digunakan untuk pembangunan Putrajaya dan bukan untuk cash deposit sesiapa kronisme, kroni-kroni, sama ada Menteri Kewangan, Perdana Menteri atau Timbalan Menteri yang baru masuk.

*[Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memasuki Dewan]*

Dan saya harap .....

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Ipoh Timur bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payah. Orang mati dia pun tidak boleh jaga, 100 orang mati dia tidak hirau, apa guna – tidak beri masa.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** 100 orang mati dia tidak ambil perhatian, tidak bertanggungjawab, apa guna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Chang Kon You:** Saya mahu tanya sama ada DAP ada menubuhkan satu badan untuk *[Pembesar suara ditutup]* .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, kalau tidak beri jalan, tak payah .....

**Tuan Chang Kon You:** Dia sudah gila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tengok orang yang pura-pura bertanggungjawab tetapi sebenarnya tidak bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Takkan Yang Berhormat hendak masukkan ini dalam perbahasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, tidak, tetapi apabila lihat wajah semacam ini, tidak boleh tahanlah. [*Ketawa*] 100 nyawa hilang, terkorban sia-sia, tidak patut mati.

**Tuan Chang Kon You:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya berharap .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan kepada orang yang ada bertanggungjawab 'berjenayah' terhadap kematian 100 orang dalam negara kita yang tidak patut berlaku, itulah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong diingatkan, perkataan 'berjenayah' itu tidak sepatutnya dikeluarkan.

**Tuan Chang Kon You:** Dia sudah gila!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, itu boleh kemukakan kepada mahkamah untuk menentukan sama ada itulah criminal negligence.

**Tuan Chang Kon You:** Minta dia tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat, saya tengah buat keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia mahu saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat boleh rujukkan kes ini kepada mana-mana pihak tetapi di Dewan ini perkataan yang tidak senonoh, saya kena buat keputusan.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya kata bahawa .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya buat keputusan. Yang Berhormat Tanjong, perkataan itu saya rasa elok Yang Berhormat tarik balik, 'berjenayah' itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia mengakui dia ada bertanggungjawab mengenai attitude sikap itu tetapi dia nafi, dia berjenayah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Chang Kon You:** Saya tidak cakap apa-apa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah itu keadaannya, adakah dia mengakui ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya tidak sebut beliau penjenayah, selain daripada dia mengakui, dia ada bertanggungjawab sikap itu tetapi bukan berjenayah.

**Tuan Chang Kon You:** Tanjong mesti tarik balik dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bila saya buat sesuatu keputusan, saya tidak mahu orang lain mencelah. Saya kena bercakap tegas, Yang Berhormat Tanjong, kalaulah perkataan itu bukan ditujukan kepada Ipoh Timur, kepada siapa pula?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tadi Yang Berhormat cakap tidak secara umum tidak apa, tetapi tadi Yang Berhormat takkanlah saya silap dengar. Inipun terang-terang Yang Berhormat rujukkan ataupun tujukan perkataan itu kepada Ipoh Timur, itu sebabnya saya beri teguran. Tidak ertikah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, kenyataan saya ialah kepada semua orang yang bertanggungjawab oleh kerana sikap kecuaiannya mereka yang berjenayah, yang mengakibatkan lebih 100 orang mati, kalau itu perlu dibetulkan, adakah di bawah mana-mana peraturan mesyuarat, saya mahu tanya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak selagi itu tidak ditujukan secara spesifik ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Selain daripada beliau rasa dia kenalah, itu terpulang kepada dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ha, itu biasanya saya tidak menegah, tetapi kalau hendak tukar, sudah lain cakap, itu lain ceritalah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu terpulang kepada beliau.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada dia dari satu puak, satu parti, itulah.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, adakah dia sudah tarik balik, itu yang saya mahu tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tak Yang Berhormat, sebab tadi saya sudah buat keputusan, selagi perkataan itu ditujukan secara spesifik, secara khusus kepada Yang Berhormat, maka dia kena tarik balik dan beliau telah pun menjelaskan pendiriannya, dia kata secara umum.

**Tuan Chang Kon You:** Okay Tuan Pengerusi, kalau dia ialah seorang yang bertanggungjawab, berilah laluan kepada saya untuk .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu dia boleh cakap nanti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa ....

**Tuan Chang Kon You:** Jadi, dia adalah orang yang tidak bertanggungjawab  
*[Pembesar suara ditutup]* .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya rasa ini sudah cukup jelas, kalau Yang Berhormat hendak berucap, nanti ada peluang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap bahawa dalam khasnya mengenai pembinaan pembangunan Putrajaya yang sekarang ada permohonan sebanyak RM800 juta dan semuanya RM24 bilion adalah satu jawatankuasa Parlimen yang ditubuhkan untuk mengawalselia segala aspek, semua peringkat perbelanjaan ini supaya ia menjadi satu



contoh mengenai peranan Parlimen untuk memastikan ada satu national integrity system, satu sistem keutuhan negara bahawa tidak ada salah guna kuasa, tidak ada korupsi, tidak ada kronisme.

Dan Putrajaya nampaknya akan menjadi satu pusat induk dan ada rancangan teknologi maklumat IT Putrajaya untuk merujukkan sebuah masyarakat elektronik secara menyeluruh dan bersepadu. Lebih mustahak daripada berbelanja RM800 juta ialah sama ada kita akan mencapai matlamat ini ialah bahawa adalah satu pusat wujud sebuah masyarakat elektronik secara menyeluruh dan bersepadu yang membolehkan produk dan perkhidmatan dapat diperolehi pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja serta oleh sesiapa sahaja, tidak ada diikat oleh masa, oleh ruang, oleh space, adakah kita ada satu mind set dalam kerajaan kita supaya boleh satu electronic government, itu akhirnya apa yang kita perlu jawab sama ada kita ada satu mind set supaya kita boleh berjaya mengadakan satu Putrajaya bukan sahaja dari aspek pembangunan fizikal. Kita boleh belanja beratus-ratus juta Ringgit untuk pembangunan, boleh pindah kementerian-kementerian dan pusat-pusat kerajaan tetapi sama ada kita akan adakan satu pusat kerajaan elektronik berasas Putrajaya dan tentu kita tidak akan berjaya kalau kita tidak ada mind set. Kita boleh lihat sekarang banyak web site jabatan-jabatan kerajaan bukanlah interactive, bukanlah masa dikemaskini dari masa ke semasa tetapi apa yang disifatkan dengan betulnya cob webs, sarang labah-labah, cob webs dan kalau kita tidak ada mind set untuk mengadakan satu electronic government yang sebenarnya ada perkhidmatan bila-bila masa, mana-mana sahaja dan oleh sesiapa sahaja dan kalau kita mahu konsep kerajaan, kita perlu satu revolusi dalam perkhidmatan civil service kita. Ada satu revolusi, adakah kita dalam proses untuk merevolusikan sikap, mind set public service kita. Kalau tidak, Putrajaya akan menjadi Putrajaya - pusat untuk cob web-cob web kerajaan terbesar di dunia dan bukan satu electronic government yang menjadi teladan untuk lain-lain negara.

Kita boleh ingat bahawa tiga, empat tahun dahulu kita dengar bahawa hasrat kerajaan untuk menjadi kerajaan yang pertama, public civil service yang pertama di

dunia di mana adalah mematuhi, adalah dapat kelayakan ISO 9000, civil service yang pertama tetapi sekarang nampaknya satu, dua tahun semua tidak dengar lagi, sungguhpun ada sedikit di sana adalah majlis perbandaran di sini, di sana, cuba untuk comply dapat kelayakan ISO 9000 tetapi nampaknya untuk seluruh kerajaan, matlamat ini sudah ditinggalkan, sudah dibuangkan. Kalau begitu ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak mencelah sedikit. Saya rasa walaupun Yang Berhormat masih menyentuh Maksud B.7 – itu memang tidak ada pertikaian. Tetapi saya rasa Yang Berhormat bercakap selama ini itu menyentuh cakap dasar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Putrajaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau dalam peringkat misalnya dalam peringkat perbahasan dasar, biasanya saya takkan menegah tetapi sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa. Jadi, elok Yang Berhormat secara khusus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Ya, dasar-dasar Putrajaya sahaja bukan dasar kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, yang menyentuh hanya pada apa yang diperuntukkan dan bukan apa yang tidak diperuntukkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, dasar Putrajaya oleh kerana Putrajaya tentulah dasarnya ialah menjadi satu centrepiece dalam kerajaan yang elektronik, kerajaan yang boleh mematuhi, boleh dapat kelayakan ISO 9000, kalau tidak boleh apa guna Putrajaya, selain daripada kerajaan sudah dengan secara terus terang untuk meninggalkan, untuk give up tujuan ini. Saya mahu tanya sama ada kerajaan sudah tinggalkan matlamat itu.

Yang kedua, mengenai projek Y2K. Kita lagi enam bulan, kurang daripada tujuh bulan sebelum Y2K berlaku, tetapi kita sekarang masih perlulah permohonan untuk supplementary vote untuk usaha menangani masalah Y2K yang menunjukkan bahawa kita sangatlah behind time dan memang saya percaya bahawa Malaysia apabila dibandingkan dengan banyak negara tidak begitu bersiap sedia.

Dalam dua minggu dahulu kita ada dengar dalam Dewan ini bahawa ada beberapa jabatan atau agensi-agensi kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan yang strategik, yang sudah Y2K compliance dan satu institusi yang ada disebut ialah KWSP. Apa yang mustahak ialah kenapa sampai sekarang kita baru boleh sebut satu institusi, berpuluh-puluh ribu, beratus ribu institusi dalam negara kita, strategik mustahak sama ada segi kewangan, dari segi perkhidmatan, dari segi infrastruktur, kenapa sampai sekarang kita barulah boleh sebut satu institusi yang Y2K ready. Saya harap bahawa inilah menunjukkan kita perlu lebih bergiat, lebih berusaha supaya Malaysia tidak menjadi mangsa Y2K akhir tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Serdang.

**12.18 tgh.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Maksud P.7. Saya telah mendengar hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan dari pembangkang berkenaan dengan Projek Pusat Pentadbiran Putrajaya.

Sebenarnya, Dewan yang mulia ini beberapa kali telah membincangkan penubuhan pusat pentadbiran dan telah diterima oleh Dewan yang mulia ini. Kini, pembangunan sedang giat dijalankan di Putrajaya, dengan adanya projek-projek yang tertentu, yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Putrajaya Corporation. Walaupun mungkin dalam pelaksanaan projek-projek yang tertentu di kawasan tersebut mungkin menghadapi masalah sedikit kerana negara kita dilanda kegawatan ekonomi pada Julai 1997, mungkin pada ketika itu kerajaan terpaksa menangguhkan beberapa projek yang bukan mendesak di dalam pusat pentadbiran Putrajaya oleh kerana kewangan tetapi oleh kerana pemulihan ekonomi di negara kita dan

kerajaan telah membentangkan White Paper di Dewan ini telah dibahaskan dan kita tahu bahawa kerajaan sedang giat untuk memulih semula ekonomi. Maka saya yakin dan percaya bahawa projek-projek yang ditentukan di bawah pembangunan pusat pentadbiran Putrajaya akan mengikut jadual. Yang penting sekali sekarang ialah sama ada projek-projek yang telah ditentukan di dalam pusat pentadbiran Putrajaya ini akan diteruskan atau tidak.

Kelmarin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi nasihat kepada agensi-agensi kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan supaya projek-projek yang telah ditentukan hendaklah mengikut jadual dan juga meneliti apakah kelemahan, apakah sebab projek tergendala dan tidak ikut jadual.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan I telah memberitahu kepada pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali dalam seminar khusus pegawai-pegawai daerah seluruh Malaysia betapa pentingnya untuk meneliti projek-projek tertentu supaya mencetuskan kegiatan ekonomi negara kita kerana peruntukan telah disediakan tetapi tidak dijalankan. Maka itulah sebab pusat pentadbiran Putrajaya, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab boleh memberikan satu penjelasan lebih lanjut mengenai keadaan sebenarnya projek-projek yang telah ditentukan di mana satu gambaran yang nyata kepada orang ramai supaya mereka tidak dikelirukan oleh parti pembangkang.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi, saya rasa DAP masih tunggu sampai tahap untuk mendapat ISO9000 tetapi masih belum lagi boleh sampai ke tahap itu yang boleh diterima, yang kualiti politiknya, dengan sikap tidak bertanggungjawab menuduh kepada pihak kerajaan yang tidak langsung kena-mengena dengan butiran ini. Oleh sebab itu saya rasa sebagai Ketua Pembangkang yang begitu lama di dalam Dewan dan berpengalaman perlu memberikan saranan atau cadangan yang membina kepada pihak kerajaan cara mana untuk membangunkan pusat pentadbiran Putrajaya dengan begitu baik dan canggih pada masa akan datang, bukan mencaci. Kalau pihak kerajaan tidak mengeluarkan peruntukan untuk membangunkan

pusat pentadbiran Putrajaya, saya yakin Yang Berhormat dari parti pembangkang akan mencaci kerajaan dengan mengatakan apa sebab projek-projek di pusat pentadbiran Putrajaya tidak dijalankan. Dengan adanya peruntukan sekarang pihak parti pembangkang akan mengatakan mengapa banyak wang digunakan untuk projek pusat pentadbiran Putrajaya. Jadi kita tidak dapat tahu apa politiknya.

Tuan Pengerusi, sikap yang demikian itu boleh difahamkan kerana partinya di dalam keadaan yang begitu teruk. Tubuh parti baru daripada ahli-ahli DAP yang keluar DAP, tubuhkan parti baru, NDP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa ini hal-ehwal politik kepartian, ini cakap dasar.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih, saya terima nasihat daripada Tuan Pengerusi. Tetapi hanya satu pandangan, sikap, berucap di dalam Dewan ini, kalau kaitan dengan tajuk Jabatan Perdana Menteri berilah cadangan atau saranan yang lebih membina supaya rakyat akan kenal, oh! ini parti pembangkang begitu baik mungkin beri kepercayaan pada masa yang akan datang. Tetapi kalau hujah-hujah yang berkaitan dengan JPM dan pusat pentadbiran Putrajaya oleh kerana kerajaan memperuntukkan RM800 juta untuk projek-projek yang tertentu, Yang Berhormat daripada parti pembangkang tidak bersetuju, tidak berapa seronok kerana Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang khuatir pusat pentadbiran Putrajaya akan berjaya dan melambangkan pentadbiran yang dikatakan mencapai satu era baru. Saya yakin bahawa semasa JPM pindah ke Putrajaya akan membuka satu lembaran baru untuk pentadbiran negara kita. Saya juga yakin bahawa dengan adanya pusat pentadbiran yang baru akan memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi kepada rakyat negara Malaysia dan juga sebagai Wakil Rakyat yang berdekatan walaupun Putrajaya tidak termasuk di dalam kawasan saya tetapi saya rasa gembira kerana sempadan dengan kawasan Serdang. Itu sebab saya pernah meminta pihak kerajaan supaya perancangan keseluruhan Putrajaya ini meliputi kawasan Parlimen Serdang dan Bangi, di mana saya pernah bangkitkan di dalam perbahasan Titah Diraja baru-baru ini, tetapi saya masih belum dapat jawapan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan

memberi satu penjelasan sama ada perancangan keseluruhan Putrajaya ini bolehkah meliputi Bandar Bangi, Serdang dan sekitar kawasannya kerana adanya institusi-institusi dan Research Centre di situ, boleh memberi kerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan yang begitu cemerlang untuk berkhidmat di negara kita. Maka itu adalah satu perkara yang saya meminta penjelasan lebih lanjut.

Tuan Pengerusi, saya harap projek-projek yang telah ditentukan di Putrajaya akan dicepatkan supaya kementerian-kementerian kerajaan akan berpindah di situ merupakan satu pusat pentadbiran yang begitu baik untuk negara kita. Saya masih merasa bimbang sedikit kalau perpindahan jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian ke situ terutama yang awalnya JPM akan berpindah ke situ, adakah perkhidmatan sistem lalu lintasnya baik? Saya tidak mahu menjadi satu masalah kepada pegawai kita dari Kuala Lumpur yang tinggal di Kuala Lumpur datang bekerja di Putrajaya mungkin akan terjejas kerana kesesakan lalu lintas di KL-Seremban Highway. Kalau daripada Seremban atau Kajang pergi bertugas di Putrajaya hanya melalui Jalan Sungai Chua dan Jalan Sungai Ramal yang begitu sempit dan akan mengakibatkan kesesakan.

Tuan Pengerusi, saya ada membangkitkan perkara ini di mana pentingnya melebarkan jalan yang berdekatan dengan Putrajaya, pilih satu jalan masuk dan keluar yang lebih sempurna bukan sahaja untuk pegawai kerajaan juga kepada orang ramai. Mungkin akan datang semasa mass media datang, mereka akan hadapi kesusahan. Kalau ada press conference di situ mungkin mereka akan datang lewat kerana kesesakan lalu lintas. Maka dengan itu saya minta perancangan yang lebih baik, walaupun Jalan Sungai Chua dan Jalan Sungai Ramal telah diswastakan dua tahun dulu untuk melebarkan jalan supaya orang daripada Hulu Langat terus ke Putrajaya melalui Jalan Sungai Ramal tidak akan terjejas. Tetapi oleh kerana projek ini telah ditangguhkan maka Jalan Sungai Ramal masih sempit. Saya khawatir akan jadi satu gambaran tidak baik pada masa akan datang terutama sekali semasa Persidangan Dewan Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat pihak pembangkang mungkin akan jadikan

satu isu untuk mencaci kerajaan kerana tidak ada perancangan yang lebih sempurna untuk perkhidmatan lalu lintas di situ.

Tuan Pengerusi, satu perkara penting iaitu sebenarnya satu jalan raya dipanggil dedicated highway melalui Kuala Lumpur ke KLIA di Sepang, tetapi dedicated highway ini boleh jalan keluar masuk ke Putrajaya. Oleh kerana dedicated highway telah dibekukan, dari Kuala Lumpur kalau melalui KL-Seremban Highway sahaja satu jalan, mungkin sebelah jalan raya menggunakan jalan dari LDP dan juga di kawasan Subang mungkin satu jalan boleh terus ke Putrajaya tetapi masih belum ada hubungan yang lebih rapat untuk sampai ke Putrajaya ketika ini. Jadi saya harap perkara ini dapat diatasi. Jangan jadikan satu masalah kesesakan lalu lintas Kuala Lumpur boleh sampai ke Serdang. Kalau ke Serdang ini, saya wakil di kawasan tersebut, ini akan menjadi masalah sedikit.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya harap kerajaan akan memberi satu pandangan yang lebih jelas lagi kepada orang ramai di mana banyak kenyataan berkaitan dengan pusat pentadbiran Putrajaya sedikit dikeluarkan, orang ramai keliru dan mereka tidak tahu sama ada benar atau tidak. Satu gambaran yang jelas mengenai perkara ini patut diberitahu supaya masalah tersebut dapat diatasi dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan.

**12.30 tgh.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa - Maksud P.7 Butiran (1) dan (2) dan saya akan membincangkan sekaligus.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat bila perancangan Putrajaya ini dikemukakan di Parlimen kita telah membuat perancangan ataupun memberi pandangan-pandangan waktu itu mungkin ada yang menyokong ataupun berkecuali oleh kerana keadaan ekonomi waktu itu adalah memberangsangkan. Itulah sebabnya kebanyakan Ahli Dewan Rakyat telah memberi pandangan positif. Tetapi pada saat ini adalah menjadi pendapat saya bahawa kerajaan tidak seharusnya tergesa-gesa untuk meneruskan

pelaksanaan bandar ini. Ada dua sebab - yang pertama, dari segi kedudukan kewangan kerajaan dan yang kedua, seperti Yang Berhormat Serdang kata tadi, dari segi perancangan. Ucapan Yang Berhormat dari Serdang membayangkan bahawa bandar ini walaupun wawasannya adalah yang terunggul di dunia, pada hakikatnya 'it should be a very poorly plan supposed to be modern bandar dengan izin, ataupun pusat pentadbiran di Malaysia. We will become a laughing stock in the whole world to spend RM20 billion only to cause economic catastrophe.

Tuan Pengerusi, adakah wajar kita tergesa-gesa membina ataupun melaksanakan bandar ini sedangkan kita tergesa-gesa juga untuk mencari pembiayaan untuk pembangunan dan lain-lain terutamanya di luar bandar? Di manakah priority Kerajaan Barisan Nasional di dalam menangani masalah ekonomi masa kini? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah ia boleh memenuhi syarat-syarat dasar MTEN di dalam menggerakkan ekonomi negara tanpa memberi kesan negatif kepada aspek yang lain? Dalam konteks ini saya ingin bentukkan andai kata Pusat Pentadbiran Putrajaya ini dipindahkan, sudah tentu Bandaraya Kuala Lumpur akan menjadi 'Ghost Town', dengan izin. Bukankah itu akan menimbulkan satu masalah ekonomi negara? Kita sudah menghadapi tekanan ekonomi pembangunan hartanah yang begitu membimbangkan di dalam negara kita ini khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Kalaulah bandar raya ini diteruskan dan peruntukan besar akan dibelanjakan, saya rasa kita will be doing this service to ourselves, dengan izin. Dalam konteks ini saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan daripada RM20 bilion yang telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek ini, berapa banyakkah peruntukan yang telah dipakai?

Yang kedua, persoalan yang saya ingin tanya ialah apakah rasional menjadikan pelaksanaan bandar Putrajaya ini begitu untuk 'top priority', dengan izin, sedangkan bangunan Jabatan Perdana Menteri walaupun saya belum masuk lagi tetapi tengok di TV masih canggih dan masih baik, masih boleh menampung mungkin 20 tahun, 100 tahun. Kita harus ingat 10<sup>th</sup> Downing Street for example, rumah kediaman dan pejabat-pejabat Perdana Menteri British, it has been there for the last 600 years,



belum pindah. Jadi apa rasional, demikian juga White House it has been there for more than 600 years, tidak perlu pindah. Mereka ini tentang kedudukan kewangan tidak menghadapi masalah kewangan macam kita sekarang, tidak mahu bercadang untuk berpindah. So, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Yang keduanya, dengan menumpukan pelaksanaan Putrajaya ini, apakah jaminan pihak Perdana Menteri bahawa perbelanjaan yang begitu besar sekali tidak akan mengakibatkan 'diversification of fund', dengan izin. Pembangunan untuk luar bandar tidak akan terabai dan kerajaan tidak akan terpaksa berhutang begitu besar untuk melaksanakan ini dan adakah ini rasional?

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya rasa kita perlu untuk memperlihatkan rasional Ahli-ahli Dewan Rakyat semua. Kita akan meminta supaya bila ini diluluskan nanti kita minta berbelah-bahagi sama ada Ahli-ahli Dewan Rakyat betul-betul memerlukan pembangunan luar bandar ataupun hanya mahu melaksanakan Bandaraya Putrajaya ini oleh kerana yang memerlukan pelaksanaan dan cadangan saya ialah kerajaan seharusnya mengkaji semula pelaksanaan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang projek Y2K. Pada hemat saya, ini memang baik. Kita tidak dapat elakkan oleh kerana perubahan dunia memerlukannya. Tetapi satu perkara penting yang perlu diingatkan di sini ialah sekali pun kita ada di sini 'the most sophisticated equipments in the whole world to deal with this problem' dengan izin, tetapi kita tidak ada kewibawaan dan juga kemampuan untuk melaksanakan dasar, menggunakan equipment, itu tidak akan dapat mencapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi, jadi dalam konteks ini yang saya maksudkan ialah saya ambil dua contoh - pertama, Pendaftaran Negara. Bagaimanakah kita boleh mengatasi masalah asas dengan dasar pelaksanaan Y2K ini sedangkan basic problem dengan pengumpulan data tidak dilakukan. Can the machine produce a good result? Kalau orang-orang yang seharusnya melaksanakan tidak ada kewibawaan. Seharusnya di masa kita sudah mahu memasuki alaf baru iaitu the next millennium, dengan dengan

izin, dengan menggunakan teknologi millennium ini orang yang di Lahad Datu ataupun di tempat-tempat terpencil di Sabah sekali pun dengan menggunakan fingertips sahaja boleh dia mengetahui siapa punyakah I.C yang bernombor begini dengan menggunakan teknologi yang akan kita atasi dengan perbelanjaan RM1.17 bilion ini, tetapi tidak. Bila kita minta pengesahan nama yang dimiliki oleh 3 orang. Satu nombor I.C dimiliki oleh 3 orang. Kita minta disahkan, jangan kata di jabatan terpencil ataupun kawasan terpencil di Sabah, di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran di Kota Kinabalu ia kata tidak boleh, kita kena pergi ke Petaling Jaya juga untuk mahu minta disahkan. Saya minta penjelasan daripada kementerian ataupun daripada Jabatan yang berkenaan, kenapa ini boleh begitu? What is the purpose of having a computer on-line tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah basic problem. Mana yang kita mahu selesaikan sekarang dengan peruntukan RM1.17 bilion. Adakah ini kita mahu menyelesaikan hanya kerana kita mahu memulakan satu era baru tahun 2000 dengan sophisticated equipments tetapi masih menggunakan data yang sama, bolehkah kita mencapai matlamat kita? Jadi saya fikir prioriti di sini haruslah ditentukan.

Demikian juga dengan Daftar Pemilih, without Daftar Pemilih yang betul-betul ditentukan oleh rakyat Malaysia, I think we will be having government which is elected by prudent powers.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ini di bawah butiran yang beberapa?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini contoh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Hendak kaitkan dengan butiran mana?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Masih juga Y2K, saya akan explain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Contoh ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, Y2K. Dalam pilihan raya kita perlu mengetahui siapakah yang mengundi, bila sudah ada empat orang

memiliki nombor IC yang sama. Sebelum kita pergi mengundi kita pergi ke pejabat Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengetahui siapa yang sebenarnya didaftar. Sistem komputernya kata ia on-line, sudah lama diumumkan, you can check your name just by finger tip. Kita pergi ke pejabat dia, dia sendiri pun tidak tahu, bikin malu! Ada pepatah Melayu mengatakan 'ada udang di sebalik batu'. Jadi, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawa we will be throwing the good money to the dog, kalau sistem ataupun dasar kita begini.

Seharusnya di dalam pelaksanaan Y2K ini, saya ingin mencadangkan supaya jangan hanya ganti mesin itu sahaja, mesti up-datekan juga datanya, baru kita boleh mencapai Y2K. Kita ada mesin yang sophisticated untuk menyelesaikan masalah kononnya just to comply with the international requirement tetapi data kita yang sudah lapuk, bagaimana?

Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali saya ingin sentuh di sini ialah mengenai cadangan mahu memindahkan Parlimen ini ke Putrajaya. Ini satu mimpi yang ngeri oleh kerana sejarah menunjukkan bahawa seharusnya Parlimen jangan berpindah-pindah ataupun bangunan yang amat bererti di dalam sejarah negara, jangan dipindah-pindahkan. This augustus House will become a heritage of democracy in our country, dengan izin. Jadi, kalau kita pindah ke mana-mana, adakah ini bererti bahawa ini salah dirancang. Sebaiknya bangunan yang di sana itu boleh dijadikan Jabatan Perdana Menteri – yang kosong di sana itu. Kenapa tidak dirancang di situ? It is a ghost house, actually white elephant, tidak ada orang pergi ke situ. Jadi cadangan untuk memindahkan Parlimen ini janganlah dilayan sama sekali. Saya mintalah supaya Timbalan Menteri jawab sahaja jangan cuba-cuba. Kita updatekan sistem sahaja, beri modernise tetapi bangunan yang cantik designnya ini jangan dipindahkan. It has a very long tome meaning to our history.

Saya fikir dengan kata-kata begitu, Tuan Pengerusi, ini Y2K kita sokong. Kita sokong untuk diluluskan dengan syarat-syarat yang telah saya katakan tadi. Basic problems mesti di overcome juga sekali gus tetapi Putrajaya ini saya minta dibelah bahagian sebab saya tidak menyokong dan saya minta supaya dibelah bahagian bila mahu diundi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, biasanya kalau minta pengundian secara belah bahagian, saya rasa itu ada caranya mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, tetapi saya beri....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukan sekadar Yang Berhormat bercadang dalam perbincangan sahaja, tidak.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya beri notis, sekejap saya beri penerangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Cuba teliti Peraturan Mesyuarat yang ada.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya hanya beri pandangan. Kalau ada pihak-pihak yang menyokong, saya fikir Dewan terpaksa, oleh kerana ini penting dilaksanakan untuk menunjukkan sama ada pemimpin-pemimpin dari Barisan Nasional ini betul-betul mempunyai priority yang tepat di dalam membelanjakan wang rakyat .

Jadi, dengan kata-kata demikian, sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bintulu, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**12.45 tgh.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja mengenai Y2K di Parlimen ini. Saya mahu tahu adakah Parlimen mampu untuk mengendalikan Y2K apabila ia tiba kelak. Nampaknya hanya dua orang kakitangan sahaja beroperasi dari dua bilik yang kecil di basement bangunan Parlimen ini untuk bertanggungjawab kepada semua komputer – hardware, software dan technical services, dengan masalah

di sini sana, networking dan lain-lain dalam Parlimen ini. Nampaknya pada masa sekarang kedua mereka ini telah pun berdepan dengan masalah di samping begitu banyak kerja.

Tuan Pengerusi, dua orang kakitangan memang tidak cukup untuk bekerja dalam Parlimen ini. Ini boleh dilihat daripada homepage Parlimen di mana Order Paper setiap hari patut di upload pada pukul 6.30 petang sebelum mesyuarat Parlimen tetapi tidak dibuat lagi sekarang dan ia ada dibuat dahulu tetapi sekarang tidak ada lagi.

Mengenai *Hansard* juga, hari ini sudah 4 Mei tetapi *Hansard* sehingga sekarang hanya di upload sehingga 15 April sahaja dan ini untuk Dewan Rakyat sahaja dan macam mana sekarang Dewan Negara yang bersidang serentak. Persoalannya ialah macam mana kakitangan Parlimen ini akan mengendalikan Y2K apabila masa itu tiba dengan hanya dua orang kakitangan bekerja di Parlimen ini dan adakah bilangan kakitangan ini ditambah untuk memastikan Y2K ini terkawal di Parlimen. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.  
**12.48 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah menyuarakan pandangan, bertanya soalan dan yang merepek-repekkan. Walau bagaimanapun, yang bercakap off tangent, yang tidak relevan Tuan Pengerusi, saya mengambil pilihan untuk tidak mahu response kerana pada hemat saya berhadapan dengan kita pada hari ini ialah dua perkara. Yang pertama, perbelanjaan tambahan sebanyak RM800 juta untuk Putrajaya dan yang kedua ialah RM370 juta untuk mengatasi masalah Y2K.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Putrajaya, isu yang pertama yang dipersoalkan ialah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk membangun Putrajaya keseluruhannya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita mengetahui bahawasanya angka ini berubah-ubah mengikut keadaan dan semakan tetapi kalau

diambil angka keseluruhan pembangunan Putrajaya itu dijangka akan meliputi sebanyak RM22 bilion tetapi angka ini bukan bermakna adalah akan dikeluarkan daripada hasil kerajaan semata-mata. Sebahagian besar daripadanya adalah daripada pinjaman, ada juga daripada ekuiti dan sebagainya. Daripada kerajaan, pada permulaannya kerajaan jangka akan melibatkan kewangan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketujuh ini sebanyak RM4.03 bilion tetapi setelah disemak, dikaji semula, mendengar pandangan, kritikan dan cadangan daripada beberapa kelompok termasuk Ahli Parlimen, maka kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan keperluan itu daripada RM4.03 bilion kepada RM2.772 bilion dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Ketujuh. Tuan Pengerusi, daripada peruntukan ini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM714,242,644 sehingga 27 April 1999.

Tuan Pengerusi, sepertimana kita sedia maklum bahawasanya perpindahan ke Putrajaya adalah dirancang oleh kerajaan dengan begitu rapi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tuanan bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Yang Berhormat sudah banyak bercakap, Yang Berhormat banyak merepek dan hari ini saya hendak jawab ini fasal saya rasa orang lain banyak lagi hendak jawab.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Minta penjelasan tentang breakdown figures itu, ada diminta tadi.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ya, terima kasih. Saya memang ada dalam senarai saya tetapi saya belum sampai kepada bab itu. Yang Berhormat ini dia selalu kacau tetapi oleh kerana dia hendak minta. Tuan Pengerusi, yang dipohon pada tahun ini adalah hanya RM800 juta bagi Putrajaya dan breakdownnya ataupun pecahannya adalah kemudahan-kemudahan awam iaitu membina masjid, hospital, sekolah, bomba, balai polis dan lain-lain kemudahan awam adalah sebanyak RM592.5 juta, alat pandang dengar RM7.5 juta, pembetulan RM200 juta.

Berkenaan dengan perpindahan seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita telah merancang untuk berpindah mulai daripada tahun ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Jabatan Perdana Menteri sedikit demi sedikit telah pun memulakan proses

perpindahan ke Putrajaya. Kita menjangka bahawasanya pada tahun ini sahaja seramai 2,930 pegawai dan kakitangan kerajaan akan berpindah ke Putrajaya yang akan melibatkan Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, pejabat menteri-menteri, pejabat timbalan-timbalan menteri, pejabat setiausaha parlimen, Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan, Lembaga Penasihat, Pejabat Penasihat Sains dan Unit Khas Teknologi Tinggi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Bahagian Keselamatan Negara, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Bahagian Pentadbiran/Kewangan, Bahagian Penyelidikan, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan dan lima atau enam lagi pejabat yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri akan berpindah pada tahun ini juga. Adalah dijangkakan dalam tahun 2001, seramai 7,666 lagi pegawai dan kakitangan kerajaan akan berpindah dan pada tahun 2002 seramai 6,447 pegawai dan kakitangan akan berpindah. Ini menjadikan jumlah sehingga tahun 2002 ialah 17,043 orang.

Tuan Pengerusi, tadi ada yang menyatakan apakah perlunya kita berpindah. Saya rasa ini adalah seolah-olah ditanya oleh Yang Berhormat dari Tumpat, kalau tidak silap saya. Saya rasa kalaulah kerajaan tidak berpindah ke Putrajaya, saya rasa orang yang sama, Yang Berhormat dari Tumpat juga akan bangun menyatakan kerajaan telah membuat satu program yang bodoh dan menjadikan itu sebagai 'white elephant'.

Tuan Pengerusi, ini diibaratkan macam cerita Arab zaman dahulu apabila seorang cucu dengan datuknya menaiki unta. Kedua-duanya naik unta, sampai satu kampung ditegur. *[Disampuk]* Ya, cerita Lokman Hakim. Ditegur oleh orang kampung "Bodoh sungguh orang tua ini, keldainya...", bukan unta, keldai. "Keldainya begitu uzur, dua-dua naik, sepatutnya seorang naik seorang turun". Sampai ke hadapan lagi dia pun taruh cucunya di atas, dia jalan kaki – orang tua jalan kaki. Sampai ke kampung satu lagi, dia kata juga bodoh "Sudahlah dia tua, anak itu muda, anak itu patut berjalan, dia yang patut naik atas". Begitu juga sampai ke kampung satu lagi, dia tukar pula, dia duduk di atas, cucu turun di bawah. Jadi, dalam persepsi orang yang terkeliru,

dia akan terus terkeliru. Pada pandangan saya kerajaan melaksanakan program ini adalah demi semasa kita merencanakan, mengadakan Putrajaya, kepentingan kita bersama dan tidak langsung menjangka bahawasanya mata wang kita diserang begitu hebat hingga ekonomi menjunam dengan begitu hebat.

Tuan Pengerusi, ada yang bertanya mengapakah kita mesti pindah. White House tidak berpindah, 10<sup>th</sup> Downing Street tidak berpindah. Saya rasa apakah ukuran kita, apakah everything that comes from the West is always right?, dengan izin. Apakah yang datang daripada orang Putih ataupun Amerika mestinya benar? Apakah kita tidak ada maruah ataupun kita tidak ada intelek, intellectual kita kurang hinggakan kita tidak mampu untuk merencanakan apa yang baik untuk kita. Hari ini kita boleh kritik bahawa kita kata kita membelanjakan terlalu banyak wang untuk Putrajaya tetapi ada Maxim kalau boleh tolong ingat, it is easier to be critical than to be correct, dengan izin.

Jadi, Tuan Pengerusi, ingin saya nyatakan bahawasanya it is easier to be critical than to be correct, it is easier to ask question than to answer. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini Kinabalu bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tunggu dahulu. Saya ada banyak lagi point ini. Nanti boleh saya beri.

**Tuan Henrynus Amin:** Penjelasan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ya, boleh. Nanti saya beri.

**Tuan Henrynus Amin:** Sebentar, sebentar. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada dua persoalan saya. Yang pertama beliau mengatakan easier to critic, adakah ini bermakna bahawa kerajaan tidak menerima kritik daripada pihak tertentu yang ingin mengkritik demi untuk kepentingan negara dan masa depan rakyat.

Yang kedua yang saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah ini bermakna bahawa ketika dirancang Putrajaya ini adalah ekonomi kita baik dan tidak menyangka bahawa nilai mata wang kita turun. Jadi, saya ingin bertanya sekarang kita tahu bahawa nilai mata wang kita jatuh dan juga ekonomi kita sekarang dalam keadaan



yang gawat, adakah tidak baik ataupun tidak wajar bagi kerajaan untuk mengkaji semula matlamat sebenar keutamaan kita dari segi pembangunan dan mengalihkan RM22 bilion ini kepada pembangunan luar bandar ataupun memperbaiki dalam bidang-bidang tertentu yang lebih memerlukan wang ini dan kita boleh menanggungkan Putrajaya ini ke satu masa apabila kita mampu kelak.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, saya rasa saya sebut Maxim tadi saya ingat sebagai Ahli Parlimen kita boleh menangkap pengertiannya, it is easier to be critical than to be correct. Bukan erti tidak boleh kritik. Bagi peribadi saya dan Kerajaan Barisan Nasional, saya view critic, dengan izin, sebagai satu perkara yang positif sebab kalau sekiranya kritikan itu kurang baik adalah tanggungjawab saya untuk menjelaskan kepada anda, meyakinkan kepada anda, kalau sekiranya kritikan itu salah. Kalau kritikan itu betul adalah tanggungjawab saya untuk membetulkan diri saya kerana kita percaya seperti mana Saidina Abu Bakar Assidiq menyatakan bahawasanya kalau saya betul, ikut; kalau tidak betul, betulkan. Jadi, ini tidak ada masalah bagi saya.

Point yang kedua, sama ada ekonomi masa kita merancang dahulu baik, sekarang ini kurang baik. Ini pun ada dua school of taught, dengan izin. Ada yang mengatakan bahawa untuk mengatasi masalah ekonomi kita pada hari ini kita mesti kuncupkan perbelanjaan, kita mesti jimat, tighten our belt, dengan izin, kalau itu satu pemikiran ada satu lagi school of taught. Satu pemikiran yang menyatakan bahawasanya apabila pihak swasta itu lemah dan lesu, maka tanggungjawab kerajaan untuk membantu, to give a kick start atau menjanakan kegiatan ekonomi supaya ekonomi kita dapat mewujudkan satu kegiatan di mana keseluruhan rakyat akhirnya akan mendapat manfaat daripada penjanaan ekonomi itu. Jadi, kerajaan telah memikirkan hari ini we are doing a lot of public standings or to create public demands. Jadi, ini local domestic demands. Jadi, oleh itu, Tuan Pengerusi, kerajaan mengambil.....

**Tuan Henrynus Amin:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tidak payahlah, bukan saya...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukuplah.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ha, cukup fasal banyak lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cukuplah bah, duduklah itu.

**Tuan Henrynus Amin:** Dia menyentuh tentang school of taught, Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan mengenai school of taught.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tidak, kalau orang yang faham, dia akan faham...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh meminta laluan tetapi ...

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Jangan argue bah, ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sama ada dia hendak beri atau tidak itu hak dia.

**Tuan Henrynus Amin:** Jadi, saya minta laluan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tidak boleh, I have the floor, please, ya. Okay, jadi Tuan Pengerusi, saya percaya semua Ahli Parlimen ini menyedari bahawasanya beberapa hari dahulu kita dibentangkan dengan Mid-Term Review, sebelum itu dengan Kertas Putih Ekonomi, semuanya yang menceritakan bahawa kita mengambil pendekatan untuk membelanja government spendings demi untuk kebaikan rakyat jelata. We do not follow the norm of the international convention, dengan izin, atau sebagainya. Jadi, kalau hendak tahu bahawa formula kita sebenarnya mendatangkan kesan yang baik sebab itu seperti mana kita tahu bahawasanya ekonomi kita sudah bottom up, bermakna kita sekarang sudah mula untuk naik semula dan oleh kerana itu Putrajaya akan diteruskan. Saya nyatakan tadi kita telah pun revise downward, dengan izin, daripada RM4 bilion kepada RM2.7 bilion sahaja.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Bangunan Parlimen, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan tadi. Dari segi kerajaan buat seketika ini memang kita merasakan bahawasanya Parlimen ini adalah satu rumah, dengan izin, august dan dengan itu ia juga mempunyai pengertian yang besar kepada negara kita. Ini bangunan

sejarah dan lebih daripada itu bangunan ini juga adalah pusat pentadbiran negara – lambang pentadbiran negara. Jadi, kalau ianya diletakkan di satu negeri, tidak di ibu negara, ianya kadang-kadang tidak begitu manis. Jadi, oleh itu tidak ada rancangan lagi untuk kita memindahkan Parlimen ini ke Putrajaya.

Saya rasa jawapan kepada rumah Perdana Menteri sudah dijawab beberapa kali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditempatkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Dewan ditempatkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*

[Tuan Pengerusi (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

**2.30 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Pengerusi, tadi saya telah menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan Putrajaya tentang jumlah peruntukan, jadual pindah dan Bangunan Parlimen. Kemudian ada lagi soal yang berkaitan dengan kediaman rasmi Perdana Menteri. Saya rasa kalaulah kita selalu hendak menimbulkan perkara yang sama ianya tidak langsung mencerminkan, kita mahu mencari penyelesaian, malahan mahu dipergunakan itu sebagai satu senjata yang menikam kerajaan.

Sesungguhnya, kalau dahulu telah didengar jawapannya, saya hendak ulang sekali lagi, saya harap ianya didengar dengan teliti, kos bagi pembangunan rumah Perdana Menteri, saya ulang, ialah masih RM17.5 juta. Kediaman rasmi itu memiliki ciri-ciri yang pertama kalau kita buka 'dictionary' ataupun kamus, kediaman bermakna

tempat yang kita tinggal, menggunakan kemudahannya hari-hari. Kalau macam kemudahan umpamanya 'guest house yang annex' ataupun bilik-bilik mesyuarat yang 'annex' itu merupakan kemudahan awam dan kemudahan awam ini nilainya ialah RM57.9 juta.

Kemudian saya telah nyatakan bahawa peruntukan untuk software RM45 juta. Saya percaya kalau tanya sepuluh kali pun itulah jawapannya. Jadi, saya minta ahli-ahli parti pembangkang saya rasa janganlah kita terlalu jumud dan menutupkan mata, hati dan minda kita dan terima hakikatnya bahawa suatu hari esok Tuan Pengerusi, ada pula pembangkang akan bangun di kawasan yang sama akan bertanya 50 tahun akan datang mengapa kerajaan Barisan Nasional itu terlalu bodoh hingga membina rumah yang begitu sempit dan sebagainya.

Ini banyak berlaku, sebagai contoh, dulu Tuanku Abdul Rahman dikritik semasa hendak membina sebuah stadium di Kuala Lumpur. Kononnya stadium ini terlalu besar dan mengapa buat di satu kawasan yang ketika itu pembangunan Kuala Lumpur tidak berpusat di persekitaran Stadium Merdeka sekarang, ditanya oleh parti pembangkang mengapa dibuat ditempat yang jauh, tempat jin bertandang, begitu besar. Setelah Tuan Abdul Rahman tidak ada, pembangunan pun pesat, negara kita yang sama, dalam Parlimen yang sama, orang pembangkang yang berlainan kata, mengapa kerajaan Perikatan ketika itu cukup bodoh kerana membina sebuah stadium di tengah-tengah pusat pembangunan, pertumbuhan dan begitu kecil, tidak nampakkah bahawasanya generasi kita makin lama makin bertambah.

Jadi, hari ini saya minta pembangkang, 50 tahun akan datang kalau hidup boleh sekali lagi melihat bahawasanya kritikan itu berulang. Saya harap cerita itu tutup, bangunan yang sedia ada, bangunan-bangunan kerajaan yang belum lagi difikirkan lagi oleh kerajaan percayalah kita tidak akan jadikan bangunan-bangunan itu sebagai bangunan yang tidak ada fungsi. Saya percaya kita tahu bagaimana untuk menggunakan pakai bangunan-bangunan kita yang sedia ada.

Tadi, Yang Berhormat dari Teluk Intan bertanya berkenaan dengan bangunan mahkamah. Buat masa ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 belum ada rancangan

kita untuk mengadakan mahkamah baru di Putrajaya tetapi saya percaya bahawasanya dalam jangkaan kita, di dalam perancangan kita 'beyond the year 2000' dalam alaf yang baru mungkin, insya-Allah akan kita rencanakan agar bangunan mahkamah juga berada di Putrajaya.

Yang Berhormat dari Teluk Intan juga memberi beberapa pandangan yang kita kirakan boleh diterima, di antaranya minta agar dicarikan kaedah, sistem air-cond ataupun penghawa dingin itu yang boleh menjimatkan. Sesungguhnya Perbadanan Putrajaya memang sedang mencari kaedah yang sedemikian untuk menentukan penjimatan perbelanjaan kerajaan .

Yang keduanya dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan supaya kita mengadakan sistem solar energy. Itu satu cadangan yang boleh dikaji oleh pihak Perbadanan Putrajaya.

Tuan Pengerusi, tadi seorang anggota telah bertanya, apakah terjadi kepada janji kerajaan hendak mengadakan paperless government by the year 2000, dengan izin. Apakah itu hanya janji ataupun telah terlaksana?

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawasanya kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa memperbaiki dan meningkatkan mutu serta taraf efisiensi pentadbiran kita melalui penggunaan alatan-alatan yang canggih seperti komputer dan sebagainya. Yang dimaksudkan oleh Ketua Setiausaha Negara ialah bukan 'paperless government', kerajaan yang tidak ada kertas langsung tetapi ianya adalah 'paper less' kalau kita daripada Barisan Nasional we can differentiate between 'paperless' and 'paper less'. Jadi, saya tidak tahu kalau pembangkang tidak dapat appreciate antara 'paperless' dan 'paper less'. 'Paper less' kita telah capai walaupun belum sampai ke tahap 2000. Kalau 'paperless', Tuan Pengerusi saya rasa belum ada lagi jangkaan di dalam dunia ini kerajaan yang mampu mengadakan program sedemikian.

Walau bagaimanapun kita akan berterusan mempertingkatkan mutu perkhidmatan kita melalui penggunaan komputer dan sebagainya dan begitulah

dihasarkan apabila kita siap di Putrajaya nanti. *[Disampuk]*. Biar saya habis bab Putrajaya dahulu.

Tuan Pengerusi, PAS tadi dia kata - dia sudah tidak ada. Dia kata apa perlu pindah segera, kalau tidak pindah segera pun tidak mati. Saya malas hendak jawab sebab dia tidak ada tetapi kalau boleh saya katakan satu ayat, 'pindah segera pun tidak mati, tidak pindah segera tidak mati'.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Back-bencher tadi yang mencadangkan agar dipastikan pegawai-pegawai kita 1,000 atau 2,000 lebih yang akan berpindah nanti pada tahun ini akan memiliki kemudahan-kemudahan perumahan. Saya rasa cadangan-cadangan seperti inilah yang kerajaan suka mendengar dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Putrajaya memang menyediakan perumahan yang mencukupi bagi pegawai kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jadual penyiapan kuarters kerajaan tidak terlibat dengan rumah-rumah lain di Putrajaya tahun 2005 adalah seperti sedemikian, hingga penghujung tahun 2000 kita akan menyediakan 1,698 unit kuarters kerajaan pada tahun ini dan tahun hadapan 4,096 berjumlah 5,700 unit lebih kuarters kerajaan sahaja di Putrajaya.

Sampai ke tahun 2000 sejumlah 15,077 kuarters kerajaan di Putrajaya akan dibina bagi memastikan seperti mana yang dinyatakan oleh Presiden CUEPACS, ada pentadbir kerajaan tinggal di rumah setingan supaya ianya tidak berlaku, insya-Allah di Putrajaya nanti.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada permasalahan Y2K.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tuaran, bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pindah kepada Y2 kerajaan, saya ingin minta penjelasan tentang 'paperless' dan 'paper less' government. Ini amat penting diperjelaskan oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, tidak ada kerajaan dalam dunia mengamalkan paperless government.

Kita akui pada saat ini memang, mungkin belum ada tetapi kita mengemukakan cadangan ataupun pandangan ini dalam konteks Putrajaya yang kita akan anggapkan sebagai model untuk dunia. Tidak mustahil kerajaan suatu hari nanti dalam abad yang ke-20 di mana kerajaan tidak lagi perlu untuk menggunakan kertas. Yang diperlukan nanti ialah screen di depan komputer di setiap rumah di seluruh negara dan kerajaan tidak perlu menjawab melalui kertas apa-apa pertanyaan ataupun yang dilakukan oleh rakyat, dia hanya menggunakan screen komputer sahaja dengan menggunakan Internet ataupun Information Technology.

Kalau pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu membayangkan dasar ataupun tunjuk arah dasar kerajaan di dalam pelaksanaan Putrajaya ini dari segi perancangan, saya fikir ini lebih menyakinkan rakyat bahawa persiapan untuk dilaksanakan belum boleh kita banggakan sekarang.

Jadi, saya rasa ini perlulah kalau Yang Berhormat beri.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat menyoal, bukannya...

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, kalau itulah pandangan, jadi perlulah diperjelaskan sama ada ini dasar kerajaan ataupun hanya pandangan peribadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Kalau saya bercakap atas peribadi atau atas kerajaan, dia sama pada hari ini. Kalau di luar itu lainlah. Tetapi kalau di dalam Dewan ini tidak boleh bercakap atas peribadi, takkan Yang Berhormat tidak faham lagi. Yang Berhormat tentu dengar, kalau dengar dengan rapi tadi, saya menjawab persoalan yang dikatakan menjelang tahun 2000, apakah kerajaan berjaya mencapai cita-cita 'paperless'. Saya katakan 'paperless' belum 'paper less', yes. Yang dimaksudkan oleh KSN tahun 2000 itu 'paper less', paperless adalah matlamat yang akhir, the ultimate target. Jadi, matlamat yang akhir itu untuk mencapai ke tahap 'paperless' you must pass through, dengan izin, through the stage of paper less, that we have achieved, we were achieved paperless, iaitu merupakan satu target jangka panjang, Tuan Pengerusi.

Saya tahu Tuaran banyak lagi menyatakan tetapi kali ini saya terkejut sedikit berbeza dengan pagi tadi. Petang ini dia mengharap realitinya kita menjadi satu model yang baik di peringkat junior. Tadi dia kata kita ini poor planning. Saya hendak jawab bahawasanya tidak benar kalau dikatakan Putrajaya itu bersandar ataupun beranjak daripada perancangan yang lemah ataupun poor planning.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Jelebu bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya habiskan ini dahulu kalau tidak pemikiran saya lari. Kalau kita tengok dalam negara, jangan ukur di luar negara, kita ambil dalam negara kita, kita tengok umpamanya pembangunan di Petaling Jaya. Saya sempat tinggal di Petaling Jaya awal tahun 50-an, kita tengok pembangunan Shah Alam, Selatan – Johor, Utara - Sungai Petani, Timur - Indera Mahkota Kuantan. Saya rasa kalau kita ambil ukuran standard sekali pun, perancangan Putrajaya adalah di antara yang terbaik dan terkemas kini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Jadi, kalau hendak katakan poor planning, saya rasakan satu pandangan yang sangat merosot dan tentunya akan menyebabkan kredibiliti Yang Berhormat sendiri tidak diperlihatkan sebagai yang mampu membezakan antara putih, hitam dan kelabu. Saya hendak beri sahabat saya ini dahulu tetapi saya hendak habiskan satu ayat lagi. Jadi di dalam kritikan ini tadi, saya katakan boleh mengkritik, tetapi saya kata 'it is easier to be critical than to be correct' dia salah tafsir, jangan kritik kerajaan, tidak. Saya kata easier to be critical dan to be correct, saya rasa senang kita hendak faham.

Kalau kita hendak faham Confucius pun ada mengatakan bahawasanya dengan izin, "deal with your own criticism on the earlier part of the night when you are awake and you will deal with the criticism of others in the latter part of the night when you are asleep, dengan izin, itu kata Confucius. Saya beri sana dulu.

**Seorang Ahli:** Duduklah Tuaran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat itu hak Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia hendak beri Jelebu dahulu.



**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelabu]:** Jelebu dulu bang, kau duduk dulu, dengar dulu ini. [*Ketawa*]. Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang cukup jelas. Begitu juga persiapan bagi penempatan pegawai-pegawai tinggi dan rendah untuk ditempatkan di rumah-rumah kerajaan. Cuma saya ingin meminta supaya pihak yang menguruskan pemberian dan pengagihan kuarters ini yang juga dikendalikan oleh Bahagian Perumahan, Jabatan Perdana Menteri, agar dapat menetapkan kriteria yang boleh diterima dan boleh disesuaikan dengan kakitangan-kakitangan yang berkenaan. Di samping kelayakan ataupun merit kepada mereka yang tertentu, masalah-masalah dan ciri-ciri yang lain juga haruslah ditentukan supaya jangan terlalu ketat ataupun begitu susah dan sukar untuk kakitangan mendapatkan kemudahan menduduki rumah kuarters ini kerana sekarang ini pun kita masih menghadapi, banyak lagi yang waiting list di dalam permohonan untuk mendapatkan kuarters kerajaan, masih belum selesai sehingga ke hari ini.

Yang peliknya ada di antara kakitangan yang tidak layak lagi tinggal di rumah kerajaan masih lagi tinggal oleh kerana mungkin tindakan susah hendak diambil dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahu di tempat yang cukup bersejarah ini pada pentadbiran negara kita janganlah masalah-masalah sedemikian masih lagi belaku.

Saya teringat juga dahulu waktu saya, sebagai pegawai kerajaan dahulu, waiting list cukup lama dan akhirnya saya tidak dapat tinggal di rumah kerajaan ialah mungkin saya pada waktu itu saya gurkha (private) dan tidak layak, mungkin, walaupun sudah beristeri, berumah tangga terpaksa berulang alik daripada Ulu Kelang ke Unit Perancangan Ekonomi dan pelbagai jabatan yang lain, inilah yang saya hendak tekankan supaya ada keadilan di situ. Kalau yang terpaksa keluar, keluarlah, janganlah tunggu lagi, untuk apa hendak mengambil kesempatan ini dan menyekat hak orang lain. Saya minta penegasan akan dibuat di unit berkenaan supaya tidak berlaku lobi-melobi, tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menimbulkan syak dan sebagainya di kalangan kakitangan yang hak dan yang tidak hak.

Jadi, ini saya minta supaya kriteria itu diperkemas lagi dan penguatkuasaan haruslah dibuat agar permasalahan untuk mendapatkan tempat tinggal ini kepada mereka yang layak tidak akan berlaku.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, mengenai dengan kemudahan kepada kakitangan yang terpaksa berulang alik daripada tempat kediaman yang sedia ada, kemudahan tol dan sebagainya, adakah cadangan pihak kerajaan berunding dengan pihak yang mengendalikan urusan tol ini agar kakitangan ini diberikan konsesi ataupun kurangan bayaran di atas tugas

yang akan dijalankan. Mereka bukan untuk makan angin, road tax yang mereka bayar, kereta yang mereka bayar, tol yang mereka bayar di atas tugas kepada kerajaan dan juga rakyat. Jadi saya minta perkara ini dipertimbangkan dan diperjelaskan kepada kakitangan, terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Jelebu. Saya beranggapan dua cadangan ini adalah cadangan yang baik berasaskan kepada pengalaman Yang Berhormat dari Jelebu sebagai anggota kerajaan dan inipun saya ingat Yang Berhormat dari Teluk Intan pun menyuarakan tadi supaya dipermudahkan urusan tol dan sebagainya. Itu adalah cadangan-cadangan yang baik, walaupun Yang Berhormat dari Jelebu backbencher dan Yang Berhormat dari Teluk Intan pembangkang, kalau perkara yang baik, kita kata baik, sebab kita tahu nilai antara putih dengan hitam, hitam dengan biru dan...saya tarik balik, Tuan Pengerusi, antara benar dengan yang tidak benar.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Teluk Intan ini hitam [*Ketawa*].

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya tidak ada niat. Hitam, hitam sitampuk manggis, walau hitam dipandang manis. [*Ketawa*]. Tuan Pengerusi, oleh itu kalau boleh saya melanjutkan daripada itu saya hendak nyatakan bahawasanya adalah salah....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Sekejap. Adalah salah, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita beranggapan kita menolong membina Putrajaya, kita mengambil hak pekebun-pekebun kecil. Saya rasa kerajaan kita pada hari ini Barisan Nasional di Malaysia ini, di Malaya ketika itu di bawah Perikatan, adalah satu kerajaan yang terkenal dikatakan oleh siapa pun, pembangkang pun, even the blind can see, minta maaf, bahawasanya kita punya social engineering process in Malaysia is one of the best kita tidak mengambil we would not feed the poor by robbing the rich, we would not help the bumiputera by robbing the non-bumiputera, dengan izin. Kita dulu, kita membina ataupun membangunkan masyarakat bumiputera, kita tidak merampas hak orang Tionghua, orang India. Apa yang kita lakukan ialah kita memperbesarkan - we extended the cake, kita mewujudkan kederasan pembangunan ekonomi supaya orang bumiputera boleh mengambil di dalam ruang yang extended atau yang diperluaskan tadi. Jadi oleh itu, kalaulah hendak ajar kepada Barisan Nasional bahawasanya apa yang kita lakukan bila kita buat Putrajaya, Oh! kita menafikan hak orang miskin, kita tidak membina kemudahan bagi petani, nelayan.

Saya hendak meletakkan persepsi yang jelas bahawasanya itu adalah tidak benar kerana kalau kita tengok, umpamanya penjaja kecil, tindakan kerajaan dengan menurunkan Statutory Reserve Requirement (SRR) ataupun ratio dengan hanya daripada berbelas peratus turun kepada beberapa peratus. Setiap satu peratus kita melonggarkan SRR ianya meletakkan liquidity sebanyak RM4 billion dalam pasaran. Ini mengizinkan golongan yang berpendapatan rendah, penjaja kecil, penjaja pertengahan untuk berniaga,

untuk mendapat pinjaman dan akhirnya saya ingat lebih kurang RM40 billion is thrown into liquidity, dengan izin, Tuan Pengerusi. Begitu juga program-program kemiskinan tidak disekat, malahan kalau kita tengok peruntukan bagi perbelanjaan pendidikan yang kita rasakan the best resource in our country is a human resource, the best investment into our human is education, dengan izin, maka kita telah meletakkan peruntukan yang paling besar kepada pembangunan pendidikan negara. Jadi oleh itu kalau hendak dinyatakan bila kita membina Putrajaya, kita menafikan hak-hak orang miskin, menafikan hak-hak orang lain, saya rasa kita kena tahu kadang-kadang kita boleh as much as we must be fair to the poor, we also have to be the fair to the non-poor, dengan izin. Minta maaf, saya beri laluan kepada Tuaran tadi, lepas ini saya hendak terus, kalau tidak orang lain marah dekat saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuaran, dia beri laluan.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua perkara yang saya ingin penjelasan, tentang poor planning. Perkataan 'poor planning' yang kata tentang infrastruktur jalan raya bukan saya, Serdang yang cakap, jadi dia kena cakap dengan Serdang, iaitu kita ambil contoh dari Serdang, injection akan berlaku, jadi bererti poor planning timbullah. Tetapi yang penting yang saya ingin cakap dengan Timbalan Menteri ialah dasar perancangan, walaupun dia jawab tadi itu tentang kerajaan pada umumnya iaitu paperless government, itu dasar kerajaan pada keseluruhannya sebelum 2000.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya dengar 'people less', bukan 'paperless' ini lagi dahsyat.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** 'Paperless' untuk tahun 2000 yang kita tahu ialah apakah persediaan selepas tahun 2000 dalam konteks pembangunan dan pelaksanaan bandar Putrajaya, itu yang saya minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Penjelasan yang akhir bagi Yang Berhormat dari Tuaran. Kalau hendak berbincang kita boleh berbincang di luar, saya sanggup sampai pukul 12.00, pukul 1.00 sebab saya tahu whatever the government does today they are defendable. Sebab itu saya hendak katakan bahawasanya kalau...

**Tuan Yunof Edward Marinking:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tolong duduk...cukuplah saya hendak beralih kepada Y2K.....

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Beri peluanglah, penjelasan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tak payah.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Saya minta penjelasan dari awal-awal tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Serdang juga bangun. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Nantilah, saya tak habis lagi. Bila dia bangun Tuan Pengerusi, jawapannya sudah lari.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Terganggu.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tadi mengenai paperless Tuan Pengerusi, mana ada kerajaan dalam rantau ini yang menyediakan satu program dikatakan MSC, Multimedia Super Corridor dan kita tahu bahawasanya Putrajaya adalah dalam lingkungan itu. Mana ada kerajaan, beritahu kalau kita secara ikhlas hendak menilai kembali kebaikan kita, keburukan kita, kehebatan kerajaan kita atau kehebatan kerajaan orang lain, kita tanya mana ada unsur-unsur yang menyediakan program seperti MSC yang menyatakan dengan jelas bahawasanya kerajaan mahu membawa bersama negara ini dengan perubahan-perubahan yang selari dengan perubahan dunia iaitu menggunakan komputer dengan lebih meluas. Jadi pada hemat saya, yakinlah bahawasanya itulah matlamat kita dan kita akan sampai ke tahap itu.

Yang Berhormat dari Serdang kata dia takut 'spill-over', bila Putrajaya sudah berjaya 'spill over' akan sampai akan sampai ke Serdang. Malahan kalau kita tengok semua negara dalam pertumbuhan begitulah keadaannya. Pada mulanya kita merancang hanya satu kelompok yang kecil, Petaling Jaya, tetapi akhirnya 'spill over'-nya telah memberi manfaat kepada luaran kawasan Klang Valley, dengan izin. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Y2K, saya rasa terlalu panjang dalam urusan itu. Sesungguhnya Y2K adalah ditugaskan penyelesaiannya oleh kerajaan kepada pihak MAMPU. MAMPU telah berutus dengan semua agensi, kerajaan. Saya hendak jawab agensi-agensi kerajaan sahaja atau agensi-agensi yang berkaitan dengan kerajaan, kalau swasta bukan dalam ruang rujukan MAMPU, oleh itu kita mengharapkan swasta mengambil tindakan tersendiri untuk menyelesaikan masalah Y2K di pihak swasta. Dari segi kerajaan, MAMPU telah menghantar surat kepada semua agensi dan agensi telah mengembalikan jawapan untuk meminta peruntukan pada asalnya sebanyak RM850 juta. Tetapi setelah disemak dan diteliti, MAMPU telah meletakkan garis maksimum ataupun siling sebanyak RM600 juta yang diperlukan untuk mengatasi masalah Y2K dalam semua agensi kerajaan. Hari ini ada 250 agensi kerajaan yang telah menghantar laporan dan permohonan peruntukan. Daripada 250 ini, 24 agensi diistilahkan sebagai agensi seperti mana yang ditanya tadi agensi kritikal, (critical agencies) dan 226 lagi adalah agensi non-critical. Saya ditanya tadi apakah agensi-agensi kritikal yang dimaksudkan, dalam hal ini Tuan Pengerusi, izinkan saya baca secara laju.

Daripada agensi-agensi 250 yang dikatakan critical agencies adalah:

1. PERKESO.
2. MARA.
3. Jabatan Perangkaan Malaysia.
4. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM.
5. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
6. Kementerian Kesihatan.
7. Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan  
Malaysia.
8. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
9. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna.
10. Polis Diraja Malaysia.
11. Jabatan Kastam.
12. Akauntan Negara.
13. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
14. Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.
15. Lembaga Pelesenan Kenderaan.
16. Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian  
Kewangan.
17. Unit Perancang Ekonomi (EPU).
18. Jabatan Imigresen (JI).
19. Jabatan Pendaftaran Negara.
20. Pusat Khidmat Kontraktor.
21. Kementerian Pertahanan.
22. Jabatan Penerbangan Awam.
23. Lembaga Hasil Dalam Negeri.
24. Jabatan Penyiaran.

Ada tanya tadi SPR – SPR kalau mengikut ini tidak diistilahkan dalam critical agency dari sudut definisi yang disediakan oleh MAMPU. Jadi, kalau tanya saya kenapa tidak, saya rasa question of relativity kalau kita kata critical agencies.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 24 critical agency tadi, hanya tiga sahaja 'slack' sedikit, yang 20 agensi berada dalam tahap finalizing atau untuk memuktamadkan tindakan akhir dalam mengatasi masalah Y2K di agensi-agensi masing. Yang dikatakan EPF tadi adalah merupakan agensi yang tunggal yang telah habis persiapannya, dan kita boleh katakan EPF adalah agensi yang terdahulu. Jadi yang lain itu MAMPU telah memberi jaminan kepada saya bahawasanya agensi-agensi ini akan menyempurnakan tugas mereka masing-masing dan sebahagian besar akan menyiapkan persiapan untuk mengatasi masalah Y2K selewat-lewatnya pada bulan Jun tahun ini. Oleh itu, Tuan Pengerusi, adalah dijangkakan bahawasanya kerajaan telah cukup bersedia di dalam mengatasi masalah Y2K ini.

Tuan Pengerusi, sebelum saya duduk, saya ditanya tadi, saya ingat Teluk Intan, dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan banyak peruntukan yang tidak dibelanjakan dan bagaimana pula dengan Y2K ini, berapakah yang belum digunakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk mengatasi Y2K, MAMPU telah mendapat peruntukan awal RM200 juta, RM200 juta sudah habis dan meminta sekarang RM600 juta, sebahagian RM600 juta pun sudah ada komited dan saya percaya tidak ada satu sen pun yang akan dipulangkan balik nanti.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Teluk Intan bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya ingat beginilah, apa yang dia tidak jelas, saya boleh jelas di luar.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jawab dalam Dewanlah, takkan di luar Dewan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,170,000,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan (Pertama) bagi Tahun 1999 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,170,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb) (Bil.1) 1999.

**Maksud B.16 [Jadual Pertama]-**

**Maksud P.14 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas sekarang. Batang Lular.

**2.57 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lular]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tak panjang, sedikit sahaja Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan P.14 dalam tajuk 01600 - Rancangan Perumahan

Rakyat. Walaupun kalau dibaca butirannya dalam buku kerajaan tidak menunjukkan iaitu peruntukan ini untuk dibelanja di mana-mana selain daripada di Kuala Lumpur tetapi kementerian ini adalah kementerian yang relevan di mana saya boleh bertanya dan minta jawapan daripada pihak kementerian, kalau tidak, tidak adalah tempat kita mengadu.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat ini biasanya masalah perumahan akan berlaku di bandar, tidak berlaku di luar bandar. Tetapi pandangan ini Tuan Pengerusi, saya minta maaf tidak setuju, sebenarnya masalah perumahan juga banyak berlaku di luar bandar, dan apa yang hendak saya sebutkan ini ialah masalah di Sarawak, Tuan Pengerusi. Semenjak dahulu kala banyak orang Sarawak duduk di rumah-rumah panjang. Rumah panjang ini biasanya dibina daripada batang kayu, dibina dengan atap nipah dan rumbia, dan menggunakan perkakas-perkakas lain semuanya kayu dan cepat terbakar.

Tiap-tiap tahun rumah panjang ini banyak terbakar dan berjuta-juta hilang, lenyap daripada rumah panjang sampai keharta-benda dan pakaian mereka. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, orang membuat perbandingan kalau RM6 juta hilang rumah panjang di kampung dibandingkan RM6 juta hilang kepada orang diam di bandar yang kaya-roya, dia kata sama RM6 juta juga. Tetapi daripada penilaian hidup manusia seringgit di dalam bandar tidak sama harga ataupun nilainya dengan seringgit di luar bandar. Sebab pada orang yang gaji RM6 ribu, satu ringgit tidak ada makna. Pada orang yang hanya berpendapatan RM400 sebulan di luar bandar seringgit maknanya besar. Jadi nilai yang di sini saya sebut adalah berlainan sedikit.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu kebakaran rumah panjang, tiap-tiap tahun. Kawasan saya pada tahun 1998 ada tiga rumah panjang terbakar, ranap sekali, daripada rumah panjang, pakaian, baju, harta-benda, ayam, itik, semua habis terbakar. Jadi perpindahan, penghijrahan orang Sarawak berlaku, orang Sarawak ingin terutama sekali orang rumah panjang ingin membinakan rumah secara berasingan, walaupun rumah panjang dibina mengikut cara terrace house, dibina dengan perkakas yang tahan terbakar, kalis api, jadi harganya mahal sedikit, tidak boleh didapati daripada hutan dan rimba belantara di mana kita buat rumah panjang dahulu. Jadi dalam keadaan demikian perlukan sumber kewangan, Tuan Pengerusi. Sumber kewangan ini kebiasaannya tidak ada satu kementerian pun yang membuat saluran peruntukan untuk persediaan

kepada rumah-rumah panjang yang buat rumah. Macam di Sarawak ada RM2 juta untuk satu tahun tetapi RM5 ribu rumah panjang di seluruh Sarawak. Di kawasan saya sudah berpuluh-puluh hendak minta, tak payah banyak, dia minta satu bantuan, satu keluarga minta RM5 ribu sahaja, maknanya dia boleh dibayar dengan secara yang cepat dan boleh dijamin dengan secara cross guarantee oleh pihak orang dalaman.

Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya memohonlah pihak kementerian memikirkan macam mana skim hendak mengadakan supaya orang-orang rumah panjang boleh buat terrace house daripada atap zinc, frame rumah dia dibuat daripada batu-bata ataupun tanah liat dan sebagainya supaya rumah ini lebih tahan dan lebih tahan api dan meminta persediaan daripada pihak kerajaan dan disalur menerusi agensi-agensi yang boleh diharap menyalurkan bahan ini kepada pihak orang kampung. Oleh kerana, Tuan Pengerusi, kalau umpamanya Kerajaan Pusat hendak menyalurkan RM10 juta kepada kerajaan negeri dan RM10 juta ini kalau tidak ditetapkan katakan mesti diberi rumah panjang, kalau tak rumah panjang, kalau bukan orang luar bandar tak layak pinjam. Kalau tidak buat macam itu duit ini akan digunakan pegawai beli silver chair duduk dalam bilik aircond. Jadi kita hendak penggunaannya mesti tepat dan matlamatnya mesti tepat.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berharaplah kepada kementerian ini saya akan masuk lagi dalam Kementerian Kewangan nanti. Kalau Kementerian Perumahan kata ini tak relevan, saya akan sebut tempat lain. Sejauh mana yang boleh, saya hendak lihat 120 rumah panjang di kawasan saya, kalau ada orang minta, ada tempat saya mengadu masalah mereka ini. Pada masa sekarang saya tak tahu, saya berjumpa dengan agensi di Sarawak dia kata RM2 juta sahaja, Yang Berhormat Wan Junaidi, dia kata macam mana hendak salur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat. Nanti dahulu Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bahawa Butiran B.16 dan P.14 itu sebenarnya tidak ada kena mengena dengan Sarawak, Yang Berhormat. Kalau sekadar contoh, boleh tetapi Yang Berhormat ...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi

...



**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Balik kepada tajuk, ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya balik kepada tajuk, guntur sudah bunyinya itu, sama ada dikatakan Tuan Pengerusikah benar atau saya tidak benar, tidak tahulah itu tetapi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya ikut apa yang ada di sini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Okay, Tuan Pengerusi terima kasih. Jadi saya berharaplah pihak kementerian akur dengan kesedihan orang di Sarawak, saya akan berpindah ke tempat lain kepada kementerian yang relevan tetapi saya akan carry on bercakap. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tanjung Karang.

**3.12 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi pandangan di bawah P.14 Rancangan Perumahan Rakyat yang peruntukannya sebanyak RM121,670,000.

Saya terutama sekali mengucapkan tahniah kepada kepekaan kerajaan untuk memastikan Rancangan Perumahan Rakyat ini dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kita juga minta pihak swasta memainkan peranan bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk memajukan projek-projek rumah rakyat ini terutamanya projek-projek rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, kita lihat sekarang ini setiap pemaju perumahan sebelum memulakan pembangunan mereka, projek-projek mereka memang betul ada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam projek-projek yang akan dibangunkan, kuota-kuota telah ditentukan. Berapa banyak hendak buat rumah kedai, berapa banyak hendak buat rumah banglo, rumah kos sederhana dan juga rumah murah. Tetapi malangnya pada hari ini banyak pemaju apabila mereka memulakan projek mereka, mereka selalunya memulakan projek rumah mahal, rumah-rumah kedai di mana projek rumah kos rendah ini last sekali dia buat dan ada juga terdapat pemaju-pemaju yang langsung tidak buat projek rumah murah ini. Apabila projek-projek telah pun dijual habis, rumah kedainya, rumah banglo dan rumah mahal ini telah selesai, dia

tinggalkan tapak kosong yang sepatutnya didirikan rumah kos rendah ini dan kalau mereka dapati projek rumah kos rendah ini boleh mendapat untung yang lebih, barulah mereka buat, kalau mereka memikirkan tidak mendapat keuntungan, mereka akan biarkan sahaja tapak kosong dan ada juga didapati lama kelamaan tapak tersebut telah dipohon untuk membuat projek-projek yang lain.

Oleh itu saya ingin mencadangkan, supaya pihak kementerian mesti tegas mengenai menangani masalah ini. Bermakna pihak kementerian mesti menentukan bahawa pihak pemaju perumahan diwajibkan membuat rumah kos rendah ini serentak dengan projek-projek rumah mahal. Kalau kata fasa pertama, hendak buat rumah kedai, maka rumah kos rendah juga mesti dibuat untuk fasa pertama, kalau tidak boleh semua pun, sekurang-kurangnya 10% ataupun 20% daripada rumah murah yang sepatutnya dibuat mesti dibuat serentak. Kalau ini tidak dapat tidak dilaksanakan, maka kita bimbang pemaju-pemaju hanya lebih mementingkan keuntungan daripada mereka menjalankan sosial obligasi mereka kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai projek perumahan rakyat ini mengenai CF ataupun Sijil Kelayakan Menduduki. Saya terbaca di dalam *Mingguan Malaysia*, 7 Mac 1999 – “Cadangan mengenai peraturan baru yang mensyaratkan pemaju perumahan diberi Sijil Kelayakan Menduduki (CF) dalam tempoh sekurang-kurangnya dua minggu selepas permohonan diserahkan akan dikemukakan kepada Kabinet secepat mungkin. Cadangan itu melibatkan pindaan kepada Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1998”. Jadi saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, adakah cadangan yang telah dinyatakan oleh menteri sendiri di dalam surat khabar *Mingguan Malaysia* yang lepas telah pun dibawa ke Kabinet dan adakah kerajaan telah memutuskan bahawa CF ini mestilah dikeluarkan dalam tempoh dua minggu.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan pandangan bahawa mengenai CF ini, saya kira yang lebih tepat bukannya pindaan kepada Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1984, tetapi seharusnya dibuat pindaan kepada Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 iaitu Peruntukan 21(1)

kerana di dalam Peruntukan 21(1) ini menyatakan bahawa CF ini hanya dikeluarkan apabila pihak pemaju memohon kepada pihak berkuasa, dalam erti kata lain dalam Klausa 21(1) ini iaitu Schedule G dalam Perjanjian Jual Beli yang standard ini, yang ini kita semua sedia maklum mengikut Akta Pemaju Perumahan (Kemudahan dan Pelesenan) 1996, kesemua pemaju perumahan yang termasuk di bawah definisi akta ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah akta ini. Dalam erti kata lain, sekarang mahu tidak mahu kita kena pakai Schedule G – Perjanjian Jual Beli yang telah pun dahulu pernah saya nyatakan di dalam Dewan ini tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan diambil oleh pihak kementerian.

Di bawah Peruntukan 21(1) – Cara Penyerahan Pemilikan Kosong. Menurut klausa ini pemaju hendaklah menyerahkan pemilikan kosong setelah syarat-syarat dipenuhi oleh pembeli dan Sijil Perakuan oleh arkitek telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pembeli tidak boleh duduk selagi CF tidak dikeluarkan. Ini bermakna, pemaju tugasnya dia siapkan rumah, apabila hendak serah pemilikan kosong, dia serah, sedangkan CF belum lagi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ya, ini Bagan bangun ya. Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1), sekarang kami sedang membahaskan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sebutkan sahaja, jangan berhujah.

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1) ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, sebutkan. Baik saya akan buat keputusan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, itu terang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** 36(1), Yang Berhormat Tanjong Karang walaupun Yang Berhormat bangkitkan sesuatu yang bersabit dengan kepentingan orang ramai tetapi saya rasa sekarang ini dalam peringkat Jawatankuasa, seperti mana yang saya putuskan tadi bila Yang Berhormat dari Batang Lupar berucap.

Nampaknya Maksud P.14 dan Maksud B.16, tidak ada mana-mana butiran yang ada kena mengena dengan CF, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya setuju, saya sudah agak mesti dia bangkit di bawah 36(1) tetapi kita harus ingat Tuan Pengerusi, kos perumahan rakyat ini seperti mana yang kita sedia maklum, duit kita berjuta-juta, kita hendak buat rumah ini tetapi kalau akhirnya menyusahkan rakyat tidak guna duit berjuta-juta ini kita belanjakan. Apabila perkara ini berlaku, pembangkang akan mengambil kesempatan, bahawa kerajaan tidak menyeleweng, maksud saya ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini tidak kira sama ada dibangkitkan oleh pembangkang ataupun sesiapa. Saya rasa kalau Yang Berhormat bangkitkan soal ini bersabit dengan Rancangan Perumahan Rakyat saya benarkan, tetapi secara umum itu cakap dasar.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Yalah, saya bangkitkan ini, Tuan Pengerusi kerana walaupun ini Rancangan Perumahan Rakyat tetapi apabila kita sebut Rancangan Perumahan Rakyat yang hendak beli rumah ini rakyat, bila rakyat hendak beli rumah, mesti ada Perjanjian Jual Beli. Yang kita hendak bela ini nasib rakyat, kerajaan buat rumah betul membela nasib rakyat. Di samping perkara yang sama, apabila hendak beli rumah, ia mesti ada Perjanjian Jual Beli, jadi kita hendak rakyat ini selesai, dapat rumah yang baik dan juga apabila Perjanjian Jual Beli tidak menganiaya kepada rakyat.

Jadi saya rasa bagi saya, saya hendak huraikan ini kerana ada berkaitan supaya rumahnya baik, di samping itu apabila dijual kepada rakyat, rakyat juga mesti mendapat faedah kerana hari ini kita dapati banyak kadang-kadang rumah yang kita jual kerana CF. Masalah CF, sebagai contoh rakyat menderita, ini kisah benar. Kalau kita buat rumah sampai RM121 juta, masalah CF tidak boleh diselesaikan, di mana pemaju siap buat rumah dan lepas tangan. Siapa hendak bertanggungjawab dengan CF, itu sebagai contoh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, berkaitan Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak sentuh mengenai CF ini dan juga ada kaitannya dengan usaha yang dibuat oleh pihak menteri untuk mempercepatkan CF kerana masalah CF ini, buatlah rumah macam mana pun, kalau CF tidak dapat, rumah macam mana cantik pun kita tidak boleh duduk. Jadi saya bercakap sekarang ini kena mengena dengan kos perumahan rakyat.

Tuan Pengerusi, jadi izinkan saya memberi pandangan saya supaya projek kerajaan ini tidak disia-siakan, tidak diambil kesempatan oleh pihak pemaju dan juga terbela nasib pembeli-pembeli. Jadi, Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya Bagan bangun lagi.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Apa, point of order lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ada Peraturan Mesyuarat yang hendak dibangkitkan.

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1), kami sedang membincangkan Maksud P14 iaitu Membiayai Program Perumahan Kos Rendah Bersepadu Bagi Kuala Lumpur. Tidakkah saya boleh bawa rumah kos rendah bersepadu bagi Pulau Pinang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya kekalkan keputusan saya dan biasanya kalau Yang Berhormat bangkitkan ini sekadar contoh, saya memang izinkan. Tetapi kalau secara umum, cakap dasar saya akan menegah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, saya cakap ini sebagai contoh. Memang sebagai contoh tetapi Bagan yang tidak faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak, keputusan itu saya yang buat, bukan orang lain yang buat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, sebab dia yang bangun. Kalau dia tidak bangun tadi tidak timbullah perkara point of order. Saya hendak beri penjelasan, dia bangun betul, tetapi yang saya cakap ini secara umum, perumahan rakyat di Kuala Lumpur, walau di mana sahaja, walau di Bagan sekalipun beli rumah, Perjanjian Jual Beli ini itu juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, siapa bangun tidak bangun itu bukan soal. Yang penting itu sama ada kita ikut Peraturan Mesyuarat atau tidak?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya kalau sudah Tuan Pengerusi tadi kata mengambil contoh, saya ambil contohlah ini. Contoh menunjukkan bahawa di dalam kita membuat projek perumahan kita tidak mahu rumahnya sudah siap, rakyat tidak boleh duduk rumah itu. Sebab puncanya hari ini, rakyat tidak boleh duduk rumah itu kerana CFnya tidak ada.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian di samping duit yang banyak ia buat, maka Schedule G juga harus dikaji semula, apabila duit yang dibelanjakan sebanyak RM120 juta ini, rumahnya cantik dibina, maka rakyat boleh duduk dengan cepat. Kalau seperti hari ini, CF ini tidak lagi dibetulkan, rumah ini setahun tidak boleh duduk. Orang sudah siap rumah, siap CF, ini kena faham. Bagan tidak faham ini peraturan CF.

Tuan Pengerusi, CF ini di bawah 21(1) saya cakap, dia pemaju siapkan rumah. Apabila siap rumah, tugas mendapat CF memang betul pemaju patut dapat. Saya ambil contoh yang paling clear, Taman Rimba Permai, yang hari ini saya terkena, saya sudah dapat milikan kosong dua tahun lepas, hari ini saya tidak dapat lagi. Tidak dapat duduk rumah itu sebab CF tidak ada. Jadi saya menekankan di sini bahawa peranan untuk mendapatkan CF ini mesti diletakkan di atas bahu pemaju, selagi pemaju belum dapat CF, tidak boleh ditakrifkan sebagai penyerahan kosong (vacant position) tidak boleh. Itu yang saya cuba hendak terangkan bahawa vacant position ini, hari ini saya ambil contoh, apabila kita beli rumah hendak buat vacant position. Apabila vacant position, kita ada pula defect liabilities, tempoh kecacatan. Tempoh kecacatan satu tahun. Saya ambil contoh di Taman Rimba Permai di Jalan Ipoh, sudah dua tahun serah kepada saya vacant position, tempoh untuk kecacatan sudah laps, sudah tidak boleh hendak buat apa-apa. CF tidak dapat lagi, apabila saya dapat CF esok, kepada siapa saya hendak claim mengenai dengan kecacatan defect liabilities ini. Jadi, saya

hendak nyatakan bahawa untuk memastikan bahawa CF ini cepat, bukan harus dipinda kepada peraturan seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi, Peraturan Perjanjian Jual Beli – Schedule G ini kita mahu tidak mahu, kita kena pakai, wajib di pakai oleh mana-mana pemaju perumahan kecuali dengan kebenaran pihak pengawal. Saya sebagai peguam saya tahu, bukannya mudah hendak mendapat kelulusan daripada pihak pengawal, mesti beri reason yang munasabah mengapa peraturan Schedule G ini mesti diubah. Jadi semua rakyat akan beli, Tuan Pengerusi, Bagan pun beli rumah, pakai Schedule G, ini standard agreement, tidak boleh ubah-ubah. Jadi yang saya hendak nyatakan sekarang ini, selagi tidak diubah seksyen 21 ini tadi mengenai CF, maka masalah CF tidak selesai. Kita mahu sekarang ini masalah CF ini diselesaikan, apabila diselesaikan masalah CF ini, maka tarikh vacant position – penyerahan milikan kosong mesti dikira daripada tarikh mendapat CF dan tarikh berkuatkuasanya defect liabilities, mesti bermula daripada tarikh vacant position, bukannya tarikh daripada rumah siap. Pemaju kata rumah sudah siap, arkitek kata rumah sudah siap, pihak berkuasa lambat hendak beri CF dan dalam surat khabar yang lepas, kalau baca dalam *Sunday Mail*, kalau tidak silap saya baca, hendak dapatkan CF, tidak dapat sebab semasa projek itu dibuat taraf tanah pada masa itu tanah pertanian.

Ini berlaku di Kuala Lumpur sebab hendak cepatkan projek, buat rumah conversion tanah tidak dibuat lagi, masih lagi taraf tanah pertanian. Apabila hendak keluarkan CF, bandar raya check, tengok taraf tanah pertanian, rumah sudah siap, CF tidak boleh keluar, apa hendak jadi. Jadi ini adalah kepentingan rakyat yang saya cakapkan ini, berkaitan dengan projek perumahan rakyat yang Bagan tidak faham. Dia ingat orang Bagan pergi beli rumah pakai schedule lainkah. Teluk Intan, adakah undang-undang lain daripada Schedule G ini yang boleh dipakai kalau beli rumah di Malaysia ini?

Tuan Pengerusi, saya hendak memberi pandangan ini kerana selagi kita tidak betulkan Schedule G ini yang telah lama kita terima pakai, maka rakyat tidak akan mendapat kepuasan apabila membeli rumah.

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Lagi point of order?

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh saya beri penjelasan. Minta penjelasan .....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Hendak minta atau beri penjelasan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta penjelasan. Yang Berhormat berbincang tentang Rancangan Perumahan Rakyat terutama sekali perumahan kos rendah sepadu tetapi Yang Berhormat memetik petikan surat khabar *Sunday Mail*, ini satu condominium developer. Ini bukan rumah rakyat miskin, ini kondominium. Think cracks the whip, "*Lee Tay Thiow – builders given 30 days to solved buyers ...*" Saya ada keratan surat khabar di sini, itu kondominium bukan rumah kos rendah, ini salah tafsir.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Okay, ya ini Tuan Pengerusi. Ini yang saya kata dia tidak faham, dia [*Menunjuk ke arah Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran*] lawyer ajar dia sikit, dia bukan lawyer, dia tidak faham. You beli kondominiumkah, you beli rumah banglokah, you beli rumah kos rendahkah, you beli rumah jenis apa sekalipun, your kena pakai Schedule G you kena pakai Schedule H untuk rumah pangsa, tidak fahamkah? Memang betullah, ini sebagai contoh, semua ini pakai Schedule G, Yang Berhormat faham atau tidak Schedule G ini, pernah baca atau tidak Schedule G ini. [*Disampuk*] Pernah baca? Jadi susahlah, dia tidak faham. Beli kondominiumkah, beli banglo besarkah, apa pun Schedule G mesti dipakai. alau misalan kata kondominium Schedule H, yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Jadi di dalam itu, ada disebut di bawah seksyen 21 mengenai bagaimana CF ini dikeluarkan, masalah 21(1). Ini disebut, ini yang saya sedang hendak terangkan, supaya esok kalau Bagan beli rumah senang dapat CF. Apa guna duit kita sudah habis bayar kepada bank, sudah release all the money, kita tidak dapat duduk rumah dengan alasan CF belum keluar lagi. Rumah



sudah siap, terpaksa sewa dibayar lagi, tidak boleh hendak masuk sebab CF tidak dikeluarkan. Ini yang saya tekankan yang pembangkang tidak faham.

Tuan Pengerusi, jadi saya hendak sentuh lagi mengenai Schedule G ini penting, saya katakan penting, sebagai contoh lagi satu, Clause 9 sebagai contoh. Clause 9 – menyatakan bahawa .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Teluk Intan bangun ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Ya, boleh. You lawyer, lawyer faham lah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, kita semua sedar bahawa problem kita adalah Schedule G ini di mana certificate architect dikeluarkan tetapi CF tidak dikeluarkan. Kita semua sedar sebagai peguam tetapi apakah cadangan Yang Berhormat supaya mengatasi masalah ini. Kita telah menyuarakan perkara ini, tahun dahulu saya ada menyuarakan kepada timbalan menteri tetapi tidak ada apa-apa tindakan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa apa yang dikatakan oleh kerajaan ini tidak ditunaikan.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, dia tidak faham, lawyer pun tidak faham ini, susahlah sebab dia memikirkan dia itu peguam bela, saya peguam cara, jadi susahlah. Peguam ini kalau dia fikir dia peguam bela, apa yang peguam cara cakap, semuanya hendak dibantah. Saya sudah cakap tadi, saya cadangkan untuk dipinda sebab di dalam keratan surat khabar *Mingguan Malaysia*, 7 Mac menteri telah bercakap hendak dibawa kepada Kabinet. Menteri cadangkan supaya hendak dibawa satu cadangan ke Kabinet, supaya CF ini diberi tempoh dalam masa dua minggu sahaja mesti dikeluarkan. Jadi saya hendak tanya, apa keputusan Kabinet, sudah dibawa atau belum dan di dalam surat khabar itu juga menteri ada menjelaskan cadangan ini melibatkan pindaan kepada Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1984, ini menteri cakap.

Saya hendak mencadangkan sepatutnya jangan dipinda Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1984, tetapi harus dipinda Schedule G peruntukan 21(1).

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat saya rasa sudah pergi jauh sangat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Bukan jauh, saya hendak beri terang, dia tidak faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Balik kepada program perumahan kos rendah bagi Kuala Lumpur, ya. cuba hubungkaitkan.

[Tuan Pengerusi Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tidak apalah Tuan Pengerusi, saya sudah cakap tetapi saya mintalah secara kasarnya minta dikaji balik Schedule G. Klous 9 sebagai contoh, lagi satu. Ini kepentingan rakyat. Saya menyatakan tadi Tuan Pengerusi, kalau kita banyak duit, rakyat tidak dapat membeli sebab kita hendak membeli rumah ini kita kena buat perjanjian. Perjanjian ini di samping membuat rumah kos rakyat, perjanjian juga mesti dibetulkan. Klous 9 sebagai contoh, mana ada dalam Schedule G ini yang pembeli ada hak untuk menamatkan pembelian rumah, tidak ada. Yang ada hak menamatkan perjanjian hanya pemaju. Besok katakanlah rumah ini siap, kita sudah bayar 10%, bila bayar 10% tiba-tiba tidak dapat pinjaman bank, pemaju dengan senang dapat profit 10%. Pembeli yang tidak dapat pinjaman bank dia tidak boleh ambil 10%, Tuan Pengerusi, kasihanlah pada pembeli-pembeli ini. Ini rumah orang miskin. Sekarang ini hendak kos rumah murah kena bayar RM2,500, bukan mudah hendak cari RM2,500. Di bayar RM2,500 dengan harapan dia dapat pinjman bank – 90% ataupun 100%. Katalah projek siap tiga tahun akan datang, ekonomi kita tidak bagus – gawat ekonomi lagi. Bank tidak ada hendak beri pinjaman, kalau bank beri pinjaman pun, katakalah beri pinjaman 70%, kita sudah bayar 10%, mana hendak cari 20% lagi. Bila kita tidak boleh bayar lagi perbezaan 20% ini maka pemaju akan mengambil dia profit 10% ini. Ini yang saya hendak terangkan. Maka Schedule G ini mesti diberi hak juga kepada pembeli supaya mereka juga - kita juga sebagai pembeli ada hak untuk membatalkan perjanjian rumah yang hendak kita beli tidak jadi ini. Itu Klaus 9.

Kemudian ada satu lagi klaus yang harus diberi perhatian – Klaus 21. Ini late delivery pun sama juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sedikit, last Klaus. Ini sebab dia kacau, dia tidak faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dalam Jawatankuasa biasanya kita beri lima minit.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Jadi kita harap, lagi satu Klaus - Late Delivery ini, memang betul pemaju dalam Klaus-perjanjian ada menyatakan pemaju hendaklah membayar 10% kepada pembeli kalau dia lambat siapkan rumah tetapi hari ini ramai pemaju walaupun dia lambat siapkan rumah, dia bukan automatic hendak beri 10%, waktu dia hendak profit 10% duit pembeli mudah sangat. Dia profit sahaja. Lambat lagi dia kenakan interest, tidak bayar interest, kunci tidak beri. Bila pemaju yang lambat menyiapkan rumah, dia kata patut bayar 10% kepada pembeli tetapi dia tidak bayar pun, pembeli kena pula ambil satu action yang lain, pergi mahkamah yang melibatkan kos. Jadi kita minta supaya adil. Kalau pemaju tidak siapkan rumah dalam tempoh yang ditetapkan, dia automatic – bayar 10%. Tubuhkan satu fund, macam mana defect liability punya duit, lowyer pegang sebagai state holder. Minta kementerian pegang 10% ataupun 20% daripada duit pemaju. Jadi bila dia tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan tidak perlu pergi mahkamah. Pemaju automatic kena bayar, kementerian terus bayar kepada pembeli-pembeli. Jadi tidaklah pembeli-pembeli ini menjadi mangsa.

Tuan Pengerusi, akhir sekali pun yang sama, sebab saya tengok perjanjian Schedule G, [*Disampuk*] Ha ini pasal Islam you diam-diam. Fasal Schedule G ini kita lihat Klaus-Klaus ini ada unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah. Sebagai contoh Klaus 8 mengenai faedah 10% yang boleh dikenakan oleh pemaju, sekiranya pembeli lewat membayar ansuran yang dituntut mengikut Jadual Ketiga perjanjian jual, beli begitu juga Klaus 20(2) gantirugi dengan kadar 10% setahun daripada harga beli ke atas kegagalan penyerahan pemilikan kosong pada masa yang tepat kepada

pembeli. Oleh kerana kedua-dua klaus ini ada menyebut interest ataupun kadar ataupun riba kerana pada hari ini bila kita hendak pinjam daripada bank untuk beli rumah kita ada sistem Islam. Kita ada sistem pinjaman bank Islam, banking Islam. Kita pinjam kepada bank cara Islam tetapi perjanjian jual beli waktu kita hendak beli rumah dengan pihak kerajaan atau pihak pemaju tidak mengikut cara Islam. Oleh itu Klaus 8 dan Klaus 20(2) ini harus dikaji semula supaya ianya sesuai dengan hukum-hukum syarak kerana kita tidak mahu double standard. Pinjam ikut Islam, beli tidak ikut Islam. Jadi saya harap pihak kementerian dapat mengambil perhatian mengenai cadangan yang saya nyatakan tadi.

Akhir sekali, Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lumar yang menyatakan masalah orang kampung. Bila rumah dia terbakar memang sukar untuk kita selamatkan. Oleh itu saya cadangkan supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat ini memikirkan, buat satu skim insurans yang murah kepada orang-orang kampung, dahulu Bank Pertanian ada buat tetapi tidak diluluskan oleh Bank Negara, kalau saya tidak silap terberhenti. Jadi, adakan satu skim.

Bomba ini janganlah fikir hendak selamat bila sudah terbakar. Kena fikir sebelum dan selepas terbakar. Kalau ada satu skim insurans, katakanlah seorang beli RM10 ataupun RM10 setahun, maka jika rumah orang kampung terbakar maka dapatlah ia pampasan, kalau tidak, seperti tempat saya pada tahun lepas lebih kurang 15 buah rumah terbakar tidak dapat apa pun. Rumah terbakar macam itu sahaja, insurans pun tiada. Jadi, kita harap Jabatan Bomba dan Penyelamat memikirkan satu skim insurans supaya dapat membantu orang-orang kampung yang hari ini tidak berapa faham dan kurang faham mengenai insurans, sekurang-kurangnya jika rumah mereka terbakar adalah pampasan insurans daripada pihak-pihak tertentu. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sebelum kita bermula, saya suka mengingatkan bahawa kita ada sepuluh kementerian dalam Jawatankuasa ya. Sebolehnya mungkin kita sampai lima hari ini dan

saya mintalah perbincangan itu biarlah mengikut butiran-butiran yang telah ditetapkan. Jangan keluar daripada dasar kerana kita ada masa untuk berbincang Dasar. Minta kerjasama. Bintulu.

3.35 ptg.

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Sedikit sahaja mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu mengenai kemarau yang berlaku di Sarawak tahun lepas.

Tuan Pengerusi, kita telah diperingatkan kejadian kebakaran di utara Sarawak pada tahun lalu. Sektor bisnes pelancongan, kesihatan dan sektor lain juga turut terjejas dan menyebabkan kesusahan secara langsung dan tidak langsung akibat daripada kebakaran. Saya harap pihak kerajaan dapat belajar dari pengalaman ini. Saya hendak tahu apakah langkah yang kementerian ambil tahun ini untuk membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan kejadian kebakaran terbuka sekali lagi bukan sahaja di utara Sarawak tetapi di seluruh Sabah dan Sarawak. Kita semua tahu bahawa mencegah lebih baik daripada mengubati dan apakah jenis kempen yang kementerian jalankan bagi mengurangi ke paras minimum kebakaran terbuka ini dan apakah jenis kawalan dan pemantauan yang telah kementerian laksanakan bagi memastikan bahawa kebakaran yang terjadi berada di bawah kawalan.

Saya juga ingin bertanya sama ada unit udara yang telah ditubuhkan di mana helikopter-helikopter itu di tempatkan di Semenanjung dan sama ada unit yang sama ini boleh ditubuhkan di Sabah dan Sarawak, memandangkan negeri Sabah dan Sarawak sangat luas dan terletak jauh daripada Semenanjung. Jika berlaku kecemasan, bagaimana?

Saya faham bahawa kerajaan sedang merancang untuk membeli sebuah helikopter ketiga untuk Sabah dan Sarawak, manakala dua lagi untuk kegunaan di Semenanjung. Saya suka mencadangkan sekurang-kurangnya setengah jumlah unit helikopter di tempatkan di Sabah dan Sarawak bagi mengawal dua negeri yang apabila disatukan mempunyai satu kawasan yang lebih luas dan besar daripada Semenanjung.

Saya juga berpendapat bahawa unit udara tidak sahaja menjalankan kerja memadam kebakaran hutan tetapi juga jenis kebakaran lain. Di Sarawak, kebakaran mudah terjadi di kampung-kampung terutama

di rumah-rumah panjang. Biasanya dalam setahun terdapat beberapa buah rumah panjang hangus terbakar dan ini amat menyukarkan rakyat miskin di luar bandar kerana mereka biasanya hilang segala-galanya dalam kebakaran itu dan saya ingin mencadangkan bahawa unit udara yang baru ditubuhkan dilaksanakan segera di Sarawak sebagai satu bantuan dalam memadam kebakaran di luar bandar yang mana banyak kawasan luar bandar masih sukar dihampiri menerusi jalan raya mengakibatkan kereta bomba tidak sampai ke destinasi kebakaran. Ini kerana apabila sebuah unit udara menjadi amat penting dan boleh memainkan peranan yang lebih penting dari tempat-tempat yang boleh sampai menerusi jalan raya. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**3.40 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Peruntukan untuk dipohon hari ini sebanyak lebih RM121 juta untuk perumahan kos rendah, bolehkah Yang Berhormat senaraikan berapakah rumah kos rendah dari segi rancangan perumahan rakyat telah disediakan setakat ini dan berapakah rumah yang dikatakan yang perlu dibina di Kuala Lumpur, apakah target itu telah dicapai dan bilakah sepenuhnya akan dicapai? Bolehkah Yang Berhormat juga beritahu kepada Dewan yang mulia ini seperti yang telah diulas oleh Perdana Menteri semalam bahawa beberapa peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen akan tetapi peruntukan-peruntukan tersebut tidak digunakan. Adakah ini satu di antaranya dan jikalau sedemikian atau tidak, apakah dan berapakah telah digunakan dan berapa yang belum digunakan lagi.?

Saya juga ingin menyentuh mengenai material yang digunakan oleh pembina rumah kos rendah ini. Kerap kali kita terima aduan mengatakan bahawa simen dan batu-bata yang digunakan itu semuanya sub-standard. Ada di antaranya selepas pembinaan telah siap dan CF telah dikeluarkan, dinding itu collapse, dengan izin, kenapakah tindakan tegas yang dicadangkan oleh kerajaan tidak diambil. Selain dari itu bolehkah Yang Berhormat juga beritahu di Kuala Lumpur, siapakah yang telah dilantik untuk membina rumah-rumah ini dan adakah pihak-pihak yang dilantik ini 'open dan transparent' dalam hal pembinaan rumah kos rendah ini?

Tuan Pengerusi, di antara rumah kos rendah yang dibina kerap kali sebagai contoh di Ipoh, flat pangsa kos rendah, di Ipoh macam di Kuala Lumpur juga di mana pembinaan rumah kos rendah telah disiapkan di Bercham lebih 12 tahun tetapi strata title belum dikeluarkan. Rumah kos rendah telah disiapkan, adakah perkara ini dapat dielakkan bila pembinaan rumah seperti itu berlaku di Kuala Lumpur dan apakah guaranty Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri bahawa semua rumah kos rendah mereka diserahkan strata title ataupun hak milik serentak dengan pembayaran atau bila rumah itu siap dibina. Apakah harga yang akan dijual, adakah kerajaan yang telah mengumumkan bahawa orang miskin sudah jadi tidak miskin lagi dan menaikkan harga rumah kos rendah dari RM25,000 kepada RM42,000, berapakah di antaranya akan dipastikan bahawa orang-orang yang betul-betul miskin, the main step atau siapakah yang layak, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan?

Kerap kali kita mendapat aduan bahawa orang-orang yang tidak layak, orang-orang yang berpendapatan tinggi dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mendapat rumah kos rendah. Jadi, dalam proses ini macam mana kita hendak elak perkara ini terjadi supaya dari prinsipnya bahawa rumah kos rendah ini akan dibina dan diberi kepada orang-orang yang betul-betul memerlukannya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Penjelasan, Tuan Pengerusi. Teluk Intan sebut tadi, dia kata rumah murah ini ada dimiliki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh spesifikkan, sebutkan nama Yang Berhormat berkenaan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Pada masa yang tepat saya akan beritahulah. Saya tidak ingin membongkar perkara itu, ada di antara kita yang memilikinya, kita semua tahu. Bukan Ahli Parlimen sahaja, malah Ahli Dewan Undangan Negeri, ramai di antaranya atau keluarga mereka yang kena-mengena yang tidak layak memiliki rumah-rumah tersebut telah memiliki, yang ini tidak boleh dinafikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang pula bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak dapat penjelasan, ini tuduhan. Tadi Yang Berhormat, bila sebut Yang Berhormat ini termasuk pembangkang sekali, itu yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat kata Yang Berhormat dari DUN, dalam Wilayah Persekutuan mana ada DUN, mana ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri semua Ahli Parliman.

Jadi, kita ini bercakap dalam konteks Kuala Lumpur, Yang Berhormat tegur saya tadi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini Tuan Pengerusi, nak kenalah pasal telah ditegur oleh Bagan itu, dia nak get back kepada saya. Saya berpendapat seimbang dengan Tanjong Karang walaupun saya sebelah sini, tetapi sebelah sana Timbalan Menteri walaupun kita telah menyuarakan perkara ini tetapi beliau tidak sedar. Saya tahu bila pelanggan datang, dia marah kepada kita, duit sudah dibayar kenapa tidak ada CF. Mungkin satu hari kita panggil Timbalan Menteri datang ke pejabat kita biar dia menjawab. Mungkin di surat khabar senang untuk dia menjawab.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin ambil tahu bahawa rancangan baru kerajaan mengenai kos rendah di Kuala Lumpur dan sebagainya bahawa bilik-bilik akan dilebihkan bagi setiap rumah dari dua bilik ke tiga bilik. Adakah ia akan diimplementasikan dalam permohonan peruntukan yang sedia ada hari ini. Rumah-rumah kos rendah dua bilik yang telah dibina, adakah kerajaan akan memberi apa-apa subsidi supaya mereka dapat membina lagi satu bilik oleh kerana kita telah salah, hanya membenarkan dua bilik dibina, bila ada lima, enam anak tentu susah. Perdana Menteri kata 70 juta penduduk kita hendak dalam tempoh tidak berapa lama dari sekarang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan. Kalau rumah murah atau rumah pangsa, hendak tambah bilik dekat mana Yang Berhormat? Kalau rumah pangsa, rumah murah dua bilik dimana hendak tambah bilik kalau kita beri subsidi? Atas bumbung atau atas anginkah?



**Tuan M. Kulasegaran:** Saya bukan arkitek dan saya bukan engineer. Belum lagilah, bila kita ambil alih masa itu semua boleh. *[Ketawa]* Ini kita serius ni. Esok hari you orang duduk di sebelah sini baru kamu tahu. *[Ketawa]* Apa pun tidak boleh mustahil dalam dunia ini. Jadi dari dua bilik ke tiga bilik, adakah kerajaan akan memberi subsidi? Kalau ya, berapa, kalau tidak, kenapa tidak kerana banyak rumah dua bilik ini, kita semua faham, banyak susah untuk pemilik-pemilik di sana yang ada lima, enam anak dan duduk satu rumah dua bilik, banyak fungsi tak dapat jalan. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia fahamlah.

Jadi kita tidak boleh, kita mesti layan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri, kita hendak 70 juta, apa kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri menolong dalam proses ini?

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin ambil tahu mengenai kos peguam menyediakan perjanjian. Apakah sekatan-sekatan atau benefit tertentu yang akan diterima oleh pembeli-pembeli rumah kos rendah. Yang kita sedia tahu sekarang RM120.00 untuk membeli dan menjual rumah kos rendah. Adakah ia akan disubsidikan oleh kerajaan dan sebagainya dan stamp duty on transfer. Saya ingin kata mengenai Schedule G yang dikatakan oleh Tanjong Karang. Saya sokong penuh pendapat beliau. Saya rasa ramai di antara peguam yang sedia ada akan setuju kepada pandangan beliau dan saya harap kerajaan akan teliti mengenai satu 'lacuna' dalam perjanjian jual beli yang nampaknya lebih kepada pemaju daripada pembeli atau pengguna.

Jadi, saya harap kerajaan melalui Timbalan Menteri yang ada hari ini akan membuat satu percakapan dasar bahawa dia akan setuju kepada kedua-dua belah, kita sokong, kita bawa satu amendment hari esok dan lulus di Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pasir Mas.

**3.50 ptg.**

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]:** Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil bahagian dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin menyentuh satu, dua

perkara. Pertamanya mengenai dengan perumahan di negeri Kelantan, nampaknya masalah rumah ini bukan sahaja di negeri-negeri lain malah di negeri Kelantan juga, rakyat memerlukan banyak rumah yang sepatutnya dibina oleh kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Sebagaimana yang kita telah maklumi dan saya rasa pihak pembangkang sendiri sedari bahawa kerajaan negeri sudah tentu tidak mampu untuk membina perumahan kos rendah untuk rakyat di dalam negeri Kelantan. Ini jelas kepada kita, sejak PAS memerintah ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, butiran kita berkaitan Kuala Lumpur, biarkan kita bahas dalam Kuala Lumpur seperti mana yang diperuntukkan dalam butiran Kos Rendah Bersepadu Bagi Kawasan Kuala Lumpur, itu sahaja yang boleh kita bincangkan.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Okay, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, minta jawab.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah membahas dalam Jawatankuasa mengenai peruntukan tambahan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun secara relevannya tidak tepat mengenai teguran ataupun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, saya ingin menyatakan kalau ada apa-apa permintaan biarlah rujuk dahulu kepada kerajaan negeri kemudian biar kerajaan negeri, berbincang dengan kementerian.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang membawa pelbagai perkara yang pokoknya adalah mengenai pindaan undang-undang, berkaitan dengan CF dan pemilikan kosong ataupun vacant delivery. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat dari Teluk Intan, sudah tidak ada lagi, pihak Jemaah Menteri telah pun dimaklumkan mengenai masalah CF ini dan masalah vacant possession, dengan izin, dan pindaan-pindaan telah pun berada di Pejabat Peguam Negara untuk meminda semua akta yang relevan dengan perkara ini supaya CF dapat dikeluarkan dalam tempoh dua minggu. Setelah diluluskan pindaan ini, maka tidak akan timbul lagi masalah-masalah yang berkaitan dengan vacant possession ataupun milikan rumah

kosong tetapi tidak boleh duduk. Sememangnya kita bersetuju bahawa selama ini perjanjian yang ada dan undang-undang yang ada lebih memihak kepada pihak pemaju dan ini telah pun dikaji oleh pihak kementerian dan pindaan yang menyeluruh akan dibuat tidak lama lagi.

Mengenai Yang Berhormat dari Tanjong Karang mencadangkan supaya diadakan insurans bagi rumah-rumah kampung, ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan saya akan rujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan, rakan saya ada di sini.

Yang Berhormat dari Bintulu meminta supaya kapal terbang ataupun helikopter ...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini pasal insurans, sedikit sahaja.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Jangan panjang sangat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja, ini kawan lama. Saya dengar hujah Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi dan kita pun melihat soalan insurans dan sebagainya, dan dahulu saya pernah menghujahkan dalam Dewan ini juga soalan bomba di luar bandar. Saya mencadangkan iaitu setiap rumah panjang itu disediakan alat-alat untuk memadam api, bukan fire extinguisher tetapi hose, engine generator untuk mengambil air daripada sungai bagi memadam api di rumah panjang kerana kalau ada helikopter sekali pun jika 15 kilometer daripada rumah panjang, tidak mungkin boleh sampai dan membuatkan dataran untuk helikopter itu landing.

Jadi, yang baik sekali kalau kita ada generator, hose dan sebagainya, kita boleh gunakan benda itu untuk mengajar orang kampung bagaimana hendak memadam api. Tetapi soalnya, kalau kita buat secara ad-hoc benda ini tidak akan dilaksanakan secara sempurna, yang baik sekali dan pernah saya cadangkan iaitu macam mana kalau kementerian mengadakan secara location, kalau dalam kawasan Parlimen itu setiap tahun kita beri tiga, empat, lima rumah panjang atau Yang Berhormat daripada

kawasan itu memberi kampung mana yang paling strategik patut diberi dan kita beri allocation itu pada setiap tahun macam itu. Jadi saya rasa dalam lima tahun kita boleh menyalurkan semua peruntukan sedemikian untuk digunakan oleh rumah panjang dan kampung-kampung terpencil di luar bandar. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya Kementerian menggalakkan ditubuhkan Pasukan Bomba Sukarela di semua kampung termasuk di kawasan-kawasan rumah panjang. Kalau sudah ada Pasukan Bomba Sukarela, maka segala peralatan boleh diberi bantuan oleh Kementerian dan wakil-wakil rakyat pun boleh membantu dengan pembelian pelbagai peralatan, ini saya bersetuju.

Yang Berhormat dari Teluk Intan meminta statistik, saya tidak ada statistik pada masa ini, saya minta izin untuk memberi jawapan bertulis. Mengenai kualiti rumah kos rendah, memang kita bersetuju ...

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun pula, hendak bagi jalan?

**Dato' Azmi bin Khalid:** You duduk di luar tadi, baru masuk sudah hendak tanya pula.

**Tuan M. Kulasegaran:** Di luar pun saya dengar semuanya di sana, saya ada di kedua-dua tempat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Okay, jangan panjang sangat, jangan bercakap hujah panjang untuk mendapat mileage, saya bagi untuk mendapat penjelasan sahaja, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kita tidak mahu political mileage, people mileage, yes. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat mengatakan bahawa akan memberi jawapan secara bertulis, tetapi saya hendak memberitahu mengenai hal itu. Saya sudah duduk dalam Parlimen lebih kurang dua tahun, tidak pernah sekali pun Timbalan Menteri, Menteri atau Parliament Secretary selepas memberitahu Dewan bahawa dia akan beri atau pernah hantar kepada saya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menunaikannya dan tengok pun, saya percaya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat boleh tanya bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka, sama ada saya beri jawapan bertulis ataupun tidak kepada beliau. Begitu juga Yang Berhormat lain yang saya berjanji akan memberi jawapan bertulis, tanya mereka sama ada dapat atau tidak. Di sini soalan Yang Berhormat tidak jelas, jadi saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan di luar selepas ini.

Mengenai kualiti sememangnya kita bersetuju, ada tempat-tempat kualitinya tidak begitu baik, oleh kerana itu kita menubuhkan Construction Industry Development Board (CIDB) di mana akan diseragamkan sistem dan cara binaan yang akan dibawa ke alaf baru ini yang melibatkan perubahan yang besar di dalam industri binaan. Siapa kontraktor untuk membina rumah-rumah murah yang 35,000 unit, pakej pertamanya lebih kurang RM135 juta kontraknya telah pun ditender. Jumlah penender, saya lihat senarai lebih kurang 30 penender yang diluluskan, tender yang menang ialah yang kedua daripada bawah, atas penilaian-penilaian terperinci, bermakna ditender dan semua penender tahu kedudukan masing-masing, tidak ada negotiated contract.

Mengenai strata title, bukan sahaja di Ipoh bahkan di merata-rata ada masalah strata title, khasnya bagi bangunan-bangunan yang dibina sebelum 1996, kalau di Kuala Lumpur kerana pada masa itu tidak dimestikan, diselesaikan masalah tanah sebelum binaan dibuat tetapi selepas 1996, semua binaan perlu diselesaikan mengenai tanah dahulu sebelum dibuat. Bagaimanapun, pihak kementerian membuat pemantauan yang rapi supaya semua pemaju mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengeluarkan strata title. Kalau ada masalah ataupun laporan, tolong bawa laporan berkenaan kepada kementerian sebab kita memang membuat pemantauan dan membawa ke perbincangan bulanan di pihak kementerian dan kita memanggil pemaju berkenaan untuk berbincang.

Mengenai Yang Berhormat dari Teluk Intan, banyak ceritanya, sama ada rumah kos rendah ini dipunyai oleh orang kaya, dia ini selalu membawa perkara yang tidak khusus. Bila kita minta siapa wakil rakyat yang mempunyai milik tanah, dia cerita lain pula, kemudian dia kata adik-beradik wakil rakyat. Memang wakil rakyat mempunyai ramai adik-beradik yang juga miskin tetapi tidak semestinya rumah itu dimiliki oleh wakil rakyat ataupun dimiliki oleh seseorang itu atas sebab adik-beradiknya itu wakil rakyat, sebab sekarang kita ada sistem pendaftaran berkomputer dan dianalisiskan

pemohon-pemohon dengan terperinci dan pendaftaran ini berjalan sepanjang tahun dan pemberian rumah-rumah akan mengikut giliran dan tempat-tempat yang bersesuaian dengan orang yang berkenaan. Tempat-tempat yang bersesuaian dengan tempat kerja masing-masing, begitulah kriteria-kriteria yang dibuat oleh setiap kerajaan negeri.

Rumah tiga bilik, sebenarnya sekarang tidak ada lagi rumah dua bilik dan rumah-rumah murah yang akan dibina di Kuala Lumpur ini 35,000 unit, kelulusan peruntukan yang diminta pada hari ini ialah untuk pembinaan 35,000 unit rumah murah tiga bilik dan juga dua bilik air bukan lagi satu bilik air. Tiga bilik tidur, dua bilik air dan semua kemudahan lain dan densitynya juga menurun, kalau kebiasaannya di Kuala Lumpur density per acre, dengan izin, lebih kurang 100 per acre tetapi sekarang turun kepada 75 unit per acre. Bermakna keselesaiannya lebih baik daripada yang dahulu, ini adalah disebabkan kepekaan kerajaan bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Rumah-rumah ini akan disewa kepada mereka yang tidak langsung mampu untuk membeli rumah murah, bukan semua rakyat mampu membeli rumah walaupun murah. Tetapi sekarang mereka yang tidak mampu akan diberi sewa rumah-rumah yang murah dan berkedudukan yang lebih baik daripada banyak rumah murah yang telah dibina dahulu. Inilah kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab kepada rakyat.

Minta maaf, DAP tadi kata dia boleh membina, menambah bilik kalau beri flat ada dua bilik dia boleh tambah lagi tiga bilik kalau dia jadi kerajaan, ini satu penipuan yang besar. Memang penipuan yang besar, siapa hendak percaya flat ada berapa tingkat, dua bilik, dia kata apabila dia memegang kerajaan dia akan mencari jalan dapat membina tiga bilik. Tidak tahulah rasuah tetapi ini satu something impossible.

Kos peguam, memang kos peguam ini sepatutnya kos peguam bagi yang membelinya mempunyai peguamnya sendiri yang menjual mengadakan peguamnya tersendiri. Tetapi banyak pemaju yang menawarkan kos peguamnya juga sama, tidak ada tambahan daripada kos harga rumah. Jadi ini sudah menjadi daya penarik kepada pembeli-pembeli. Kerajaan tidak mengambil tindakan apa-apa oleh kerana ini pemilih ataupun pilihan adalah diserahkan kepada pembeli-pembeli.

Saya bersetuju mengenai kata Teluk Intan tadi perjanjian pada ketika ini memihak kepada pemaju. Oleh itu kita akan membuat satu perubahan yang menyeluruh, pindaan yang menyeluruh yang menyentuh semua akta yang berkaitan dengan perumahan. Saya bersetuju..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kementerian bersetuju, komen sikit sahaja, jangan panjang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sedikit, sedikit. Saya pun setuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi bolehkah kita lebih open, masalah yang kita hadapi bukan sahaja setakat apa yang diketahui oleh kementerian, tetapi peguam-peguam yang on the ground yang kita tahu masalah from day to day. Bolehkah pandangan dari Majlis Peguam diambil supaya dapat kita menggubal satu undang-undang yang lebih proaktif. Itu sahaja.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Saya tidak tahu mengenai perbincangan dengan Majlis Peguam tetapi kita sudah pun menimbang tentang masalah yang ada berdasarkan kepada undang-undang yang ada. Dan kita lebih faham tentang masalah yang timbul dan pindaan-pindaan berkenaan adalah yang paling praktikal yang dialami pada hari ini dan saya percaya perbincangan walaupun sejauh mana kita bincang tetapi masalah yang ada yang diterima di peringkat kementerian adalah lebih tepat dan pindaan-pindaan adalah lebih tepat. Terima kasih.

Saya rasa tidak perlu saya jawab mengenai soalan Yang Berhormat dari Gemas, saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang membangkit perkara-perkara yang baik dan memberi teguran yang baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,568,230 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,568,230 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM121,670,000 untuk Maksud P.14 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM121,670,000 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.(Bil.1) 1999.

**Maksud B.20 [Jadual Pertama]**

**Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,746,400 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,746,400 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998.

**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Bagan.

**4.05 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, kami sedang menimbang satu permohonan iaitu RM928 juta untuk memperolehi enam buah kapal peronda iaitu patrol vessel untuk Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, seperti apa yang disarankan selalu kami tidak boleh hanya membuka satu cek kosong iaitu blank cheque untuk satu jumlah RM928 dan tanpa mengetahui apa-apa butir iaitu soalan-soalan berkenaan dengan enam buah kapal



peronda ini. Kami ingin tahu dari manakah keenam-enam buah kapal peronda ini dibuat. Sama ada ini dibuat di kawasan saya iaitu Prai Hong Leong Lawson Shipyard dan juga satu ciri keselamatan. Kami telah membaca dalam surat khabar bahawa baru-baru ini di negara Taiwan ada membuat beberapa buah kapal peronda dan kapal-kapal peronda ini tidak boleh diterima oleh Kementerian Pertahanan Negara Taiwan kerana apabila diuji pakai ia tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan dan shipyard atau limbungan kapal itu mendapati susah hendak menghantar atau hand over kapal peronda ini kepada kerajaan Taiwan, tetapi di negara kita ini sama ada apabila kapal peronda siap dibina atau semasa ia dibina adakah sebarang supervision dijalankan di tapak atau apabila ia disiap ia akan diuji untuk dipakai.

Saya berharaplah perkara seperti kelengkapan pertahanan tidak dijadikan satu OSA seperti apa yang bersabit dengan Ketua Pembangkang pada tahun 80-an di mana beliau mendedahkan kapal peronda Spica M dari Sweden yang didakwa ada penyelewengan dalam perniagaan kapal peronda itu. Jadi saya mintalah pertanyaan saya ini dijawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.  
**4.08 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah kapal-kapal yang ingin dibeli ini ialah kapal yang baru dan adakah kapal-kapal ini kapal second hand dan adakah kapal-kapal yang dibeli ini state of the art, iaitu boleh digunakan bila-bila sahaja untuk perang dan sebagainya. Adakah kita sedia untuk menggunakan atau dalam situasi yang kritikal dan dalam pembinaan kapal-kapal ini dari negara manakah kapal-kapal ini telah dibeli dan adakah baru-baru ini lebih kurang empat tahun dahulu dikatakan oleh kerajaan bahawa banyak kapal yang akan dibeli ini seberapa yang boleh ia akan dibina di negara kita sendiri iaitu kecil dan besar dan adakah semua kapal atau sebahagian parts dari pembinaan kapal ini atau guna pakai untuk kapal-kapal ini adalah telah ditempah atau telah dibeli dari Malaysia sendiri. Kalau tidak kenapa tidak

supaya indirect industry yang kena mengena ini semua akan ada satu active business dalam pembinaan kapal tentera laut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

**4.10 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, adakah kapal-kapal yang ingin dibeli ini semua kapal yang baru atau kapal secondhand. Dan adakah kapal-kapal yang diberi in state of the art iaitu boleh digunakan bila-bila sahaja untuk perang dan sebagainya, adakah kita bersedia untuk menggunakan atau dalam situasi yang kritikal?

Dalam pembinaan kapal-kapal ini, dari negara manakah kapal-kapal ini telah dibeli? Dan adakah baru-baru ini lebih kurang empat tahun dahulu dikatakan oleh kerajaan bahawa banyak kapal yang baru yang akan dibeli ini seberapa yang boleh ini akan dibina di negara kita sendiri, kecil dan besar dan adakah semua kapal atau sebahagian (parts) dari pembinaan kapal ini atau guna pakai untuk kapal-kapal ini adalah telah ditempah atau telah dibeli dari Malaysia sendiri, kalau tidak kenapa, supaya indirect industries yang kena-mengena ini semua akan ada satu active business dalam pembinaan kapal tentera laut.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, adakah kapal-kapal yang ingin dibeli ini disimpan di Selat Melaka sahaja atau akan berada di Pelabuhan Lumut dan pada masa ini adakah kapal-kapal yang kita beli ini semasa, kita sudah bersedia dan adakah kapal-kapal ini juga ada pad untuk landing helikopter dan adakah kapal-kapal ini dilengkapi dengan exocet missile dan adakah kapal-kapal ini mempunyai, dengan izin, that kind of calibre untuk peluru-peluru dan sebagainya.

Saya juga kerap kali bila saya pergi ke Lumut, saya nampak dan saya sendiri telah bercakap dengan beberapa orang walaupun mereka berada di negara kita bertahun-tahun untuk mengajar pembawa atau orang yang akan mengendalikan kapal-kapal ini tetapi mereka berada di negara kita lebih dari sepuluh tahun, satu kes, saya sendiri tahu, apakah sebab orang Putih ini perlu do sini. Ini saya tahu mereka dari negara France, ada di Sitiawan, di Lumut sudah sampai sepuluh tahun, tidakkah cukup

training ini, orang yang dia train pun sudah retired. Kenapa perkara semacam ini terjadi dan berapakah penasihat dari luar negeri yang berkaitan dengan kapal-kapal ini yang sedia ada?

Dalam memperolehi kapal-kapal ini, adakah kita akan menghantar rakyat kita ke luar negeri untuk mendapat, dengan izin, training, dan saya juga difahamkan kebanyakan bila orang yang di hantar ke luar negeri ini, pemilihan mereka iaitu bukan base on merit tetapi base on, who you know, kerap kali, yang di hantar banyak yang fasih dalam penggunaan bahasa Inggeris dan sebagainya, because that is the language, tetapi ada yang tidak faham bahasa Inggeris di hantar ke London untuk belajar, apa guna?

Dalam proses ini adakah tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak yang memilih orang-orang kita untuk di hantar ke luar negeri dan dalam pembelian kapal-kapal petrol ini adakah ia dapat mengelak pendatang-pendatang asing terutama sekali dari Indonesia. Apakah strategi kita yang sedia ada, adakah ini akan digunakan untuk perkara tersebut dan what is the life sped untuk kapal ini dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu juga, apakah strategi penggunaan kapal ini, mungkin sedikit sensitif tetapi kita ada hak untuk tahu, yang tidak sensitif boleh diberitahu, yang sensitif boleh diberitahu juga kalau mahu dan dalam proses ini, berapakah kapal ini akan disimpan di Lumut dan lain di East Malaysia. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.

**4.25 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya hanya meminta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dengan pembelian kapal peronda ini, saya yakin dan percaya bahawa kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sentiasa berwaspada terhadap kepentingan dan keselamatan negara kita. Kapal peronda yang akan dibeli ini walaupun kos perbelanjaannya begitu besar, tetapi mungkin untuk kepentingan keselamatan negara ini akan diberi keutamaan. Maka dengan itu, saya minta satu penjelasan iaitu saya telah difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan sedang menghadapi kekurangan anak kapal kerana rakyat

Malaysia kurang minat untuk menjadi anak kapal di kapal-kapal yang sedang dihadapi, sama ada cara mana untuk menggalakkan anak-anak remaja kita untuk menyertai, menjadi anak-anak kapal tertuama sekali ekpada kapal peronda akan datang, ini satu latihan supaya cara mana untuk menarik ramai lagi anak-anak Malaysia menyertai dalam Kementerian Pertahanan terutama sekali dalam bidang Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, oleh kerana sempadan perairan kita panjang, kita berjiran dengan Indonesia dan Filipina, masalah sentiasa berlaku kerana kedatangan pendatang haram daripada Indonesia melalui lautan dan juga di Sabah kita menghadapi ancaman pirate daripada Filipina. Maka dengan itu, mungkin saya tidak tahu cara mana Menteri Pertahanan kalau telah membeli kapal peronda ini adakah tujuan untuk mempertahankan sepanjang perairan kita untuk mengawasi kejadian-kejadian seperti serangan pirate di Sabah dan juga yang bersempadan dengan Indonesia untuk mencegah pendatang-pendatang haram melalui lautan ini. Jadi, ini penting kerana dengan adanya pendatang-pendatang haram ke negara kita Malaysia dan juga ada kejadian berlaku pirate meroppak di merata tempat di Sabah, ini akan menjadikan satu ancaman keselamatan kepada negara kita. Maka mungkin daripada itu, kapal peronda yang dibeli ini akan lebih mengukuh lagi kekuatan kita dalam ketenteraan laut.

Saya ingin memberi nasihat kepada parti pembangkang supaya jangan sentiasa menyatakan ada niat jahat kerajaan atau simpan satu rahsia untuk tujuan tersebut. Sebenarnya dasar pertahanan negara ini penting bukan sahaja daripada kapal peronda dan juga kapal-kapal terbang mungkin ada lain-lain yang berkaitan dengan alat-alat pertahanan untuk negara kita.

Dengan pandanganyang sempit dan rasa syak wasangka terhadap tujuan daripada Kementerian Pertahanan mungkin akan dijadikan masalah besar soal pertahanan kita. Setiap rakyat Malaysia hendaklah memberikan sokongan demi kepentingan pertahanan negara kita untuk mengelakkan dari berlakunya pencerobohan daripada negara luar. Kalau negara kita mendapat ancaman daripada jiran-jiran seperti pirate atau pendatang-pendatang haram ini, kita akan mempertahankan untuk

mengelakkan kejadian berlaku untuk memberi jaminan kepada keselamatan negara kita.

Maka dengan itu, saya harap kapal-kapal peronda yang akan dibeli ini adalah dengan tujuan semata-mata pelajaran untuk mempertahankan kedaulatan atau keutuhan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.  
**4.28 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin berucap pendek sahaja. Saya menyokong permohonan ini oleh kerana saya pernah bercakap dahulu negara kita adalah negara seafaring atau persisiran laut kita mungkin sepanjang 5,000 kilomter dan perlu dijaga daripada luar terutamanya dari ancaman pendatang haram, pirate dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dalam jual-beli barang-barang angkatan tentera memang kita lihat banyak perkara yang aneh dan ganjil yang mungkin tidak disedari dan mungkin kita tidak fahami, kalau kita lihat kenapa millionaire di Saudi Arabia menjadi seorang jutawan yang terbesar sekali ialah dengan jual-beli harta benda peperangan.

Jadi, kadang-kadang penjual harta benda peperangan ini, ia melantik sendiri brokernya di dalam negara mana mereka hendak jual. Jadi broker itu mendapat faedah dan membuat satu 'kick back' kepada manufacturer di tempat mana kita membeli. Ini kadang-kadang negara yang membeli itu tidak ada pilihan tetapi akur dengan sistem penjualan barang-barang atau perkakas peperangan.

Jadi, persoalan saya, adakah kita membeli direct dengan kerajaan ataupun manufacturer dalam kes ini ataupun kita juga terpaksa atur mengikut sistem penjualan yang dibuat oleh Adnan kashogi yang mana Adnan Kashogi telah digunakan sebagai orang tengah penjualan perkakas peperangan kepada Saudi Arabia dan membuat Adnan Kashogi menjadi manusia yang terkaya di dunia pada ketika itu. Jadi, itu persoalan yang pertama. Kalau ya, tahukah kerajaan peratusan yang perlu dibayar dengan orang tengah ini?

Tuan Pengerusi, persoalan saya yang kedua, kalau kita beli barang-barang ini daripada Russia nescaya ada masalah spare part, kita tidak mahu lagi barang-barang macam ini, yang canggih, yang advance ini, tidak mempunyai spare part yang mana kita sendiri tidak berkeupayaan untuk mengeluarkan spare part.

Jadi, yang pertamanya barang itu mestilah ada spare part dan jaminan spare part daripada pengeluarannya kepada kita berterusan dan berapa lamakah jaminan itu telah diwujudkan dan pengeluaran spare part itu sentiasa ada, boleh dikuatkuasa, digunakan mengikut undang-undang. Kalau tidak, kita mendapat masalah pada satu ketika nanti apabila kapal ini rosak dan sebagainya.

Jadi, saya berharap.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang hujah Batang Lupar tadi di mana Ahli Yang Berhormat ada mengatakan bahawa jangan semestinya kita membeli daripada negara-negara Eropah Timur yang dahulu, tetapi saya hendak bertanya sedikit dari segi itu mungkin dari segi kualiti pembekalan alat-alat sama ada alat-alat itu jenis tentera seperti Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi atau alat-alat industri yang lain, adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa masalah yang negara hadapi ini kerana kita bergantung terlalu sangat dengan negara Barat dari segi membekalkan senjata-senjata kita dan mereka ini agak enggan untuk memberikan kita teknologi sehinggakan kita dengar bahawa kita terpaksa bergantung kepada mereka dan kalau rosak amat susah hendak diperbaiki kerana mereka ini enggan memberi teknologi dan saya difahamkan F18, dengan izin, bahawa mereka ini enggan hendak memberi source codenya kepada kita oleh kerana itu saya difahamkan, ini

benar atau tidak benar mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh maklumkan, oleh kerana itu keupayaan kita untuk menambah-kan lagi peningkatan alat-alat ini kadang-kadang tidak mampu kita kendalikan sebab mereka ini tidak mahu membekalkan kita teknologi.

Tetapi dewasa ini kita dengar, bila pembelian-pembelian kita dibuat daripada negara-negara Eropah Timur, mungkin kualitinya tidak setinggi yang di Barat tetapi kualitinya mencukupi untuk kegunaan sebagai alat tentera tetapi yang paling penting ia sanggup men‘transfer’ teknologi, memberikan transfer of technology kepada kita, oleh kerana itulah kita boleh dengan transfer of technology yang diberi oleh mereka ini kita boleh ukur keupayaan kita untuk mewujudkan industri dalam bidang pertahanan, potensi untuk membangunkannya lebih dengan bantuan dari mereka ini, sebab Yang Berhormat mungkin mahu meminta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Dato’ Timbalan Menteri, adakah ini benar bahawa elok kita diversify pembekalan senjata kita juga dengan negara-negara Eropah Barat ini kerana mereka lebih terbuka dari segi memberikan kita teknologi, yang Barat ini kalau dia kata dia hendak memberi transfer of technology hanya pada mulut sahaja, tetapi pada hakikatnya tidak benar.

Saya minta sedikit pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, apa pandangan Batang Lupar tentang perkara ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya ada membaca banyak juga buku tentang technology transfer, sebenarnya pihak Barat kalau kita lihat secara umumnya memang tidak ingin membuat technology transfer kepada kita. Itulah saya pernah sebutkan kita mesti belajar technology of copy ataupun teknologi untuk membuat sendiri berasaskan apa yang ada dalam negara kita, teknologi copying product yang kita dapati.

Jadi, tadi saya belum sebut kalau benda itu boleh dapat di dalam negeri kita sendiri, sepatutnya kita beli dari dalam negeri kita sendiri dan kalau kita tidak dapat membeli di negeri kita sendiri, baru kita membeli di luar negara, kalau kita membeli dari luar negara, kita melihat syarat penjualan dan pembeliannya iaitu syarat yang

pertama, adakah benda ini yang tercanggih, yang boleh dikeluarkan di negara tersebut dengan harga dan nilai yang boleh kita beli.

Yang kedua, mahukah mereka membuat satu technology transfer sebagai satu insentif untuk membeli perkakas-perkakas yang canggih sedemikian. Dan sanggupkah mereka membuat latihan kepada kita untuk menggunakan perkakas-perkakas yang begitu mahal yang kita hendak beli.

Jadi, persoalannya walaupun saya sebutkan sebagai satu misalan kalau kita beli daripada negara Rusia, saya telah diberitahu oleh seorang saintis kita di Moscow semasa saya pergi ke Moscow tidak berapa bulan yang lalu yang mengatakan teknologi yang boleh dikeluarkan di negara Rusia adalah satu teknologi yang begitu canggih, yang begitu baik sekali, yang masalahnya ialah tidak ada promosi macam mana Barat membuat promosi, kecanggihan teknologi mereka dan kemungkinan juga promosi itu tidak sampai ke negara kita dan marketingnya tidak sampai ke negara kita. Jadi dengan keadaan sedemikian kita tidak tahu kecanggihan dan kebaikan teknologi yang boleh didapati daripada negara CIS termasuk Rusia ini sekali.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, dari segi dasarnya saya tidak mengatakan kita mesti beli daripada Amerika, kalau beli daripada Amerika dahulu pun kapal terbang kita yang terlantar di desert somewhere di Amerika tidak ada spare-parts dan sebagainya dan Dato' lebih tahu hal teknikal ini daripada saya. Jadi saya bersetuju dengan imbasan yang Ahli Yang Berhormat dari Rompin berikan iaitu kita pilih teknologi sesuai untuk kehendak kita dan kita meminta yang mereka menjual ini berkesanggupan dalam syarat tertentu yang boleh kita laksanakan dan boleh kita kuatkuasakan, mereka akan memberi technology transfer kepada kita dan memberi latihan kepada pegawai-pegawai kita supaya kita boleh menguasai ilmu pengeluaran alat ketenteraan ini kerana bukan makna rakyat kita tidak boleh keluar, kita boleh keluar, bila kita dapat teknologi ini, kita pupukkan tidak payah dihebohkan sangat, kita mesti kena bina sendiri, untuk kemampuan negara kita sendiri, alat-alat ketenteraan ini.



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Batang Lupar menghayati apa yang saya cuba ketengahkan, tetapi saya hendak bertanya juga kepada Batang Lupar selain daripada agenda pembangunan industri pertahanan kita dari segi perolehannya elok kita mempelbagaikan daripada negara-negara lain.

Tetapi bagaimana pandangan Batang Lupar dari segi isu strategic pertahanan kita sendiri bahawa amat berbahaya kita bergantung pembelian kita kepada sesuatu negara, sebab jelas kalau kita melihat kalau kita menghadapi sesuatu masalah, Barat akan menekan kepada kita dan juga tidak akan memberikan sokongan dari segi spare-parts dan lain-lainnya sehinggakan kemungkinan kalau kita ada satu alat ketenteraan itu daripada Barat, Barat mungkin tidak bersetuju kita dengan sesuatu perkara mungkin agenda ekonomi atau politik yang lain, ia mungkin menghalang keupayaan kita mempertahankan negara kita.

Saya minta pandangan Batang Lupar selain daripada agenda kita untuk membangunkan industri pertahanan kita, elok kita mempelbagaikan pembelian kita selain daripada pembelian yang dahulunya kita bergantung kepada negara yang konvensional seperti Barat, dari segi isu strategic pertahanan kita sendiri, apa pandangan Batang Lupar, elok juga kita mempelbagaikan pembelian kita termasuk jika perlu, jika negara Eropah Timur juga memberikan alat-alat yang baik, yang meliputi kegunaan kita, permintaan kita, apa pandangan Batang Lupar dari segi isu strategik pertahanan kita sendiri yang kita elok mempelbagaikan pembelian alat-alat tentera kita. Saya minta sedikit pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju, kalau kita sebut pembelian, saya memang bersetuju persoalan mempelbagaikan. Saya sebut mempelbagaikan industri pembinaan dan sebagainya, kita mempelbagai barangan eksport kita ke luar negara kerana kita tidak tahu bila mana eksport ini tidak boleh dijual, yang ini masih boleh kita jual.

Begitu juga daripada segi pertahanan, kalau kita rely dengan satu country sahaja, dengan teknologi satu negeri sahaja, kalau kita hendak beli dari Perancis, hendak beli daripada England ataupun kita beli daripada Amerika, tetapi kalau negeri

ini yang memang banyak menjual perkakas-perkakas dan alat-alat peperangan, kita rely dengan mereka ini kalau bersatu mereka jual dengan kita, maknanya kita tidak lagi mendapat sumbangan ataupun tempat untuk membeli barang-barang yang canggih.

Jadi, kalau mereka berhenti mengeluarkan alat ganti kepada kita, nescaya barang-barang kita yang ada dalam negeri kita pun akan runtuh dan tidak boleh digunakan juga, melainkan satu perkara, kita sendiri mengatasi dan pengeluaran teknologi itu, yang kedua, ada teknologi sampingan yang boleh kita buat.

Yang kedua, macam mana Rompin cadangkan umpamanya kalau kita tidak beli dari Amerika, tidak beli dari England, tidak beli dari Perancis, kita tidak beli lagi di Eropah, mungkin kita beli di Australia pun ada juga, kalau kita beli dari Jepun, Jepun boleh develop, China pun mempunyai teknologi yang advanced, tetapi oleh kerana penumpuan mereka.

Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju iaitu cara pembelian kita memang dilebarkan, pembelian tempat-tempat kita dengan sebab-sebab yang tertentu, yang pertama, kalau penekanan berlaku daripada negeri-negeri tertentu, kita tidak tertekan sama. Yang kedua, kalau kita perlu pada masa hadapan kita boleh membeli lagi daripada mereka ini dan alat ganti kita akan boleh didapati bila-bila masa sahaja kerana mereka pun masih boleh, takkan semua orang di dunia tidak hendak berhubung dengan Malaysia dari segi perdagangan dan penjualan.

Tuan Pengerusi, dari segi industri ini sendiri memang saya menyokong, sebab kita tidak hendak rely sangat kepada luar negara. Kalau kita lihat Israel berapa besar sangat kekuatan tenteranya, berapa ramai rakyatnya, tetapi boleh mengeluarkan senjata-senjata yang canggih, senjata-senjata yang moden sebagaimana negara-negara yang lain. Bahkan kita lihat Singapura tidak lama lagi akan mengeluarkan senjata-senjata yang canggih dan moden mengikut gerak dan langkah Israel.

Tuan Pengerusi, jadi, saya tidak melihat sama sekali yang kita tidak boleh buat, kita mesti kena lihat Amerika – 60% daripada peruntukan yang diuntukkan kepada ketenteraan ini digunakan untuk research and development dalam segi ini dan kita lihat steel aircraftnya, kita lihat ala tenteranya semuanya canggih, semuanya moden,

semuanya baik kerana research and development, dengan izin, akan membangunkan dan mencetuskan pembangunan industrinya sendiri dan kita boleh berdagang kepadanya bukan untuk ketenteraan kita sendiri.

Kalau ia beria-ia sangat hendak membangunkan ketenteraan kita, jangan orang kata, kita ini hendak cari fasal pula, macam sudahlah mereka sebut di South East Asia ini berlumba-lumba hendak berlawan sama sendiri, meningkatkan mobiliti, resensi, capability tenteranya, dengan izin, jadi kita tidak hendak juga terlibat sama.

Tuan Pengerusi, saya menyokong perkara ini tetapi soal penjualan yang saya bangkitkan tadi, saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab untuk penerangan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bercakap di atas dasar ya, umpamanya tadi duit tambahan itu tidak hendak beli atau buat pertaruhan untuk enam buah kapal, kita bercakap dasar, jangan beli daripada sesuatu negeri, jangan beli macam-macam itu sudah termasuk dasar itu Yang Berhormat, haraplah kerana kita kena menghabiskan kerja kita dalam masa yang ditetapkan oleh Peraturan Mesyuarat. Sila Tanjong.

**4.33 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Mengenai permohonan untuk RM928 juta yang dikehendaki untuk bayaran pendahuluan projek pemulihan enam buah kapal peronda patrol vessel Tentera Laut Diraja Malaysia, tadi apabila Ahli Yang Berhormat dari Bagan menimbulkan perlunya satu sistem di mana Dewan yang mulia ini, boleh berpuas hati bahawa belanja ini akan dibuat melalui satu proses di mana tidak ada penyelewengan, tidak ada penyalahgunaan kuasa, ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional berdiri yang nampaknya menyamakan soalan-soalan apabila sesiapa menyoalkan perbelanjaan dan keutuhan sistem perbelanjaan Kementerian Pertahanan (MINDEF) menyamakannya dengan tidak taat setia, tidak sokong segala usaha untuk menjamin keselamatan sama ada perairan di negara kita, saya rasa inilah satu sikap yang silap, satu sikap yang tidak demi kepentingan

negara. Oleh kerana tanggungjawab kita di Parlimen ialah supaya bukan sahaja meluluskan permohonan-permohonan projek pembangunan sama ada MINDEF atau kementerian-kementerian yang lain bahawa kita pun ada tanggungjawab untuk menentukan bahawa setiap sen yang dibelanjakan ialah untuk tujuan itu dan tidak ada apa-apa penyelewengan. Dengan ini saya harap bahawa untuk masa depan kita, satu sistem laporan kepada Parlimen sama ada di peringkat budget atau di peringkat committee stage di mana maklumat lebih mendalam diberikan, kita tidak tahu apa detail mengenai pembelian enam buah kapal peronda ini, apa jenis, dari mana, apa proses tender sama ada tender yang terbuka, tender yang adil, siapa yang diberi tender untuk membekalkan keenam-enam buah kapal peronda ini dan siapa penender-penender yang lain, apa tawaran-tawaran mereka.

Saya rasa ini perlulah dibuat dalam satu laporan kepada Parlimen, kalau tidak dalam Kertas Perintah ini tetapi satu annexure yang menyokong, oleh kerana kalau tidak, ini merupakan satu blank cheque sahaja yang kita luluskan dan kita tidak menunaikan tanggungjawab kita untuk menjaga kepentingan negara dengan cara ini.

Saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi butiran yang lengkap oleh kerana ini sudah pun dibelanjakan, permohonan ini adalah untuk Dewan yang mulia ini memberi kelulusan, peruntukan yang sudah dibuat kita mahu tahu, apa jenis ini, nama syarikat-syarikat yang berjaya untuk membekalkan enam buah kapal peronda ini, harga-harganya, apalah harga-harga penender-pendender lain yang ada pun bersaing untuk kontrak ini, kenapa mereka ditolak dan adakah semua projek kapal-kapal ini dibuat di tempatan atau di luar negeri dan kalau di luar negeri kenapa tidak di tempatan, oleh kerana kita faham ada usaha-usaha untuk menggalakkan industri-industri pembuatan perkapalan.

Saya harap bahawa inilah yang pertama supaya kita boleh mengadakan dan memulakan satu proses ketelusan (transparency) supaya Parlimen boleh memainkan peranannya untuk mengawal selia segala perbelanjaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Rompin.

**4.35 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyokong perbelanjaan RM928,300,000 untuk membeli enam kapal ronda.

Saya mengucapkan syabas, saya difahamkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri perelaskan kerja-kerja ini kalau dahulunya kita membeli kapal-kapal ini dengan syarikat luar atau pembekal dari luar tetapi difahamkan dalam pelaksanaan projek ini dikendalikan oleh Naval Dockyard, satu syarikat pembuat kapal tempatan.

Ini satu usaha yang baik kerana kalau dahulu Naval Dockyard di Lumut, Perak ini, kalau dahulunya ia merupakan satu pengkalan Angkatan Tentera Laut sahaja tetapi bila diswastakan ia boleh menjadi satu syarikat perkapalan negara yang boleh membina kapal-kapal yang besar seperti yang kita kendalikan ini dan saya mengucapkan syabas kerana kalau tidak diswastakan Naval Dockyard, kalau Lumut ini hanya kekal menjadi satu pengkalan kapal laut Angkatan Tentera Laut sahaja, tidak berkemungkinan kita boleh mengendalikan projek ini di tempatan.

Ini perlu kerana kalau dahulu RM928 juta, hampir RM1 bilion ini, kalau dahulunya lebih kurang RM1 bilion akan keluar terus tetapi saya difahamkan dalam projek ini pelaksanaan oleh syarikat tempatan, jadi oleh kerana itu kita dapat kurangkan pengaliran wang keluar.

Begitu juga, kalau tadi Yang Berhormat dari Tanjong menuduh - dia memang biasalah, mana agenda yang boleh dia akan menuduh kita tidak transparent, tidak tender, ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun rasa biasalah, kalau tidak cakap, dia rasa tidak buat kerjanya sebagai Ketua Pembangkang. Kepong pun menunggu hendak ambil alih. Jangan haraplah, Jelutong yang akan ambil alih selepas ini.

Saya difahamkan memang sudah ada tender dibuat, kita dengar dan baca dalam akhbar, mungkin Dato' Timbalan Menteri boleh mengesahkan dan digalakkan juga pembekal-pembekal kecil sama ada kerja atau barang adalah digalakkan daripada syarikat-syarikat tempatan, adakah ini benar kerana ini hendak membalas tuduhan

sahabat saya, sebelah sana itu, Ketua Pembangkang, dia mengatakan tadi. Sebenarnya saya tidak berhajat untuk bercakap tetapi saya tidak melaksanakan tugas saya kalau tidak mengingatkan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri supaya mengesahkan bahawa memang ada tender terbuka tentang perkara ini dan kita dengar juga banyak pengusaha tempatan melibatkan diri dalam kerja-kerja ini. Sebab itulah saya mengambil kesempatan menyokong pelaksanaan projek ini dan syabas kepada kerajaan kerana melaksanakan projek pembelian enam kapal ronda ini, dengan cara pendekatan yang baru tidak seperti dahulu.

Harapan kita ialah, bila kita laksanakan sendiri, bangunkan dan bina sendiri kapal ini di tempatan, harapan kita ialah supaya dari segi maintenance nya, pemeliharaannya nanti sebab kadang kala kita dengar bila kita beli alat-alat yang mahal, sama ada alat-alat itu untuk kegunaan angkatan tentera laut, darat atau udara, permasalahan yang timbul, aset-aset mahal ini tidak dikendalikan dengan baik tetapi oleh kerana kapal ronda ini dibina sendiri di negara kita, kita harap supaya perkara-perkara yang kita dengar dahulu, permasalahan yang kita dengar dari segi penyelenggaraan alat-alat aset ini dapat dipertingkatkan lagi untuk masa akan datang. Itu yang pertama.

Dan keduanya, nanti apabila kita sampai kepada tahap untuk meningkatkan kualitinya bagi melaksanakan upgrade nya, kita boleh laksanakan dengan baik, sebab kita nampak bahawa teknologi aset-aset dalam industri ketenteraan ini dalam sepuluh, limabelas tahun ia berubah. Kalau dahulunya kita tidak dapat melaksanakan kerja-kerja upgrade ini sebab pembekal-pembekal tidak mahu memberikan teknologinya kepada kita tetapi kalau sekarang ini kita laksanakannya dengan sendiri sudah semestinya kita ada keupayaan teknologi untuk membina, sudah semestinya kita ada keupayaan menyelenggara dan meningkatkan lagi upgrade nya, supaya dari segi teknologi dan kualiti aset-aset, angkatan tentera kita setimpal dengan negara-negara lain.

Saya dengan itu Tuan Pengerusi, mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

**4.40 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, P.27 ini Yang Berhormat Rompin, saya nampak tidak begitu faham. RM928,300,000 ini dikehendaki untuk

bayaran pendahuluan projek memperoleh 6 buah, walaupun disebutkan syarikat tempatan....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mana pula cukup. Syarikat tempatan ini kalau tidak silap saya ada kena-mengena dengan firma daripada Jerman yang berjaya untuk mendapat.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Teknologinya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan teknologi. Macam mana Tuan Pengerusi, tidak ikut peraturan macam itu. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila teruskan, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw;** Mesti kita pandang ke Kerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ini bukan sahaja syarikat tempatan, ini kerjasama dengan syarikat luar pun dan hampir RM1 bilion diperlukan untuk pendahuluan sahaja dan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi, tidak sebutkan butiran dengan lebih terperinci, setakat memperoleh patrol vessels ini tidak cukup.

Di sinilah saya hendak menanya Yang Berhormat sama ada dengan krisis ekonomi ini bilangan patrol vessels ini sudah adakah dikurangkan?

Tuan Pengerusi, saya sebutkan hal ini kerana kalau kita lihat satu bayaran pampasan pun diadakan bukan untuk kapal peronda bahkan untuk bayaran pampasan pembatalan kontrak 21 set EMU KTMB saya akan mengambil bahagian dalam P.28 iaitu Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, adakah cadangan pihak kementerian untuk mengurangkan bilangan kapal peronda yang kita sudah pun adakan kontrak dalam syarikat asing dan puratanya kos sebuah kapal. Walaupun ada disebut bahan-bahan tempatan akan digunakan untuk sebahagiannya tetapi daripada segi pemindahan teknologi memang Yang Berhormat Rompin ada sebutkan sentiasa kita sebutkan tetapi saya nampak tak banyak yang pindah. Kalau dipindahkan

pun teknologi yang ketinggalan zaman seperti mana yang diperolehi oleh Yang Berhormat Rompin, yang dia cakap itu ketinggalan zaman. Memang masalah dia ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, boleh Yang Berhormat sebutkan yang pertama, bilangan kapal yang dikurangkan dan pampasan yang diperlukan walaupun ada krisis ekonomi, kita tidak kurangkan langsung.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya berharap jawapan-jawapan diberi kepada semua soalan yang bernas kecuali daripada Yang Berhormat dari Rompin. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Timbalan Menteri sila jawab.

**4.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu peka tentang Kementerian Pertahanan dengan mengambil berat tentang perbelanjaan khususnya dalam pembelian bahan-bahan pembangunan oleh Kementerian Pertahanan. Ini bagi saya amat positif kerana kita pun memerlukan satu sistem yang mana jika pembelian itu haruslah berpatutan dan apa segi pembaziran harus kita hapusi sebanyak mana yang kita boleh.

Setelah saya mendengar hujah-hujah Ahli Yang Berhormat tadi, saya dapati bahawasanya, ramai lagi belum jelas tentang projek OPV ini, walaupun telah dikeluarkan dalam pelbagai bentuk melalui akhbar-akhbar mahupun majalah-majalah dan sebagainya tetapi nampaknya masih belum dapat diperjelaskan ataupun difahami dengan tepat tentang projek ini. Biarlah saya mengambil masa sedikit memberi latar belakang dan asas projek OPV ini. Sebenarnya projek ini sudah lambat, sudah lewat, tertangguh. Sepatutnya kita sudah awal-awal lagi melaksanakan projek ini oleh



kerana keperluannya amat terdesak kerana kita semua tahu negara kita hampir seluruh tanah kita dikelilingi oleh air dan sudah tentu masalah-masalah daripada negara-negara jiran sentiasa mencabar dan kita hanya mempunyai kapal-kapal yang agak lama yang masih dipergunakan dan kita perlu mempunyai kapal-kapal yang lebih terkini, lebih baik atau lebih canggih untuk kita menghadapi segala masalah bersabit dengan persisiran pantai kita untuk kita menangani pelbagai masalah termasuk masalah lanun, pendatang tanpa izin dan sebagainya.

Projek ini pada mulanya bertujuan untuk membina 27 buah new generation off-shore patrol vessels. Tetapi agak terlewat sedikit oleh kerana tidak mendapat pihak-pihak yang tertentu yang boleh dibawa sebagai rakan kongsi kepada sebuah syarikat tempatan yang telah pun dikenal pasti iaitu Penang Shipyard dan Naval Dockyard Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat tempatan yang diberi projek ini untuk mencari rakan kongsi daripada luar negara untuk membantu kita bina OPV ini. Pada mulanya untuk 27 buah, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi kita tidak menggalakkan sangat tempoh hari, maka pihak kerajaan telah pun memutuskan buat permulaannya sebab perkara ini terlewat, harus dipercepatkan.

Kerajaan hanya bersetuju untuk membina hanya 8 buah kapal sahaja dalam masa 8 tahun dengan jumlah harganya sebanyak RM5.6 juta. Akhirnya Syarikat Penang Shipyard Corporation (PSC) dan Naval Dockyard Sdn. Bhd. (NDSB) telah pun ditentukan oleh pihak kerajaan bergabung dengan sebuah Syarikat German Naval Group (GNG) di antara 5 ataupun 6 syarikat-syarikat antarabangsa yang telah pun disenaraipendekkan dan proses tender terbuka dibuat dan akhirnya satu proses yang agak panjang juga yang berlalu, Syarikat German Naval Group (GNG) telah pun dipilih oleh pihak kerajaan untuk bergabung dengan syarikat tempatan ini, Naval Dockyard Sdn. Bhd. untuk memulakan projek membina 6 buah OPV ini. Buat permulaannya, 2 buah kapal akan dibuat di Germany oleh GNG dan 4 lagi itu akan dibuat di Pengkalan Lumut di bawah pengendalian NDSB. Untuk hendak

membina 2 buah kapal ini kita memberi masa selama lebih kurang 4 tahun untuk pihak GNG ini meminjam 2 buah kapal OPV ini di Germany sebelum ianya dihantar ke negara kita dan selepas itu segala bentuk pembinaan akan dilaksanakan di Naval Dockyard Lumut.

Tuan Pengerusi, setakat ini mengikut perjanjian yang telah pun dimeterai pada bulan September tahun sudah, pihak kerajaan terikat untuk membayar satu wang pendahuluan sebanyak 20% daripada RM5.6 bilion itu dan 20% itu adalah sebanyak RM1.07 bilion yang harus diberikan oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat tersebut sebentar tadi. Setakat ini kita hanya telah pun memberi sebanyak RM243 juta sebagai pendahuluan. Masih ada lagi tertanggung sebanyak RM928,300 juta yang perlu kita tambahkan untuk mencukupkan jumlah lebih kurang RM1.07 seperti yang dijanjikan oleh kerajaan untuk diberikan pendahuluan kepada Syarikat GNG dan Naval Dockyard Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, tadi kita dengar banyak Ahli Yang Berhormat menyatakan tentang betapa pentingnya kita menjaga kedaulatan dan keselamatan negara kita, maka kita perlu akan adanya kapal-kapal seperti new generation offshore patrol vessel ini bagi menepati kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang kita dengar sebentar tadi.

Kini saya akan pergi satu persatu tentang perkara-perkara yang lebih spesifik. Tadi saya berikan latar belakangnya, saya harap Yang Berhormat kini lebih memahami tentang projek ini dan akan dapat memberi sokongan oleh kerana kita amat memerlukan kapal-kapal ini demi menjaga kepentingan dan keselamatan negara kita termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah parti pembangkang.

Tuan Pengerusi, kita tidak perlu khuatir sangat seperti yang dirasai oleh Yang Berhormat dari Bagan tentang ciri-ciri keselamatan yang mana dia mengatakan pengalaman Taiwan yang amat dikesali yang mana telah pun selesai pembinaan, kapal tidak boleh digunakan. Kita yakin, kini dengan usahasama pihak Naval Dockyard dengan German Naval Group yang mana German Naval Group ini sebuah syarikat

yang penuh berpengalaman membina kapal-kapal seperti ini dan kita semua tahu dan iktiraf bahawa teknologi dan industri di German antara yang terbaik dalam dunia dan kita yakin mereka akan dapat membina kapal-kapal yang akan merupakan kapal-kapal yang antara terkini dan terancang dalam kumpulannya untuk digunakan oleh tentera laut kita apabila ianya siap kelak.

Yang Berhormat dari Teluk Intan menimbulkan beberapa perkara. Seperti yang saya katakan sebentar tadi di dalam jawapan saya di peringkat awal sudah tentu kapal-kapal ini semua kapal baru, tidak timbul langsung wujudnya mana-mana kapal lama dan ianya juga seperti state of the art, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Rompin bangun ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Pengerusi, minta sedikit pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Harap dapat dijelaskan sedikit bahawa German Naval Group ini memberikan reka bentuk, bukan buat kapal di Germany baru hantar kepada kita. Saya ingat Yang Berhormat dari Kepong hendak bertanya, bermakna kapal ini dibina di Naval Dockyard ataupun dibina di Germany. Macam mana technology transfer di antara keduanya – Naval Dockyard dengan German Naval Group sebab Yang Berhormat dari Kepong ini dia hendak cari modalnya turun ke bawah sana. Tolong jelaskan sedikit bagaimana pembinaan kapal ini? Kerjasama di antara Naval Dockyard dengan German Naval Group ini sama ada pengayuhnya atau enjinnya dibuat di sanakah atau macam mana, ini Yang Berhormat dari Kepong, beritahu dia sedikit. **Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dua kapal yang pertama akan dibina di Germany oleh German Naval Group tetapi dengan penglibatan mereka yang tertentu daripada Naval Dockyard Sdn. Bhd. tetapi di Germany, dua di Germany. Empat lagi akan dibina di Lumut dan selain daripada itu kita hendak bina 27 kapal; 6 permulaan, ada 21 lagi akan dibina dan semuanya kelak akan dibina di Lumut. Sudah tentu kita akan dapat memindahkan teknologi Germany ke Lumut.

Selain daripada itu pula kontrak kita berkenaan dengan spare parts tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan. Mula-mulanya kita sign contract bagi

Germany membekalkan kita spare-parts yang mencukupi untuk dua tahun, selepas itu semua spare parts akan dapat dibina (di‘manufacture’) di negara kita. Kita juga ada perjanjian dengan pihak German Naval Group dari segi local content mesti tidak kurang daripada 30%, offset program juga 30% nilai kontraknya dan juga ada kita pastikan dalam kontrak dengan German Naval Group dan Kerajaan German juga akan bersetuju untuk mengadakan satu counter purchase obligation sebanyak 11% daripada nilai kontrak. Bermakna kita akan dapat banyak manfaat sampingan daripada kita dapat sebuah OPV yang paling canggih dan juga memastikan yang akhirnya kita akan dapat memahami dan mempelajari dan mengetahui sepenuhnya teknologi ini untuk kita membina pula kapal ini di negara kita. Selepas itu saya yakin dan percaya, setelah kita memperolehi asas teknologi OPV ini, saya yakin pakar-pakar, saintis-saintis kita dan pakar-pakar tentera akan dapat pula improvise dan improve upon the technology dan akhirnya pula mungkin kita boleh mengeluarkan OPV ataupun kapal-kapal lain yang lebih canggih, mungkin daripada negara asalnya sendiri, insya-Allah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Kita sekarang sudah lewat, projek ini ditangguh buat beberapa ketika dan kemudian kita hendak bina 6. 6 buah ini pun sudah lapan tahun yang diperlukan, pada permulaannya 2 buah di Germany dan 4 di Lumut. Walaupun Rompin dia seronoklah kalau ada 4 dibuat di Lumut, dia seronoklah, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa teknologi ini memang dari masa ke semasa ada kemajuan, ada perkembangan yang baru.

Di dalam tempoh lapan tahun ini kita dapat 6, kemudian kita hendak bina gunakan teknologi yang lama ini untuk 21 lagi, Tuan Pengerusi. Itulah yang saya sebutkan tadi dan Rompin itu, dia gembira kerana dia dapat enam buah ini, “state- of-the-art” dia kata. Kemudian perkembangan ini dari masa ke semasa dalam tempoh lapan tahun itu teknologi baru sudah timbul, takkan dia gunakan teknologi ini untuk 21 buah kapal lagi. Itu maksud saya, pemindahan teknologi yang ketinggalan zaman. Itu maksud saya.

**Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Pengerusi, sebab itu kita hanya bina dua dahulu dan daripada itu kita akan lihat perkembangan semasa. Apabila

kita buat pula selepas itu di Malaysia, kita boleh improvised upon, upgradekan dia orang punya teknologi sebab kita tidak boleh buat 27 buah sekali. Sebuah kapal itu memerlukan masa yang panjang untuk dibina dan disiapkan dengan sepenuhnya, bukan hendak buat pisau ataupun pistol, sebuah kapal yang canggih tentu memerlukan masa yang mencukupi, Tuan Pengerusi.

Kita mahu yang terbaik dan terancang maka kita perlu tunggu dan terima hakikatnya, dan sekiranya ada perubahan teknologi, kita akan buat perubahan mengikut keadaan semasa dalam pakej-pakej yang berikutnya. Kita ada 27 patrol vessel yang hendak dibinakan, maka we will upgrade and improved as we go along, by then, minta maaf, Tuan Pengerusi, kita akan lebih canggih, lebih mampu.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah dia faham.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Dia tak faham, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya pun faham, [*ketawa*] dia lebih faham.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kurang baik dia punya penjelasan, Tuan Pengerusi, hendak beri terangkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan apa yang telah disarankan oleh Ahli Parlimen Teluk Intan, saya sudah jawab tadi. Tidak ada Helipad Ahli Yang Berhormat, oleh kerana ini digunakan untuk persisiran pantai sahaja, tidak perlu pergi jauh ke lautan. Jadi, kita tidak perlu Helipad dalam kita punya patrol vessel, kita ada Helipad dalam lain-lain kapal seperti Frigate dan sebagainya.

Tentang hayat, kita sebenarnya sudah tentu kita akan menghantarkan kita punya anggota Tentera Laut untuk pergi ke Germany semasa ianya di dalam proses pembinaan, daripada mulanya dia mengikuti perkembangan dan mereka akan dilatih dan berlatih di sanalah, sampailah kapal itu boleh dibawa balik ke Malaysia. Life spentnya Tuan Pengerusi, biasanya kapal ini boleh digunakan berpuluh-puluh tahun tapi perlu upgrading dari masa ke semasa untuk hendak mengikut keadaan, perkembangan teknologi semasa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang sentuh tentang walaupun keluar sedikit saya ingin sentuh jugalah tentang kurang minatnya mungkin anak warga kita

untuk menyertai TLDM, bagaimana hendak memastikan yang kapal-kapal begini tetap akan ada orang, insya-Allah, kita akan dapat pastikan yang kita dapat cukup tenaga untuk menganggotai ataupun mengawal, menjaga dan menggunakan kapal-kapal ini.

Setakat ini kita tidak berapa khuatir sangatlah, walaupun memang ada kurang minat, umumnya warganegara kita dalam bidang ketenteraan yang juga lazim berlaku di dalam negara.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Teluk Intan bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tanya tetapi tidak dijawab, mengenai orang-orang yang datang dari luar negeri yang telah dan sedang berada di Lumut yang hampir satu dekad untuk, dengan izin, train our personnel, kenapa sebegitu lama dan adakah dalam perkapalan yang ini pun serupa juga.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzi bin Che Wan:** Mungkin ada kes-kes tertentu yang agak luar biasa, yang mana pakar-pakar dari luar negara perlu berada lagi. Tetapi saya kurang pasti lagi, ini satu soalan yang spesifik, saya akan siasat dan dalam kes ini pun pada mulanya mungkin kita perlu menempatkan orang-orang daripada German berada di Lumut buat seketika. Berapa lama itu tertakluk kepada keperluan.

Tuan Pengerusi, kita pindah pula kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar saya telah jelaskan tadi OPV ini tidak datang dari negara-negara di sebelah Timur Eropah, spare-parts pun kita telah bincang tadi yang mana pada mulanya kita minta German supply, selepas itu kita akan buat di sini.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lupar yang kita tidak mahu sentiasa bergantung kepada kuasa luar untuk mendapatkan pelbagai bentuk, jenis persenjataan. Bermakna kita harus juga akhirnya mampu mengeluarkan alat-alat ketenteraan kita sendiri seperti juga apa yang berlaku, kita telah kata juga tadi negara Isreal, Afrika Selatan walaupun kecil, mampu, bermakna kita pun kalau diberi kesempatan, kalau betul kita punya dasar dan penekanan, kita juga boleh. Itu sebab kenapa kerajaan mengambil langkah ini untuk membina OPV akhirnya di negara kita untuk kita mempelajari teknologi-teknologi kapal perang ini supaya dapat kita

akhirnya pula boleh mengeluarkan alat peperangan seperti kapal-kapal dengan cara kita sendiri dan boleh jadi apa yang berlaku kepada kereta Proton sebagai contohnya, boleh kita menyaingi lain-lain pengeluaran negara-negara walaupun lebih canggih daripada kita tetapi kita juga ada kita punya keistimewaan maka ini juga merupakan satu detik permulaan bagaimana kita boleh suatu hari kelak jadi negara pengeluar kapal-kapal perang yang canggih untuk kita bersaing dengan lain-lain negara di dunia.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan Tuan Pengerusi, dari segi kepakaran kita dalam bidang pembinaan kapal ini ataupun dalam bidang dipanggil naval architecture ini. Kalau dahulunya kita tidak ada perancangan di negara kita untuk membina kapal, sudah semestinya di universiti-universiti tempatan tidak ada degree atau ijazah untuk naval architecture, bangunan biasa itu adalah. Saya hendak bertanya oleh kerana sudah ada satu dasar, perancangan jangka panjang oleh kementerian, kerajaan dan negara untuk membina kapal kita sendiri, sekarang kita sudah ada teknologi kepakaran daripada Germany, adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan institusi pengajian tinggi tempatan yang sudah ada fakulti architecture, adakan juga jurusan naval architecture sebagai kursus sampingan supaya kita tidak payah lagi bergantung pada kepakaran naval architecture daripada luar negara, sebab saya rasakan untuk membina kapal itu mesti ada seorang architect mengesahkannya. Kalau bangunan, Tuan Pengerusi, sebelum bangunan itu boleh diduduki, architect ini kena menandatangani the certificate of completion (CF) dan juga apabila kapal sebelum keluar ke laut itu mesti ada seorang yang sign juga supaya nanti apabila kapal keluar ke laut dia tidak tenggelam.

Oleh kerana itu, ini untuk makluman Kepong, yang dia tahu hanya sakit kulit sahaja, sakit lain dia bukan tahu ini. Itu saya hendak bertanya, adakah jangka panjangnya kerajaan akan menimbang supaya menggalakkan institusi-institusi dan juga universiti tempatan supaya mengadakan kursus naval architecture ini memandangkan kita sudah ada satu dasar jangka panjang untuk membangun kapal kita sendiri di negara kita. Saya minta pandangan dan penjelasan sedikit.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin yang begitu advance dalam pemikiran dia yang kita alu-alukan. Sudah tentu kerajaan juga mempunyai advance thinking dan proaktif di dalam pelbagai perkara. Tidak mengapa kita mampu kini di sebuah negara yang agak jauh sedikit bezanya dari segi pencapaian dalam negara yang sedang membangun. Sebab kita mempunyai sebuah kerajaan dan pimpinan yang begitu proaktif dan berpandangan jauh. Dan kita ada pelbagai pusat pengajian tinggi baik dalam Kementerian Pertahanan sendiri mahupun kerjasama dengan mana-mana pusat pengajian tinggi seperti di Johor dan kita ada kita punya ATMA (Akademi Tentera Malaysia) dan kita ada tentukan kursus-kursus tertentu sahaja ada kaitan dengan industri pertahanan negara kita. Dan ini akan diperhebatkan, dipertingkatkan dan diperluaskan lagi dia punya bidang, insya-Allah tentang naval architecture dan sebagainya bakal saya ingat di suatu hari kelak bila kita sudah mula mengeluarkan OPV di negara kita tentu suatu kursus atau bidang yang bakal kita ambil berat akan diadakan dalam institusi pengajian tinggi kita.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Tanjong awal-awal lagi sudah bersikap yang negatif. Belum apa-apa lagi katanya penyelewengan mungkin berlaku. Adatlah parti pembangkang seperti khususnya Ketua Pembangkang tetapi sebab itu saya katakan kita telus dalam program ini. Kita buka tender dan semua orang boleh masuk dan tender itu pun diproses dengan cara yang agak telus juga oleh bukan sahaja Kementerian Pertahanan tetapi lebih-lebih lagi agensi pusat seperti EPU dan Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin yang banyak membantu saya sebentar tadi yang memperjelaskan banyak perkara, dia pun sudah keluar dan saya ucapkan terima kasih di atas sikap positif beliau yang menyokong kuat projek ini. Beliau seorang yang tinggi kefahaman teknologinya. Kalau Yang Berhormat dari Kepong bijak dalam ilmu kedoktorannya tetapi tidak boleh menafikan bahawasanya Yang Berhormat Rompin seorang yang berpengalaman dalam bidang-bidang teknologi tinggi dan beliau memang faham dan



memang tahu, memang insaf tentang pentingnya industri-industri seperti industri pertahanan ini dan kita pertingkatkan dan akhirnya kita boleh menjadi sebuah negara yang hebat dalam pelbagai bidang industri pertahanan. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Parlimen Rompin yang telah membantu saya menjawab beberapa perkara.

Akhirnya Yang Berhormat dari Kepong sudah pun saya jawab. Dia kata adakah kita akan kurangkan jumlah, sudah pun kita kurangkan buat kali ini. Pada awalnya 27 buah vessel kini kita hanya buat enam buah dan kita akan lihat kelak lepas itu kalau akademi kita mampu kita akan teruskan hasrat kita untuk membina 27 buah OPV pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya jelaskan dalam perbahasan ini dalam peringkat jawatankuasa dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM928,300,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1999 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM928,300,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb. (Bil.1) 1999.

**Maksud B.29, B.30 dan B.32 [Jadual Pertama] –**

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –**

**Maksud P.28 dan P.53 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.29, B.30 dan B.32 dan Kepala Pembangunan P.28 dan P.53 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Batang Lumar, diharap jangan berucap di atas dasar ya.

**5.14 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih saya hendak tanya mengenai peruntukan untuk mengambil alih projek Bakun. Ini memang saya hendak tanya siapa hendak mengambil alih

projek Bakun ini nanti dan bilakah pelaksanaan projek Bakun akan dimulakan, kerana kita sudah banyak membelanjakan wang dekat sana dan projek ini nampaknya telah ditinggalkan dan kerajaan negeri telah membuat urusan pemindahan rakyat di kawasan Bakun. Saya berharap penjelasan soalan spesifikasi bahawa besarkah projek Bakun akan dibuat, adakah masih ada cadangan kerajaan untuk menghantar kuasa ataupun electricity ke Semenanjung ataupun projek Bakun ini hanya digunakan di Sarawak sahaja dan berapakah kos anggaran pihak kerajaan untuk melaksanakan projek Bakun pada masa yang akan datang?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya satu persoalan iaitu kalau kita lihat dalam Butiran 11000 iaitu Danaharta, saya pernah suatu ketika dahulu membangkitkan persoalan undang-undang Danaharta hendak digunakan di seluruh Malaysia. Saya katakan melainkan ada kebenaran dari Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah mungkin Danaharta tidak boleh dilaksanakan terutama sekali kalau bank itu terlibat dengan cagar tanah-tanah native ataupun tanah bumiputera di Sarawak yang mana Danaharta sendiri bukanlah native dari pandangan undang-undang negeri Sarawak. Jadi, persoalan saya sudahkah kelulusan atau kebenaran (consent) daripada kerajaan negeri di bawah Perlembagaan Malaysia didapati. Saya juga telah diberitahu iaitu satu pun NPL di Sarawak belum diambil oleh Danaharta dan kenapakah ini berlaku dan adakah ini tidak penting dilaksanakan di Sarawak, begitu juga di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya pindah kepada Butiran 14000 – Tabung Perumahan Rakyat Termiskin. Saya memang memuji pihak kerajaan walaupun dalam P.28, Butiran 14000 iaitu Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, saya memuji pihak kerajaan untuk mewujudkan tabung ini dan sentiasa mewujudkan tabung ini kerana rakyat termiskin masih perlu tabung ini untuk dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, tetapi saya ingin menyentuh tentang pelaksanaan. Pelaksanaan tabung ini menerusi perumahan rakyat termiskin disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walaupun wujud satu sistem yang dibuat menerusi konsep payung yang dilaksanakan tetapi kawasan lain saya tidak tahu, kalau kawasan saya kebanyakannya belum berpuas hati. Oleh kerana kalau pembinaan harga

RM9,000 ataupun repair yang diberi RM3,000 dibuat dengan kontrak payung dan disubkontrak kepada anak payung, dilaksanakan oleh sub-subkontrak anak payung ini pula jadi kecil sangat peruntukan itu dapat sampai ke peringkat masyarakat miskin yang perlukan bantuan. Jadi, saya bercadang kepada kementerian supaya soalan konsep payung pelaksanaan rakyat termiskin ini dipendekkan sedikit pertalian pengeluaran sumbangan kewangannya supaya akhirnya Tabung Rakyat Termiskin ini sampai kepada mereka yang miskin sama ada di bandar atau luar bandar tidak banyak sangat tercicir kepada konsultan, tercicir sangat sedikit kepada bapa payung, anak payung dan cucu payung. Jadi orang yang miskin jadi miskin, orang yang kaya dapat untung, jadi Tuan Pengerusi, saya berharap perkara ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak sentuh soalan Bank Pembangunan dan Infrastruktur ini, ini baru nampaknya, duit keluar juga. Apakah pewujudan bank ini dan apakah dasar arahan yang diberi kepada bank ini oleh kerajaan dan bagaimanakah garis panduan diberi dan apakah bantuan akan diterima oleh masyarakat.

Tuan Pengerusi, jadi saya tidak ada persoalan lain. Untuk memendekkan cerita, saya tidak menjalankan soalan politik. Saya tahu kerajaan membuat seberapa yang boleh dalam keadaan sekarang dan banyak menolong masyarakat di luar bandar, saya berharap perkara ini tidak dipolitikkan oleh pihak pembangkang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bintulu.

**5.20 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Loji Penapis LPG Sarawak terletak di Tanjong Kidurong, Bintulu. Loji ini telah disiapkan daripada tarikh dijadualkan operasi berupaya mengeluarkan 560,000 tan cecair gas petroleum LPG iaitu C3+C4 atau Propane plus Beautine.

Walaupun penduduk Bintulu pada umumnya mengalu-alukan pelaburan yang didatangkan hasil menerusi loji ini namun para penduduk khususnya penduduk Bintulu berharap bahawa pelaburan ini akan memberi faedah langsung kepada mereka. Gas cecair petroleum yang dikeluarkan di Tanjong Kidurong, Bintulu yang kini dihantar

ke bandar-bandar lain di mana dimuatkan dalam botol silinder kemudian dihantar ke seluruh Sarawak untuk kegunaan domestik dan komersial. Saya tidak nampak mengapa kilang pembotolan tidak boleh dibina di Bintulu di mana gas cecair petroleum dikeluarkan dan menjadikan gas tersebut diedar terus dari sana. Saya tidak faham mengapa gas tidak boleh disalur terus menerusi rangkaian paip dan dihantar terus untuk kegunaan sama ada untuk kegunaan rumah atau kedai atau kilang. Saya tidak setuju dengan penerangan bahawa bekalan tidak akan berdaya tahan kerana permintaan masih terhad di Sarawak.

Tuan Pengerusi, ini bukanlah soal wang ringgit tetapi hak asasi sebagai rakyat Sarawak dan Malaysia sebagai negara pengeluar LPG yang berupaya mengeluarkan bekalan gas terus kepada pintu rumah masing-masing untuk keperluan. Adakah Syarikat Shell Sarawak dahulu pernah berbincang mengenai viability tatkala mereka menyalurkan gas kepada para pengguna kediaman di Miri apabila syarikat itu menguruskan kilang penapis minyak di Miri dalam tahun 60-an.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, di bawah apa Yang Berhormat baca itu?

**Tuan Chiew Chiu Sing:** B.29.

**Tuan Pengerusi:** B.29.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ya, Tuan Pengerusi. Saya pasti tatkala itu penduduk Miri berjumlah sedikit sahaja sesuai dengan bekalan gas menerusi saluran paip ke rumah-rumah. Tetapi Shell membekalkan juga kerana mereka mendapati terdapat keuntungan daripada operasi itu dan amatlah sesuai bumi Miri dihormati, diakui dan diiktiraf. Penjajah British boleh melakukan sejak bila ia menjadi resam hidup rakyat Malaysia jika ia tidak boleh memakan terus buah daripada pokok dalam kebunnya. Bila minum air kita tentu berfikir daripada mana puncanya.

Tuan Pengerusi, gas ialah sumber asli mudah habis yang tidak ada bahan ganti. Ia bukan kayu balak yang bila ditebang, ditanam semula dan tumbuh membesar. Gas pula apabila digunakan akan habis dan tidak ada lagi, Tuhan telah menganugerahkan negara kita dengan kekayaan sumber asli yang perlu digunakan untuk semua. Kita

tidak boleh habiskan sekali gus untuk generasi kita dan tinggal kosong untuk generasi akan datang. Gas dan minyak adalah sumber yang amat berharga, apabila habis maka terputuslah sumber bahan api untuk hidup manusia. Kita patut gunakan apabila perlu serta belajar untuk berjimat bagi kegunaan generasi masa depan.

Saya faham bahawa kerajaan telah memperuntukkan 76% daripada jumlah reserved gas 44.3 trilion kaki padu di Sarawak untuk kegunaan dan menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jumlah reserved gas di Sabah ialah 6.2 trilion kaki padu tetapi menurut Laporan Belanjawan ialah sebanyak 14 trilion kaki padu iaitu 7.8 trilion lebih jumlah reserved gas. Adakah ini bermakna reserved gas Sarawak akan disalurkan ke Sabah untuk kegunaan di sana. Tidak boleh kita kurangkan penjualan gas mentah kita seperti LNG supaya kita boleh berjimat dan menggunakan reserved yang ada untuk keperluan akan datang, bukan dihabiskan semasa generasi kita sahaja. Memanglah diakui bahawa loji LPG ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap keluar dari dasar itu, Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Ini mengenai kegunaan ...

**Tuan Pengerusi:** Ya, bayaran subsidi ini.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Yalah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, bahan-bahan petroleum bukanlah di atas dasar dengan menghabiskan, jangan beri habis dan sebagainya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Sekarang saya masuk ke dalam LPG.

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar Yang Berhormat ya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Itu spesifik yang mengenai LPG, subsidi dan memanglah diakui bahawa loji LPG di seluruh dunia ini, mengenai loji-loji LPG dan di dunia pada sebarang masa pun adalah terdedah kepada bahaya kebakaran dan berbanding dengan loji LNG. Saya terpaksa mengingatkan kita semua bahawa loji LPG di Tanjong Kidurong, Bintulu dibina di tengah-tengah pusat loji-loji gas dan minyak di Bintulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu dasar Yang Berhormat, ya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Mengenai kilang ini.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat ya. Dasar itu tidak boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong. Sila Kepong.

### 5.25 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, hendak pindah ke maksud B.28 di bawah beban tambahan sebanyak RM290,200,00 adalah dikehendaki untuk menampung baki bayaran pampasan pengambilan alih projek Hidro Elektrik Bakun.

Tuan Pengerusi, perlulah kita mengkaji masalah ini kerana projek raksasa ini sudah ditangguhkan dan diikuti oleh pampasan yang diperlukan untuk membayar kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek ini dan setakat ini lebih RM290 juta sudah pun dibayar.

Sementara itu, kita pun tahu pihak kerajaan sudah berusaha untuk menyiapkan terowong lencongan (divertional tunnel) di tapak projek Bakun ini dan kalau tidak silap saya, pada tahun yang lepas pun pihak kerajaan sudah meminta peruntukan daripada bekalan tambahan untuk membina dan menyiapkan terowong lencongan ini dan ini memang satu perkara yang penting kerana terowong lencongan ini boleh juga digunakan untuk empangan yang kecil dan bolehkah Yang Berhormat terangkan berapakah amaun yang digunakan untuk projek terowong lencongan ini? Berapa ratus juta ringgit diperlukan untuk menyiapkan terowong ini? Kemudian setelah terowong lencongan ini disiapkan, apakah projek yang dirancangkan oleh pihak kerajaan kerana kita di dalam Kerajaan Persekutuan dengan mengeluarkan pampasan ini sudah pun mengambil alih projek ini dan kalau diambil alih memang kita ada projek untuk menggantikannya, sebab kalau kita ikut di Sarawak sahaja, orang-orang di Sarawak pun mungkin tahulah, Sarawak mempunyai kapasiti bekalan elektrik lebih 700 megawatt dan Sarawak sendiri memerlukan hanya 400 megawatt sahaja.

Itu memang satu hakikat, ini bermakna Sarawak sendiri tidak perlu empangan yang baru kerana ia mempunyai bekalan elektrik yang cukup. Tetapi kalau kita mengambil alih tapak ini memang kita hendak membina yang baru untuk menggantikannya. Inilah menimbulkan - apakah projek yang dirancangkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, ada satu cadangan bahawa pada mulanya projek Bakun ialah dengan kapasiti 2,400 megawatt tetapi dengan projek yang lebih kecil terutamanya projek yang menggunakan terowong lencongan ini, maka kapasiti boleh dikurangkan, misalnya kepada kapasiti 500 megawatt. Dengan kapasiti 500 megawatt ini kalau kita tokok tambah kepada bekalan elektrik yang sedia ada di Sarawak, 700 megawatt ini bermakna negeri Sarawak akan mempunyai kapasiti bekalan elektrik 1,200 megawatt, mereka tidak perlu, dia perlukan 400 megawatt sahaja. Dengan bekalan elektrik yang lebih ini di manakah kita akan jualkan bekalan elektrik ini sama ada kepada Sabah kerana Sabah memang kurang elektrik ataupun jual kepada negara Brunei ataupun negara-negara lain.

Saya percaya kalau kita hendak binakan projek Bakun 500 megawatt sahaja mungkin kita tidak akan adakan kabel di bawah lautan kerana ini salah satu isu yang dipertikaikan, ialah kerana dengan projek raksasa Hidro Elektrik Bakun ini memang kita hendak gunakan kabel besar untuk membekalkan kuasa elektrik ini kepada Semenanjung tetapi dengan projek yang lebih kecil mungkin ini tidak akan dilaksanakan. Kalau itu yang akan diambil kira oleh pihak kerajaan, apakah rancangan untuk membekalkan kuasa elektrik ini walhal negeri Sarawak tidak memerlukan begitu banyak kuasa elektrik?

Tuan Pengerusi, sukalah saya menanya dengan lebih lanjut mengenai projek Bakun yang kecil ini.....

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Esoklah, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini relevan. *[Ketawa]*

**Majlis mesyuarat bersidang semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*